

**KEFAHAMAN MASYARAKAT ISLAM TERHADAP  
KEUTAMAAN MELAKSANAKAN UMRAH  
BERULANG KALI BERBANDING AMALAN  
BERSEDEKAH:  
KAJIAN DI DAERAH KUBANG PASU, KEDAH**

**MD. SHUKRI BIN AHMAD**

**JABATAN FIQH DAN USUL  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2010**

**KEFAHAMAN MASYARAKAT ISLAM TERHADAP  
KEUTAMAAN MELAKSANAKAN UMRAH  
BERULANG KALI BERBANDING AMALAN  
BERSEDEKAH:  
KAJIAN DI DAERAH KUBANG PASU, KEDAH**

**MD. SHUKRI BIN AHMAD**

**DISERTASI INI DISEDIAKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SYARIAH  
( SECARA DISERTASI )**

**JABATAN FIQH DAN USUL  
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2010**

## **ABSTRAK**

Penulisan Ini berkaitan kajian kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu Kedah Darul Aman. Ini memandangkan dengan fenomena yang berlaku di kalangan umat Islam masa kini yang di antaranya banyak membelanjakan wang ringgit dengan tujuan mengulangi ibadah umrah sunat yang berbentuk peribadi jika dibandingkan untuk tujuan bersedekah atau infak kepada jalan kebajikan lain yang berbentuk kemasyarakatan dan juga termasuk dari kategori ibadah yang dituntut oleh agama. Untuk mengenalpasti tahap kefahaman mereka dalam menentukan keutamaan di antara melaksanakan umrah berulang kali dengan bersedekah, maka ianya dapat dinilai dan diukur menerusi penghayatan, penguasaan maklumat serta pelaksanaan yang diamalkan dalam ibadah umrah dan sedekah. Kajian dilakukan untuk menjelaskan dalil-dalil berkaitan kelebihan umrah dan sedekah, pandangan fuqaha' serta hujah mereka mengenai keutamaan di antara melaksanakan umrah sunat berulang kali dengan bersedekah dan juga mengenalpasti kefahaman masyarakat Islam berkaitan keutamaan di antara kedua ibadah tersebut. Penyelidikan ini menggunakan dua kaedah kajian iaitu kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Melalui kajian perpustakaan dalil-dalil, pendapat ulama' silam dan kontemporari dikemukakan dan di realisasikan dengan kajian lapangan. Melalui kaedah kajian lapangan pula metod soal selidik digunakan. Satu set borang soal selidik yang merangkumi 30 soalan telah diedarkan kepada 301 responden yang merupakan sample mewakili seluruh penduduk di daerah Kubang Pasu. Hasil daripada kajian ini mendapati sebahagian besar responden memahami bahawa sedekah lebih utama daripada mengerjakan umrah sunat berulang kali berdasarkan jawapan yang dikemukakan. Di samping itu, kajian turut membuktikan kefahaman anggota masyarakat bertepatan dengan kehendak syariah dan tuntutan semasa.

## **ABSTRACT**

This paper examines the Muslim community's perception in Kubang Pasu district, Kedah Darul Aman on the issue pertaining to numerous performance of *umrah* (minor hajj or minor pilgrimage to Mecca) in preference to *sadaqah* (charity deeds). This is due to the persistence of such phenomena in the Muslim community who would favour and lavishly spend their wealth for the sake of personal interest by recurring the performance of *umrah*, as compared to the *sadaqah* deeds which involve public interest as ordained in Islam. The Muslims perception on this particular issue is analyzed from their levels of understanding, their occupation of knowledge pertaining this issue, and their practice of such devotional acts of *umrah* and *sadaqah*. This paper observes the revealed Quranic and Hadith authorities regarding *umrah* and *sadaqah*, the juristic opinions of Muslim scholars and the legal preferences between *umrah* and *sadaqah* as well as to study the understanding of Muslims with regards to the issue. The research methodology of this paper is based on the qualitative-library research and the quantitative-survey research. The former involves the study of legal authorities, juristic views of classical and contemporary scholars, while the latter imports surveys and questionnaires. 30 sets of questions are distributed to 301 respondents representing the Kubang Pasu population for the purpose of the survey. The finding of the research reveals that the majority of the Kubang Pasu population is aware that *sadaqah* stands significantly recommended as compared to the numerous performance of *umrah*. The study also observes that the understanding of the said Muslim community is, in accordance with syari'ah and the current demand.

## **PENGHARGAAN**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji dan syukur dipanjatkan kepada Allah s.w.t. serta dengan taufik dan hidayahnya bahawa kajian ini yang bertajuk " Kefahaman Masyarakat Islam Terhadap Keutamaan Melaksanakan Umrah Berulang kali Berbanding Amalan Bersedekah: Kajian Di Daerah Kubang Pasu Kedah Darul Aman" telah selamat disempurnakan oleh penulis di samping kerjasama, bantuan dan bimbingan dari pelbagai pihak. Jesteru itu penulis merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung yang turut memberi sumbangan bagi menyempurnakan disertasi ini samada bimbingan, cadangan, teguran, nasihat, sumbangan bahan data dan maklumat dan sebagainya.

Penghargaan dan penghormatan yang setinggi-tingginya penulis ucapkan kepada penyelia disertasi ini iaitu Prof. Madya Dr. Anisah binti Abd. Ghani yang banyak memberi bimbingan, pemikiran, teguran dan lain-lain lagi kepada penulis sehingga selesai disertasi ini.

Begitu juga sekalung penghargaan diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Ahmad Hidayat bin Buang Pengarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Ayahanda Prof. Madya Dr. Abdul Aziz bin Hanafi, Dekan Fakulti Syariah Kolej Universiti INSANIAH yang merupakan pencetus idea tajuk kajian ini dan banyak memberi bimbingan serta sokongan moral dan Dr. Abdul Rahim b. Othman, pensyarah Kolej Pengurusan dan Perniagaan Universiti Utara Malaysia yang turut memberi panduan

dan kerjasama yang banyak di dalam menyelesaikan data dan maklumat statistik di dalam disertasi ini.

Penulis juga mengucapkan ucapan penghargaan kepada perpustakaan-perpustakaan berikut :

- 1) Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya ( APIUM )
- 2) Perpustakaan Kolej Universiti INSANIAH Alor Setar Kedah ( KUIN )
- 3) Perpustakaan Kolej Islam Darul Ulum Pokok Sena Kedah ( KIDU )
- 4) Perpustakaan Jabatan Mufti Negeri Kedah Darul Aman
- 5) Perpustakaan persendirian Prof. Madya Dr. Abdul Aziz bin Hanafi
- 6) Perpustakaan persendirian Ustaz Ahmad bin Abdullah.

Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Jabatan Mufti Negeri Kedah Darul Aman, Pejabat Daerah Kubang Pasu Kedah dan kepada semua responden yang terdiri daripada masyarakat Kubang Pasu Kedah yang turut memberi kerjasama bagi memenuhi keperluan kajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang khas dan istimewa buat ayahanda Ahmad bin Kasim dan bonda Siti Minah binti Nor tersayang yang banyak memberi sokongan moral serta doa yang cukup bermakna buat penulis, ahli keluarga dan isteri Rassida binti Abu Hasan.

Tidak lupa juga ucapan jutaan terima kasih kepada semua teman–teman, rakan seperjuangan dan semua individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penulisan ini.

Md. Shukri bin Ahmad  
No. 44, Taman Kelisa,  
Jalan Istana Lubuk Kawah,  
06000 Jitra Kedah Darul Aman.

15 Rejab 1430 H bersamaan 8 Julai 2009M

## **KANDUNGAN**

| <b>DAFTAR ISI</b> | <b>HALAMAN</b> |
|-------------------|----------------|
|-------------------|----------------|

|                      |     |
|----------------------|-----|
| ABSTRAK              | i   |
| ABSTRACT             | ii  |
| PENGHARGAAN          | iii |
| KANDUNGAN            | vi  |
| KAEDAH TRANSLITERASI | x   |
| SENARAI KEPENDEKAN   | xii |

## **BAB PERTAMA**

### **LATAR BELAKANG KAJIAN**

|   |    |
|---|----|
| <b>PENDAHULUAN</b>                        | 2  |
| Pengenalan                                | 2  |
| Latarbelakang masalah kajian              | 3  |
| Kenyataan tentang masalah kajian          | 5  |
| Objektif kajian                           | 6  |
| Kepentingan kajian                        | 7  |
| Skop kajian                               | 8  |
| Metodologi kajian                         | 9  |
| Ujian rintis ( Pilot Test )               | 13 |
| Ulasan kajian lepas ( Literature Review ) | 14 |
| Profil daerah Kubang Pasu                 | 17 |

## BAB KEDUA

### IBADAH UMRAH DAN SEDEKAH MENGIKUT PERSPEKTIF ISLAM

|  |    |
|--|----|
| <b>Pendahuluan</b>                                       | 21 |
| <b>2.1 – Konsep umrah</b>                                |    |
| 2.1.1 – Pendahuluan                                      | 22 |
| 2.1.2 – Dalil-dalil pensyariatan umrah                   | 23 |
| 2.1.3 – Hukum melaksanakan umrah                         | 29 |
| 2.1.4 – Fadhilat melaksanakan umrah                      | 32 |
| 2.1.5 – Hukum mengulangi ibadah umrah                    | 37 |
| <b>2.2 – Konsep sedekah</b>                              |    |
| 2.2.1 – Pendahuluan                                      | 40 |
| 2.2.2 – Dalil-dalil pensyariatan sedekah dan fadhilatnya | 41 |
| 2.2.3 – Pembahagian sedekah                              | 48 |

## BAB KETIGA

### PANDANGAN ULAMA' TERHADAP KEUTAMAAN MELAKSANAKAN UMRAH BERULANG KALI BERBANDING AMALAN BERSEDEKAH.

|  |    |
|--|----|
| 3.1 – Pendahuluan  | 55 |
| 3.2 – Konsep <i>fiqh al-awlawiyyāt</i>                   | 57 |
| 3.2.1 – Pendahuluan                                      | 57 |
| 3.2.2 – Definasi <i>fiqh al-awlawiyyāt</i>               | 58 |
| 3.2.3 – <i>Fiqh al-awlawiyyāt</i> dalam perkara ibadah   | 63 |
| 3.2.4 – Pandangan ulama' kontemporari terhadap keutamaan |    |

melaksanakan ibadah umrah berulang kali

dengan memberi sedekah.

67

## BAB KEEMPAT

### **ANALISIS KAJIAN MENGENAI KEFAHAMAN MASYARAKAT ISLAM TERHADAP KEUTAMAAN MELAKSANAKAN UMRAH BERULANG KALI BERBANDING AMALAN BERSEDEKAH DI DAERAH KUBANG PASU.**

|   |     |
|---|-----|
| <b>Pengenalan</b>   | 84  |
| Bahagian A : Latarbelakang Responden  | 87  |
| Bahagian B : Kefahaman Responden Terhadap Ibadah Umrah Dan Sedekah  | 93  |
| 1.0 – Kefahaman Terhadap Ibadah Umrah   | 93  |
| 2.0 – Kefahaman Terhadap Ibadah Sedekah   | 105 |
| 3.0 – Pandangan Terhadap Keutamaan Melaksanakan Umrah Berulang kali Atau Bersedekah   | 116 |
| Bahagian C : Hubungkait Faktor Latarbelakang Dengan Kefahaman Masyarakat Islam Terhadap Keutamaan Melaksanakan Umrah Berulang kali Berbanding Amalan Bersedekah | 117 |
| Bahagian i: Hubungkait Kefahaman Responden Terhadap Ibadah Umrah Dengan aliran Pendidikan Dan Taraf Pendidikan  | 118 |
| 1.0 - Taraf Pendidikan  | 118 |
| 1.1 - Aliran Pendidikan   | 130 |

|  |     |
|--|-----|
| Bahagian ii: Hubungkait Kefahaman Responden Terhadap |     |
| Ibadah Sedekah Dengan Aliran Pendidikan              |     |
| Dan Taraf Pendidikan                                 | 140 |
| 2.0 – Taraf Pendidikan                               | 140 |
| 2.1 – Aliran Pendidikan                              | 158 |

|   |     |
|---|-----|
| Bahagian iii: Hubungkait Kefahaman Responden Terhadap |     |
| keutamaan Melaksanakan Umrah Berulang kali            |     |
| Berbanding Amalan Bersedekah Sedekah                  |     |
| Dengan Aliran Pendidikan Dan Taraf Pendidikan         | 174 |
| 3.0 – Taraf Pendidikan                                | 174 |
| 3.1 – Aliran pendidikan                               | 175 |

## **BAB KELIMA**

### **PENUTUP**

|                               |     |
|-------------------------------|-----|
| <b>KESIMPULAN DAN SARANAN</b> | 179 |
|-------------------------------|-----|

|            |     |
|------------|-----|
| Kesimpulan | 179 |
|------------|-----|

|                      |     |
|----------------------|-----|
| Saranan dan cadangan | 186 |
|----------------------|-----|

|         |     |
|---------|-----|
| Penutup | 188 |
|---------|-----|

|                    |     |
|--------------------|-----|
| <b>BIBLIOGRAFI</b> | 190 |
|--------------------|-----|

|                 |     |
|-----------------|-----|
| <b>LAMPIRAN</b> | 195 |
|-----------------|-----|

## KAEADAH TRANSLITERASI

Transliterasi perkataan Arab yang digunakan di dalam disertasi ini berpandukan transliterasi buku panduan penulisan tesis / disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam edisi kedua 2006 yang dikeluarkan oleh Pejabat Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur iaitu seperti berikut:

| Arab  | Latin          |
|-------|----------------|
| ا ، ئ | a,' ( Hamzah ) |
| ب     | b              |
| ت     | t              |
| ث     | th             |
| ج     | j              |
| ح     | h              |
| خ     | kh             |
| د     | d              |
| ذ     | dh             |
| ر     | r              |
| ز     | z              |
| س     | s              |
| ش     | sh             |
| ص     | §              |
| ض     | ɖ              |
| ط     | ʈ              |

|   |    |
|---|----|
| ظ | z  |
| ع | '  |
| غ | gh |
| ف | f  |
| ق | q  |
| ك | k  |
| ل | l  |
| م | m  |
| ن | n  |
| ه | h  |
| و | w  |
| ي | y  |
| ة | h  |

Vokal pendek :

—ő— : a      —ø— : i      —ö— : u

Vokal panjang :

ا، ا، ئ : ā      ئ : ī      و : ū

Diftong :

و—ő— : aw      ي—ő— : ay      و—ö— : uww      ي—ø— : iy/i

## **SENARAI KEPENDEKAN**

|         |                            |
|---------|----------------------------|
| Dr.     | Doktor Falsafah            |
| Prof.   | Profesor                   |
| Ibib    | rujukan yang sama          |
| Op.cit. | buku yang sama             |
| Bil.    | Bilangan                   |
| h.      | halaman                    |
| j.      | Jilid                      |
| jzk.    | Juzuk                      |
| t.t     | tanpa tarikh               |
| a.s     | Alayh al-Salām             |
| S.W.T.  | Subhānah wa Taālā          |
| S.A.W.  | Sallallāhu alaihi wasallam |

# **BAB PERTAMA**

## PENDAHULUAN

### 1.1 PENGENALAN

Kesempurnaan ibadah di dalam Islam melibatkan dua hubungan penting yang perlu dilaksanakan bagi menjana kehidupan sebagai seorang muslim yang sebenar dalam mengejar kecemerlangan di dunia dan akhirat iaitu hubungan dengan Allah S.W.T. sebagai pencipta dan hubungan sesama makhluk. Maka dalam konteks tajuk perbincangan kajian ini merangkumi kedua-dua perkara tersebut iaitu umrah yang merupakan sebagai hubungan seseorang dengan Allah dan sedekah atau *infāq* yang merupakan hubungan sesama manusia. Walaupun berlainan dari sudut perlaksanaannya akan tetapi sama dari segi matlamat iaitu ibadah, yang perlu difahami dari sudut pelaksanaan dan keutamaannya agar bertepatan dengan kehendak dan tuntutan *syara'*.

Umrah merupakan diantara bentuk ibadah yang di syariatkan oleh Allah S.W.T. dituntut agar mereka yang berkemampuan melaksanakannya. Ianya berdasarkan kepada kepada nas-nas dari al-Qur'ān dan al-Hadith serta kesepakatan ulama' (*Ijma' 'ulamā'*). Pelbagai kelebihan dan keistimewaan yang akan diperolehi bagi mereka yang menyahut jemputan umrah tersebut. Kedatangan mereka merupakan sebagai tetamu Allah yang dipilih bagi menatapi lambaian Ka'bah yang pasti dimakbulkan doa disetiap saat dan waktu. Sepertimana sabda Baginda S.A.W.:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : الْحُجَّاجُ وَ  
الْعُمَارُ وَفُدُّ اللَّهِ ، إِنْ دَعَوْهُ أَجَابُوهُ وَإِنْ اسْتَغْفِرُوهُ غَفَرَ لَهُمْ

*Ertinya: Para jamaah haji dan para jamaah umrah merupakan tetamu Allah, jika mereka berdoa kepadanya nescaya Allah memaqbulkan doa mereka dan jika mereka memohon keampunan kepadanya nescaya Allah mengampuni mereka.<sup>1</sup>*

Begitu juga dengan sedekah atau *infāq* yang terdiri daripada ibadah yang disyariatkan dalam Islam sebagai suatu kaedah bagi memelihara dan menangani segala permasalahan hidup seharian serta dapat menampung keperluan semasa samaada berbentuk individu, atau jamaah bertepatan dengan manhaj dan syariat Ilahi. Kedua-dua ibadah ini merupakan tuntutan penting yang perlu dilaksanakan. Maka memandangkan kedua-dua amalan tersebut sama statusnya di dalam kategori ibadah yang dituntut untuk dilaksanakannya, maka penulis telah mengambil pendekatan melalui *fiqh al-awlawiyāt* (*fiqh* keutamaan) atau *fiqh al-muwāzanah* sebagai neraca pertimbangan bagi menentukan kefahaman masyarakat Islam di daerah Kubang Pasu yang menjadi lokasi kajian penulis.

## 1.2 LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Pelaksanaan ibadah umrah berulang kali sudah menjadi perkara yang diperbincangkan diseluruh negara umat Islam amnya termasuklah di Malaysia. Ianya sudah menjadi kebiasaan bagi sebilangan umat Islam yang kaya atau berkemampuan apabila tiba masa dan waktu yang bersesuaian seperti waktu cuti persekolahan, pada bulan puasa dan di hujung tahun. Sebahagian wang mereka sudah diperuntukkan untuk tujuan ibadah umrah pada tiap-tiap tahun. Dengan bilangan jemaah Malaysia yang ramai pergi menunaikan ibadah ulangan itu disetiap tahun bererti sejumlah besar wang negara turut mengalir keluar negara disamping memberi kesan yang negatif kepada

---

<sup>1</sup> Abū ‘Abd Allah Muḥammad b. Yazīd al-Qazwainī Ibn Mājah (1421H-2000M), *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Manāsik, Bāb Fadl Doā' al-Hajj, no. Hadith : 2892, j. 2, Beirut: Dār Ihya' al-Turāth al- 'Arabī, h.494

ekonomi negara. Namun dengan keinginan dan waktu pelaksanaan umrah yang tidak terhad turut menjadi faktor utama bagi segenap lapisan masyarakat berkeinginan untuk mengulanginya.

Kajian mengenai kefahaman masyarakat terhadap keutamaan mengerjakan umrah berulangkali dengan bersedekah di daerah Kubang Pasu ini juga penting kerana memandangkan masih terdapat mereka yang menitik beratkan bagi mengutamakan perkara sunat yang berbentuk peribadi daripada perkara sunat berbentuk jamae'i yang meliputi seluruh kerja-kerja kebajikan yang masih lagi memerlukan kepada kos peruntukan wang yang besar dan perhatian orang ramai bagi menanganinya. Kenapakah sejumlah wang yang diperuntukan untuk tujuan umrah ulangan yang berstatus sunat itu tidak dimanfaatkan untuk kerja-kerja Islam lain yang menjadi kewajipan dan tanggungjawab bersama.

Kajian ini juga perlu untuk mengetahui secara rawak kefahaman masyarakat Islam di daerah Kubang Pasu mengenai ibadah umrah dan sedekah. Adakah ibadah umrah pernah dikerjakan secara berulangkali serta bagaimanakah bentuk perlaksanaan ibadah sedekah yang diamalkan dan apakah faktor yang menjadi keutamaan bagi memenuhi tujuan sedekah tersebut. Pandangan mengenai erti *fī sabīl Allah* juga perlu dibuat memandangkan kerana orang ramai bersandarkan kepada saluran tersebut bagi tujuan menampung dan menangani keperluan semasa dan aktiviti keagamaan.

Kajian ini juga penting untuk mengetahui kefahaman masyarakat Islam di daerah Kubang Pasu terhadap status hukum umrah berulang kali yang dikerjakan kerana memandangkan kepada hukum sedekah itu sendiri hukumnya sunat dan kadangkalanya berubah menjadi wajib dalam situasi tertentu serta manakah yang perlu diberi

keutamaan di antara umrah berulang kali dengan sedekah atau *infaq fī sabīl Allāh* (sumbangan pada jalan Allah). Maka dengan pengimbangan ibadah dan pelaksanaan bertepatan dengan kehendak syara' dan keutamaan semasa dapat menjamin kehidupan yang terbela, penghayatan Islam yang sempurna dan mencerminkan kehebatan Islam di mata dunia.

### **1.3 KENYATAAN TENTANG MASALAH KAJIAN**

Mengulangi ibadah umrah merupakan perkara sunat berbentuk *fardī* ( individu ) yang dianjurkan oleh Islam. Golongan yang berkemampuan akan merebut peluang tersebut bagi tujuan meningkatkan ketaqwaan kepada Allah S.W.T.. Dalam kegairahan mengejar ganjaran yang dijanjikan, kadangkalanya menyebabkan seseorang itu lalai dan alpa dengan tanggungjawab berbentuk kemasyarakatan yang merupakan tuntutan dan kewajipan bersama dalam membantu dan menyelesaiannya. Kesan daripada tindakan tersebut kita dapati masih ramai umat Islam yang hidup dalam keadaan *da'if* tanpa pembelaan dari mana-mana pihak dan tergендalnya beberapa kerja kebajikan lain yang memerlukan perhatian, kerjasama serta perihatin orang ramai. Wujudnya keadaan tersebut kemungkinan disebabkan taraf hidup yang berbeza atau kesan berbagai latar belakang pendidikan yang berperanan mewarnai dan mencorakkan pemikiran dan kefahaman seseorang.

Dengan fenomena tersebut menjadi faktor pendorong penulis untuk melakukan kajian ini agar memperoleh ibadah yang tepat dengan kehendak syara' dan memenuhi tuntutan keperluan semasa. Antara faktor-faktor tersebut ialah:

- a) Keperluan mengetahui sejauh mana kefahaman masyarakat tentang tuntutan syariat terhadap ibadah umrah dan sedekah.
- b) Keperluan menilai adakah tindakan masyarakat bertepatan dengan *syara'* dalam menimbang keutamaan dari dua bentuk ibadah yang dituntut dalam suatu masa.
- c) Keperluan untuk mengetahui masalah-masalah yang dihadapi untuk perlaksanaan ibadah umrah dan sedekah.

#### **1.4     OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dijalankan bagi mencapai beberapa objektif penting. Antaranya seperti berikut:

- 1) Menjelaskan dalil-dalil berkaitan kelebihan serta ganjaran terhadap mengulangi ibadah umrah dan amalan bersedekah.
- 2) Mengenalpasti pandangan fuqaha' serta hujah-hujah mereka berkaitan keutamaan di antara mengerjakan ibadah umrah berulang kali atau bersedekah.
- 3) Mengenalpasti kefahaman masyarakat Islam di antara keutamaan mengerjakan umrah sunat berulang kali atau bersedekah.

## **1.5 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini penting untuk menilai beberapa persoalan yang merangkumi pelbagai aspek terhadap kefahaman masyarakat mengenai keutamaan di antara mengerjakan umrah sunat berulang kali dengan bersedekah.

Persoalan pertama ialah untuk mengetahui apakah masyarakat di daerah Kubang Pasu mempunyai maklumat yang tepat mengenai ibadah umrah dan sedekah yang dianjur dan diamalkan. Di samping itu dapat mengetahui tahap kefahaman mereka terhadap kedua-dua ibadah tersebut.

Kajian ini juga penting untuk mengkaji sejauh manakah kefahaman masyarakat di daerah Kubang Pasu terhadap keutamaan di antara mengerjakan umrah sunat berulang kali dengan bersedekah dan dinilai dengan neraca syara' terhadap ketepatannya semoga dapat menjadi panduan yang jelas kepada umat Islam disudut keutamaan yang perlu diperhatikan di dalam pelaksanaan ibadah dari semasa ke semasa.

Kajian ini juga perlu untuk membuktikan peranan ibadah dalam meningkatkan taraf hidup umat Islam yang diantaranya melalui konsep sedekah serta dapat merealisasikan hasrat kerajaan untuk membasmikan kemiskinan serta meringankan beban golongan yang kurang upaya. Disamping itu juga dapat mempamerkan kecemerlangan Islam dalam menjamin kehidupan manusia melalui bentuk sedekah dan sumbangan.

Penulis juga mengharapkan agar kajian ini dapat mengingatkan umat Islam kepentingan memahami tututan *fīqh al-awlawiyyāt* di dalam menentukan ketepatan ibadah bersesuaian dengan kehendak dan keperluan semasa.

## **1.6 SKOP KAJIAN**

Kajian yang dijalankan ini memfokuskan kepada dua skop utama. Skop pertama mengesan dalil-dalil mengenai kelebihan ibadah umrah dan sedekah, kelebihan mengulangi umrah sunat, pengenalan konsep *fiqh al -awlawiyyāt*, keutamaan di antara mengerjakan umrah sunat berulang kali dengan bersedekah serta pandangan para *fuqaha'* berserta dalil-dalil yang dikemukakan bagi setiap pandangan.

Skop kedua mengkaji kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan di antara mengerjakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu Kedah Darul Aman yang mempunyai 21 mukim melalui soal selidik melibatkan bilangan responden tertentu yang dipilih secara rawak. Penulis memilih tujuh mukim sahaja dari jumlah keseluruhan mukim sebagai sampel mewakili jumlah populasi penduduk daerah Kubang Pasu.

Terdapat beberapa faktor kesesuaian yang boleh dijadikan alasan terhadap pemilihan tujuh mukim berkenaan. Di antaranya ialah jumlah penduduk di setiap mukim yang dipilih melebihi 10,000 orang ( lebih ramai ) bilangan jika dibandingkan dengan mukim-mukim lain disamping jumlah keseluruhan bilangan penduduk dari tujuh mukim terpilih sudah melebihi separuh ( 163,743 orang)<sup>2</sup>. Maka dengan jumlah majoriti penduduk dari tujuh mukim yang dipilih sudah dapat mewakili jumlah penduduk minoriti dari mukim-mukim lain dalam mengukur dan menilai kefahaman masyarakat secara umum. Jumlah responden yang mewakili tujuh mukim itu diambil melalui taburan responden dari kawasan yang berbeza seperti pendalaman atau bandar dan dari

---

<sup>2</sup> Buku PELAN STRATEGIK Pejabat Daerah Kubang Pasu Kedah Darul Aman 2009 hingga 2012.

sektor pekerjaan yang berlainan kerana dengan perbezaan kawasan tempat tinggal dan bidang pekerjaan juga mempengaruhi nilai dan tahap pemikiran, kefahaman dan penghayatan agama seseorang. Selain itu, penulis mendapati Mukim-mukim yang dipilih itu terletak di lokasi yang strategik dengan pelbagai keunikan yang turut membantu penulis dalam menjalankan kajian. Mukim-mukim yang dipilih iaitu Jitra, Naga, Jerlun, Sanglang, Keplu, Temin dan Sungai Laka.

Semoga dapatan kajian dari tujuh mukim tersebut dapat membantu penulis menilai dan mengukur tahap kefahaman berkaitan permasahan tajuk kajian. Manakala cadangan langkah-langkah yang perlu diambil dijadikan sebagai modul bagi memantap dan meningkatkan lagi kefahaman serta kesedaran setiap anggota masyarakat Islam semoga mencapai kecemerlangan di dalam ibadah yang dilaksanakan.

## **1.7 METODOLOGI KAJIAN**

Bagi melaksanakan kajian terhadap kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali dengan bersedekah di daerah Kubang Pasu, penulis telah mengenalpasti beberapa kaedah atau metod pengumpulan data untuk mendapatkan maklumat yang jelas dan terperinci . Metod-metod tersebut adalah seperti berikut:

1- Metod Pengumpulan Data

2- Metod Penganalisis Data

### **1.7.1 Metod pengumpulan data**

Metod ini bermaksud proses pengumpulan data dan maklumat yang berkaitan dengan tajuk ini. Dalam usaha mengumpul data dan fakta kajian serta membahas data-data tersebut secara lengkap dan sistematik, penulis akan menggunakan metod-metod penyelidikan seperti berikut:

#### **a – Penyelidikan perpustakaan**

Penyelidikan perpustakaan adalah kaedah penyelidikan yang paling penting untuk mendapatkan data-data yang sahih bagi mengenal pasti konsep umrah dan sedekah menurut perspektif Islam. Ini kerana penyelidikan ini tertumpu kepada fakta-fakta yang telah dicatat di dalam sumber-sumber yang berautoriti dari ulama'-ulama' yang muktabar. Oleh itu penulis memetik pandangan-pandangan ulama' muktabar melalui karya mereka. Antaranya ialah sumber data daripada ulama' muktabar daripada kitab fekah empat mazhab. Penulis juga menggunakan kitab-kitab tafsir dan hadith yang muktabar serta kitab-kitab karangan ulama' kontemporari, fatwa-fatwa semasa dan majalah bagi mendapatkan pandangan mereka mengenai tajuk kajian.

Bagi mendapatkan maklumat berkaitan dari bahan bertulis, penulis telah merujuk kepada beberapa perpustakaan seperti berikut:

- i – Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM )
- ii – Perpustakaan Kolej Universiti INSANIAH Kedah Darul Aman ( KUIN )
- iii – Perpustakaan Kolej Islam Darul Ulum Kedah Darul Aman ( KIDU )
- iv – Perpustakaan Pejabat Mufti Negeri Kedah Darul Aman

## **b – Penyelidikan lapangan**

Manakala penyelidikan lapangan pula ialah kajian yang dilakukan secara langsung yang menyentuh dengan daerah atau kawasan dan masyarakat yang dikaji dan analisis.

Kajian lapangan ini dijalankan bagi meninjau tahap kefahaman masyarakat Islam mengenai ibadah umrah dan sedekah serta mengenalpasti kefahaman berkaitan keutamaan di antara melaksanakan umrah sunat berulang kali dengan bersedekah adakah bertepatan dengan neraca Islam.

Satu set borang soalselidik disediakan dan diedar kepada responden. Kajian ini merupakan secara rawak bagi mewakili seluruh penduduk di daerah Kubang Pasu yang melibatkan 301 setelah borang tersebut berjaya dikumpulkan. Borang kaji selidik ini merangkumi dua bahagian. Bahagian pertama merangkumi data demografi dan bahagian kedua merangkumi kefahaman responden mengenai ibadah umrah dan sedekah dan pandangan keutamaan di antara umrah berulangkali dengan bersedekah.

Dapatan dari kajian tersebut dapat membantu penulis bagi mendapatkan maklumat tertentu berkaitan kefahaman dan pandangan masyarakat Islam di daerah Kubang Pasu mengenai keutamaan diantara mengerjakan umrah sunat berulangkali dengan bersedekah.

Melalui metod ini juga, penulis turut mendapatkan pandangan beberapa tokoh terkenal di daerah kajian melalui bentuk kiriman surat rasmi yang turut

melibatkan Jabatan Mufti Negeri Kedah Darul Aman, Jabatan Agama Islam daerah Kubang Pasu Kedah Darul Aman serta beberapa tokoh lain. Lima surat rasmi di hantar bagi mendapatkan pandangan mereka yang dikenalpasti berkelayakan dalam mengemukakan pandangan tajuk kajian.

Dapatan dari usaha tersebut, ternyata kurang memuaskan. Hal demikin kerana kurang respon dan perhatian yang sewajarnya dari pihak terbabit dengan alasan kesibukan dan sebagainya. Hanya satu sahaja jawapan secara bertulis yang diterima penulis iaitu dari Jabatan Mufti Negeri Kedah Darul Aman yang bertarikh 25 Ogos 2008. Jawapan yang diterima hanya sekadar menunjukkan beberapa kitab rujukan berkaitan tajuk kajian tanpa menyatakan pandangan dan pendirian yang jelas seperti yang dikehendaki.

### **1.7.2 Metod analisa data**

Data–data yang diperolehi di analisis melalui dua kaedah:

#### **a – Metod penganalisaan data dari perpustakaan**

Menggunakan nas al-Qur'ān dan al-Hadith dengan mengambil kira penafsiran dan huraiyan daripada para ulama' serta pendapat para ulama' yang muktabar dari empat mazhab bagi menentukan manakah pendapat yang lebih kuat dan lebih *rājīh*. Pada kebiasaan penulis lebih cenderung kepada pendapat ulama' *Syāfi'iyyah* kerana lebih relevan dengan suasana masyarakat di Malaysia.

## **b – Metod penganalisaan data kajian lapangan**

- 1) Menganalisa secara huraian dengan menggunakan kaedah deduktif iaitu menggunakan jawapan responden sebagai mewakili masyarakat Islam di daerah Kubang Pasu dalam hal tajuk berkaitan.
- 2) Data–data yang di perolehi, dianalisis dalam bentuk kekerapan atau peratusan menggunakan kaedah statistik yang terdapat dalam program "The Statistical Package For Social Science" (SPSS) sebagai memudahkan hasil kajian yang dikemukakan agar lebih jelas dan menarik dan dengan cara manual melalui microsoft excel serta dikemukakan dalam bentuk jadual, rajah atau carta.
- 3) Membuat kesimpulan bagi setiap item atau teori–teori kajian.

### **1.8 UJIAN RINTIS (PILOT TEST)**

Sebelum mengedar borang kaji selidik kepada responden yang tinggal di kawasan tumpuan kajian daerah Kubang Pasu, penulis telah membuat ujian rintis terhadap set borang kaji selidik ini bagi menguji keberkesanan borang kaji selidik tersebut. Seramai dua puluh orang responden terlibat dalam ujian ini sebagai subjek kajian. Responden ujian ini diberikan penjelasan terhadap tujuan kajian iaitu untuk mengetahui sejauh mana kefahaman terhadap keutamaan melaksanakan umrah sunat berulangkali dengan bersedekah. Natijah daripada ujian rintis tersebut, pengkaji dapati semua responden dapat memberi kerjasama yang baik serta memahami dan memenuhi kehendak borang soal selidik tersebut dengan baik.

## 1.9 ULASAN KAJIAN LEPAS (LITERATURE REVIEW)

Kajian mengenai keutamaan mengerjakan umrah berulang kali dengan bersedekah telah pun dibincangkan secara umum oleh para ilmuan Islam di dalam karya ulama'-ulama' silam dan secara terperinci oleh ulama'-ulama' kontemporari serta menjadi perbincangan semasa. Kebanyakan kitab yang terdahulu banyak memberi fokus mengenai kelebihan–kelebihan mengerjakan umrah dan mengulanginya serta rahsia yang tersirat di sebalik ibadah tersebut. Contohnya kitab *Hidāyah al-Sālik* karangan *Imam Izz al-Dīn b. Jamā‘ah*<sup>3</sup> yang menghuraikan kelebihan haji dan umrah serta hukum–hukum berkaitan cara pelaksanaannya.

Terdapat juga kitab–kitab lain yang membicarakan perkara yang sama diantaranya seperti *al-Ithāf bi Takhrij Ahādīth al-Ishrāf* karangan Dr. Badawī ‘Abd al-Şamad<sup>4</sup>. Disamping itu terdapat banyak juga karya–karya yang membahaskan mengenai hukum haji dan umrah pertama kali dan ulangan seperti kitab *al-Hajj wa al-‘Umrah fī al-Fiqh al-Islāmī* yang ditulis oleh Nur al-Dīn ‘Atār<sup>5</sup>, Kitāb *Manāsik al-Hajj wa al-‘Umrah* karangan Shaykh Izz al-Dīn al-Hāyik<sup>6</sup>, kitab *Hukm al-Hajj wa al-‘Umrah fī Fiqh ‘Umar bin Al-Khaṭṭāb* yang di karang oleh Dr. Ruwā'i bin Rājeh al-Rāhīlī.<sup>7</sup> Manakala kitab *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* karangan Prof. Dr. Wahbah al-Zuḥaylī<sup>8</sup> menghuraikan pandangan empat mazhab berkaitan haji dan umrah. Kitab *Fi Fiqh al-*

<sup>3</sup> ‘Izz al-Dīn b. Jamā‘ah (1414H-1994M), *Hidāyah al – Sālik* , jzk. 1. Beirut: Dār al-Bashyāir, h. 7

<sup>4</sup> Dr. Badawī Abd. Al-Şamad (1420H-1999M ), *al-Ithāf Bitakhrij Ahādīth al-Ishrāf* , jzk.3. Dubai: Dār al-Buhūth li al-Dirāsāt al – Islamiyyah.

<sup>5</sup> Nur al-Dīn ‘Atār (t.t) , *al-Hajj wa al-‘Umrah fī Fiqh al – Islāmī*, Damsyik : al- Maktabah al-‘Arabiyyah.

<sup>6</sup> Shaykh Izz al-Dīn al-Hāyik (1998M), *Manāsik al-Hajj wa al-‘Umrah* , Damsyik : Dār al-Fikr.

<sup>7</sup> Dr. Ruwā'i bin Rājeh al-Rāhīlī (t.t), *Hukm al-Hajj wa al-‘Umrah fī Fiqh ‘Umar bin Al-Khaṭṭāb*, Makkah: Nādī Makkah al- Thaqāfi al-Adabī.

<sup>8</sup> Wahbah b. Muṣṭafā al-Zuḥaylī (Prof. Dr.) (1989), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, jzk. 3. Damsyik: Dār al-Fikr.

*Awlawiyyāt* karangan Prof. Dr. Yūsuf al-Qaradāwī<sup>9</sup> agak lebih terperinci dalam menghuraikan keutamaan ibadah yang perlu di beri perhatian oleh umat Islam menurut perspektif al-Qur’ān dan al-Hadith.

Berkaitan dengan sedekah pula, terdapat beberapa buah kitab yang membincangkan konsep sedekah atau *infāq*, pembahagian sedekah dan hak – hak harta dalam menangani keperluan dan meringankan bebanan kemiskinan masyarakat . Contohnya seperti kitab *Siyāsah al-Infāq al-Ām fī al-Islām* karangan Dr. ‘Auf Mahmūd al-Kifrāwī<sup>10</sup> yang membincangkan pengenalan harta dalam Islam, pengagihan zakat, bentuk–bentuk harta sumbangan dan pengagihannya dalam sebuah negara Islam dan lain–lain lagi . Manakala kitab *Tarshyīd al-Istihlāki al-Fardī* karangan Manzūr Aḥmad al-Azharī<sup>11</sup> Menyebut tentang pembahagian sedekah dan sedekah yang sempurna berdasarkan keutamaan dan tarjih . Terdapat juga Kitab–kitab himpunan fatwa– atwa ulama' yang turut menyentuh persoalan keutamaan diantara mengerjakan umrah sunat berukangkali dengan sedekah. Antaranya ialah *Fatāwa Mu’āsirah* Karangan Prof. Dr. Wahbah al-Zuḥaylī<sup>12</sup>, kitab *Aḥsan al-Kalām* karangan Shaykh ‘Atīyyah Ṣaqar<sup>13</sup>, Kitab *Miah Suāl ‘An al-Hajj wa al-‘Umrah* karangan Prof. Dr. Yūsuf al-Qaradawī<sup>14</sup> dan lain-lain lagi.

---

<sup>9</sup> Yūsuf al-Qaradawī (Prof. Dr.)(2004), *Fī Fiqh al-Aulawiyyāt*, Kaherah: Maktabah Wahbah

<sup>10</sup> ‘Auf Mahmūd al-Kifrāwī (Dr.) (t.t), *Siyāsah al-Infāq' al-Ām fī al-Islām*, Iskandariyyah: Muassasah Shabāb al-Jāmi‘ah.

<sup>11</sup> Manzūr Aḥmad al-Azharī (1422H-2002M), *Tarshyīd al-Istihlāki al-Fardī*, Kaherah: Dār al-Salām.

<sup>12</sup> Wahbah b. Muṣṭafā al-Zuḥaylī (Prof. Dr.), (2003), *Fatāwā Muāsirah*, Damsyik : Dār al-Fikr. H. 56

<sup>13</sup> Shaykh ‘Atīyyah Ṣaqar (t.t), *Aḥsan al-Kalām fi Fatāwā wa al-Ahkām*, Kaherah : Dār al – Ghad al - ‘Arabī.

<sup>14</sup> Yūsuf al-Qaradawī (Prof. Dr.), (2004), *Miah Sual ‘An al-Hajj wa al-‘Umrah*, Kaherah: Maktabah Wahbah , h.38-42.

Terdapat juga majalah semasa yang turut menyentuh tajuk kajian iaitu majalah *al-Iqtisād al-Islāmī*<sup>15</sup> dengan memuatkan beberapa pandangan daripada para ilmuan Islam kontemporari berpandukan kepada realiti semasa yang berlaku di kalangan umat Islam kini.

Kesimpulannya, walaupun tiada kitab-kitab atau karya-karya yang membahaskan secara khusus dan lengkap berkaitan tajuk kajian, akan tetapi dari beberapa karangan tersebut dapat memberi sumbangan yang bermakna kepada penulis sebagai bahan maklumat yang dapat melengkapi tajuk kajian dan disamping bahan maklumat dari sumber-sumber yang lain. Kajian ini bertujuan mengumpulkan seberapa banyak maklumat yang mungkin dari pelbagai sumber bacaan agar dapat memberi penjelasan yang sebenar berkaitan perlaksanaan umrah sunat dengan sedekah, manakah yang perlu di utamakan?

---

<sup>15</sup> Majalah *Al- Iqtisād Al-Islāmī*, Disember 2005 "Khamsah Miliyarāt Dawlar tunfiq Sanawiyyan 'Alā Hajj al-Tatawwu' ", Dubai, h. 55

## **1.10 PROFIL DAERAH KUBANG PASU, KEDAH**

### **Pendahuluan**

Dalam tajuk ini penulis akan membentangkan latar belakang tempat kajian iaitu daerah Kubang Pasu Kedah Darul Aman secara umum. Pembentangan akan memfokuskan kepada beberapa aspek penting yang menjadi asas utama iaitu dari segi sejarah kewujudan Kubang Pasu, kedudukan geografi dan keluasan kawasan, penduduk, kegiatan ekonomi penduduk, pembangunan dan infrastruktur serta kemajuan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan sesuai dengan strategi Kedah Sejahtera.

### **Sejarah Dan Kedudukan Geografi**

Lahirnya Kubang Pasu adalah kerana Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II, Sultan Kedah (1804-1843) telah menghadiahkan daerah ini kepada Tunku Anum kerana membalas jasanya mengalahkan dan membebaskan Kedah daripada cengkaman pihak Siam dan meletakkan kembali Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II di atas takhtanya. Tunku Anum menamakan negeri yang diperolehinya sebagai Kubang Pasu Darul Qiyyam atau Negeri Yang Teguh Berdiri. Segala urusan rasmi kerajaan, termasuk cap mohor dan urusan geran tanah digunakan nama Kubang Pasu Darul Qiyyam<sup>16</sup>.

Kubang Pasu adalah sebuah daerah yang terletak paling utara di Negeri Kedah Darul Aman . Ianya bersempadan dengan Negara Thailand di bahagian utara, daerah Padang Terap di sebelah timur, daerah Kota Setar di sebelah selatan, negeri Perlis Darul Sunnah dan Selat Melaka di sebelah barat.<sup>17</sup>

---

<sup>16</sup> Profail Pejabat Daerah Kubang Pasu 2004.

<sup>17</sup> *Ibid*

## **Bilangan Penduduk dan Kegiatan Ekonomi**

Mengikut bancian tahun 2000, keseluruhan penduduk daerah Kubang Pasu adalah seramai 185,856 orang yang terdiri dikalangan penduduk lelaki seramai 89,556 orang manakala penduduk perempuan adalah seramai 96,300 orang. Bagi komposisi mengikut etnik pula, kaum Melayu adalah paling ramai iaitu 160,058 orang diikuti dengan kaum Cina 15,892 orang, India 4,384 orang dan kaum-kaum lain adalah sebanyak 2,869 orang.<sup>18</sup>

Sektor pertanian menjadi kegiatan utama masyarakat di daerah Kubang Pasu dan sebahagian besar keluasan daerah Kubang Pasu diperuntukan untuk tujuan tersebut. Sementara kegiatan lain seperti perindustrian juga turut dibangunkan dengan pelbagai projek di laksanakan.<sup>19</sup>

## **Pembangunan Dan Kemajuan**

Daerah Kubang Pasu juga menyediakan beberapa kemudahan asas penting yang menjadi keperluan semasa seperti pendidikan yang bermula dari peringkat rendah, menengah dan pengajian tinggi. Di antaranya seperti Universiti Utara Malaysia (UUM), Institut Perguruan Darul Aman (IPDA), Institut Aminuddin Baki, Politeknik Sultan Abdul Halim (POLIMAS), Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan lain-lain lagi.

Dengan wujudnya kemudahan infrastuktur ini menarik minat bagi masyarakat di negeri yang lain untuk menimba ilmu. Secara tidak langsung dapat memberi input yang

---

<sup>18</sup> *Ibid*

<sup>19</sup> *Ibid*

lumayan di daerah Kubang Pasu ini dari sudut ekonomi, pendidikan, sosial dan lain-lain lagi.<sup>20</sup>

Beberapa perkhidmatan dan kemudahan lain turut dilengkapi seperti perkhidmatan kesihatan, polis dan bomba. Sementara kemudahan-kemudahan yang disediakan seperti kemudah keagamaan, kebajikan masyarakat yang terdiri daripada taman rekreasi dan asrama pemulihan akhlak untuk wanita.

Keceriaan persekitaran dan alam sekitar turut menjadi perhatian pihak kerajaan. Seperti projek kampung tradisional yang dibangunkan serta beberapa lokasi pelancongan dan rekreasi turut disediakan seperti Rimba Rekreasi Bukit Wang, Hutan Simpan Bukit Perangin dan Gua Kerbau.

## **Kesimpulan**

Secara umumnya dapat diringkaskan bahawa Kubang Pasu merupakan daerah yang sedang membangun dalam pelbagai bidang. Dengan pentadbiran dan pengurusan yang terancang, institusi-institusi dan kemudahan-kemudahan yang disediakan serta kedudukan penduduk yang terdiri dari pelbagai lapisan masyarakat, pendidikan dan pekerjaan, dapat memudahkan pengkaji untuk mengenalpasti taraf hidup dan kemampuan penduduk dalam kawasan kajian serta dapat membuat penilaian pemahaman masyarakat di lokasi kajian berkaitan dengan tajuk kajian yang dijelaskan.

---

<sup>20</sup> *Ibid*

# **BAB KEDUA**

## BAB KEDUA

### IBADAH UMRAH DAN SEDEKAH MENGIKUT PERSPEKTIF ISLAM

#### 2.0 - Pendahuluan

Dalam bab kedua ini, penulis akan membahaskan dua perkara asas iaitu konsep umrah dan sedekah menurut perspektif Islam dan pandangan ulama' mengenai keutamaan berkaitan dua ibadah tersebut yang menjadi perbincangan utama dalam kajian ini.

Penulis akan menerangkan dalil pensyariatan umrah dan sedekah berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah. Seterusnya dalam setiap dalil yang dikemukakan akan disusuli huraianya mengikut pandangan para ulama'. Seterusnya penulis akan memfokuskan fadhilat mengulangi ibadah umrah dan fadhilat bersedekah berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an dan Hadith Nabi S.A.W dan diperincikan dengan pandangan, pendapat serta khilaf para ulama' dan hukum mengerjakan umrah serta dalil-dalil setiap pandangan mengenai hukum sedekah serta pembahagiannya.

Seterusnya penulis akan mentarjih pandangan yang lebih kuat tentang hukum umrah berdasarkan hujah-hujah yang di kemukakan serta dapat direalisasi dan diterjemahkan dalam masyarakat dengan kesesuaian semasa.

## **2.1- Konsep Umrah**

### **2.1.1 - Pendahuluan**

Keistimewaan umrah jika dipandang dari sudut perlaksanaannya merupakan ibadah yang *syumul* (lengkap) merangkumi pelbagai aspek ibadah lain yang melibatkan jasmani dan harta. Ibadah jasmani seperti sembahyang dan puasa, manakala ibadah harta seperti zakat yang dituntut untuk disumbangkan pada jalan Allah S.W.T. dan juga mujahadah jiwa dan tubuh badan seperti berjihad pada jalan Allah S.W.T..

Para ulama' telah mengklasifikasikan ibadah kepada tiga jenis. Pertama: jasmani semata-mata iaitu sembahyang dan puasa, Kedua: harta semata-mata iaitu zakat, Ketiga: merangkumi jasmani dan harta iaitu haji.<sup>21</sup> Walaupun tidak disebut perkataan umrah, tetapi perlaksanaan dan tujuan tidak jauh perbezaannya dengan ibadah haji. Kewajipannya perlu ditunaikan bagi setiap Muslim yang mampu melaksanakan mengikut perspektif Islam.

Umrah menurut ahli bahasa bererti *qasad* atau ziarah dan pada istilah *syara'* iaitu ihram, tawaf di ka'bah, saie' di antara safah dan marwah dalam keadaan ihram dengan niat umrah.<sup>22</sup> Ulama' berselisih pendapat tentang kefarduannya. Sebahagian ulama' berpendapat ianya merupakan sunat sahaja dan sebahagian ulama' yang lain berpendapat ianya merupakan fardu seperti ibadah haji. Ini berdasarkan firman Allah Ta'āla dalam surah al-Baqarah ayat 196:

---

<sup>21</sup>Abū Ḥāmid Muḥammad b. Muḥammad al-Ghāzalī ,(t.t) *Asrār al-Hajj*, Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah, h. 20

<sup>22</sup>Abū al-Barakāt Aḥmad al-Dardīr ( t.t ), *al-Sharh al-Kabīr* , j. 2, Beirut, Dār al-Fikr, h. 2.

وَأَتِمُوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ

*Yang bermaksud: Dan sempurnakanlah ibadah haji dan umrah kerana Allah.*

al-Baqarah, (2) : 196.

### 2.1.2 Dalil-Dalil Pensyariatan Umrah

Pensyariatan ibadah umrah telah dibuktikan melalui sumber hukum utama iaitu al-Qur'ān, al-Hadith dan *Ijmā'* 'ulamā' seperti berikut:

#### A) Dalil al-Qur'ān

Terdapat banyak ayat-ayat al-Qur'an yang menunjukkan pensyariatan ibadah umrah. Diantaranya: firman Allah S.W.T. dalam surah al-Baqarah, ayat 196:

وَأَتِمُوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ

*Ertinya: Dan sempurnakanlah ibadah haji dan umrah kerana Allah.*

al-Baqarah (2) : 196.

Di dalam ayat ini, disamping menyatakan tentang pensyariatan haji, ianya juga menunjukkan tentang pensyariatan umrah, kerana Allah S.W.T. memerintah dengan menyempurnakan umrah setelah perintah menyempurnakan haji. Imam al-Suddy menjelaskan ayat tersebut dengan makna: tunaikanlah haji dan umrah.<sup>23</sup>

<sup>23</sup> Abū al-Fidā' Ismā'il b. Kathīr, *Tafsir al-Qur'ān al- 'Azīm*, (1421H-2000M), j. 2, Mesir: Maktabah Aulād al - Shaykh li al-Turās, h. 224.

Shaykh al-Qānūjī dalam kitabnya *Fath al-Bayān fī Maqāṣid al-Qur'ān* menghuraikan ayat ini dengan katanya : “ Sesungguhnya telah sepakat ulama' tentang kewajipan haji ke atas seseorang yang sanggup mengadakan perjalanan ke Baitullah. Berdalikan ayat ini juga menunjukkan kewajipan umrah kerana perintah menyempurnakan haji merangkumi ibadah umrah. Itu merupakan pendapat ‘Alī, Ibnu ‘Umar, Ibnu ‘Abbās, ‘Atā’, Ṭāwūs, Mu{jāhid, al-Hasan, Ibnu Sīrīn, al-Sha'bī, Sa‘id ibnu Jubayir, Masruq, ‘Abd-Allah bin Syaddād, Syāfi‘i, Ahmad, Ishāq, Abu ‘Abīd dan Ibnu al-Jahmī daripada Mālikiyah”.<sup>24</sup>

Pandangan-pandangan ini selari dengan firman Allah dengan sambungan ayat berikutnya iaitu ayat 197. Allah Ta‘āla berfirman:

الْحَجُّ أَشْهُرٌ مَعْلُومٌ

*Ertinya: Musim haji adalah beberapa bulan yang dimaklumi,*

al-Baqarah (2): 197.

Dalam ayat ini menerangkan berkaitan waktu pelaksanaan ibadah haji yang dikerjakan pada bulan-bulan yang tertentu sahaja iaitu bulan Syawwal, Zulqa‘dah, dan Zulhijjah dan perbezaan waktu antara dua ibadah (haji dan umrah). Ianya berdasarkan kedudukan ayat ini yang didatangkan setelah ayat 196 surah al-Baqarah . وَأَقْمِو الْحَجَّ وَالْعُمْرَة لِللهِ .

---

<sup>24</sup> Abī al-Ṭayyib Ṣiddīq Bin Hassan al -Qānūjī (1412H-1992M), *Fath al-Bayān fī Maqāṣid al-Qur'ān*, j. 1, Beirūt: Maktabah al-‘Asriyyah, h. 394.

Maka keseluruhan bulan dalam satu tahun itu merupakan waktu untuk berihram melaksanakan ibadah umrah, manakala haji hanya dilaksanakan sekali sahaja dalam setahun. Ianya tidak dilaksanakan selain daripada bulan-bulan ini sahaja.<sup>25</sup>

Menurut penafsiran Ibnu ‘Umar tentang bulan-bulan haji yang dimaksudkan dalam ayat ini ialah Syawwal, Zulqa’dah dan sepuluh hari daripada bulan Zulhijjah.<sup>26</sup> Disamping itu juga menerangkan *mīqāt* haji serta waktunya dan perkara-perkara yang perlu di ambil perhatian oleh bakal haji daripada adab-adab sekitar hari-hari yang penuh keberkatan yang dilaksanakan kefarduan tersebut.

### **Kesimpulan ayat:**

Berdasarkan dua ayat di atas, secara keseluruhannya menunjukkan bahawa umrah merupakan ibadah yang telah disyariatkan oleh Allah S.W.T. semenjak zaman Nabi Ibrahim a.s. sehingga kehadiran umat Nabi Muhammad S.A.W.. Pelaksanaannya berpandukan kepada rukun–rukun dan syarat yang ditetapkan. Ianya juga merupakan syiar yang agong serta menggambarkan manfaat yang amat bernilai dalam kehidupan manusia.

---

<sup>25</sup> Abī ‘Abd Allāh Muḥammad b. Aḥmad al-Anṣārī al-Qurtubī (1414H-1994M), *al-Jāme’ li akhāk al-Qur’ān*, j. 1, Juz. 2, Kaherah : Dār al - Hadīth, h. 398.

<sup>26</sup> Abū al-Fidā’ Isma’īl b. Kathīr (1421H-2000M), *op.cit*, h. 240.

## B) Dalil Hadith:

Pensyariatan umrah juga turut diterangkan di dalam beberapa hadith nabi S.A.W.. Di antara hadith-hadith yang menjelaskan perkara tersebut adalah seperti berikut:

– Hadith pertama:

عَنْ زَيْدِ بْنِ ثَابِتٍ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : الْحَجُّ وَالْعُمْرَةُ  
فِرِيضَتَانٌ لَا يَضُرُّكُ بِأَيِّهِمَا بَدَأْتَ

*Ertinya: Daripada Zaid Bin Thabit, Rasulullah S.A.W. bersabda: haji dan umrah merupakan kewajipan, tidak memudharatkan kamu mana satu yang kamu mulakan.*<sup>27</sup>

Hadith ini membuktikan tentang kefarduan haji dan umrah berdasarkan lafadz fardu di dalam hadis memberi faham yang jelas tentang pensyariatannya. Sebahagian ulama' berpendapat bahawa hadith ini merupakan dalil wajibnya umrah.<sup>28</sup>

– Hadith ke dua:

عَنْ أَبِي رَزِينَ قَالَ حَفْصٌ فِي حَدِيثِهِ رَجُلٌ مِنْ بَنِي عَامِرٍ أَنَّهُ قَالَ : يَا  
رَسُولَ اللَّهِ، إِنِّي شَيْخٌ كَبِيرٌ لَا يَسْتَطِيعُ الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ وَلَا الظُّفْنَ مَعًا قَالَ  
: احْجُجْ عَنْ أَيْكَ وَاعْتَمِرْ

*Ertinya: Daripada Abī Razīn, telah berkata Hafs dalam ceritanya, bahawa seorang lelaki daripada Banī ‘Āmir telah*

<sup>27</sup> Imām Abī ‘Abd Allāh Muḥammad b. ‘Abd Allāh al-Ḥākim al-Naisabūrī (1411H-1990M), *Kitāb al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥain*, *Kitāb al-Manāsik*, no. hadith: 112 / 1730, Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, j: 1, h. 643.

<sup>28</sup> Muḥammad b. ‘Alī al-Shawkānī ( 1996M-1416H ), *Nayl al-Awṭār* , Beirūt : Dār al-Khaīr, j :2, h.588.

*berkata: Wahai Rasulallah! Sesungguhnya bapaku seorang yang tua, tidak mampu melaksanakan haji dan umrah dan tidak mampu berangkat bersama-sama. Lalu Baginda bersabda: tunaikanlah haji untuk bapamu dan laksanakanlah umrah.*<sup>29</sup>

Hadith ini menunjukkan harus seorang anak menunaikan haji untuk bapanya yang tidak mampu berjalan dan disamping itu juga hadith ini merupakan dalil wajib haji dan umrah menurut Imam Ahmad dengan katanya: *Aku tidak mengetahui suatu hadith tentang wajib umrah yang paling baik dan paling sahih daripada hadith ini.*<sup>30</sup>

– Hadith ke tiga:

قَالَ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ : الْعُمْرَةُ مِنَ الْحَجَّ بِمَنْزِلَةِ الرَّأْسِ  
مِنَ الْجَسَدِ وَبِمَنْزِلَةِ الزَّكَاةِ مِنَ الصَّيَامِ

*Ertinya: Sabda Baginda S.A.W.: Kedudukan umrah terhadap haji bagaikan kedudukan kepala terhadap jasad dan kedudukan zakat terhadap puasa.*

Dalam hadith ini menunjukkan tentang kewajipan umrah. Maka tidak lengkap ibadah haji tanpa melaksanakan umrah dan begitu juga sebaliknya.<sup>31</sup>

<sup>29</sup> Abū Dāwūd Sulaimān b. al-‘Asy‘ās al-Sajastānī al-Azdī (1408H-1988M), *Sunan Abī Dāwūd*, Kitāb al-manāsik, Bāb al-Rajuli yahujju ‘an Gairihī, no. hadith: 1810, j. 2, Kaherah: Dār al-Hadith, h. 167.

<sup>30</sup> Muḥammad Syams al-Dīn al-ḥaq al-‘Azīm Ābādī (1990M-1410H) ‘Aun al-Ma‘ būd, j. 3, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 173

<sup>31</sup> Muhammad abd al-Raūf al-Manāwī (1994M -1415H), *Faiḍ al- Qadīr*, j. 4, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 518

## **Kesimpulan Hadith :**

Berdasarkan beberapa hadith yang dinyatakan di atas dapat dirumus kesimpulannya seperti berikut:

- 1) Hadith-hadith yang dikemukakan secara umumnya menunjukkan bahawa umrah merupakan ibadah yang disyariatkan atau merupakan suatu yang difardukan di dalam Islam.
- 2) Umrah dan haji mempunyai kaitan rapat yang tidak dapat dipisahkan.
- 3) Pengorbanan dan kesulitan dalam pelaksanaan umrah mendapat ganjaran dan darjat yang tinggi di sisi Allah daripada jihad.

Secara umumnya dapatlah difahami bahawa di samping umrah merupakan ibadah, ianya juga memberi makna dan pengajaran yang cukup berkesan dengan rahsia yang tersirat disebalik pensyariatan tersebut dan dapat mencorak kehidupan seorang muslim bagi mencapai keredaan Ilahi.

## **C ) *Ijmā' 'Ulamā'* (kesepakatan ulama')**

Imam al-Nawawi menyatakan bahawa tidak wajib haji dan umrah ke atas seseorang mukallaf yang berkemampuan sepanjang umurnya melainkan sekali sahaja dan ini merupakan kesepakatan (*ijmā'*) para muslimin.<sup>32</sup>

---

<sup>32</sup> Muhy al-Dīn b. Sharaf al-Nawawī (t.t), *al-Majmū' Sharh al-Muhadhdhab lī al-Shīrāzī*, Kitāb al-Hajj, j. 7, Jeddah : Maktabah al-Irsyād , h. 11.

### **2.1.3 - Hukum Melaksanakan Umrah**

Terdapat perbezaan pendapat dikalangan ulama'-ulama' mazhab empat mengenai hukum perlaksanaan umrah. Dr. Wahbah al-Zuhailī telah menyimpulkan pendapat tersebut di dalam kitabnya *Al- Fiqh al- Islamī wa Adillatuh* seperti berikut:<sup>33</sup>

- 1) Hanafiyah dan Mālikiyah berpendapat bahawa umrah hukumnya sunat *muakkad* (sunat yang dituntut) sekali sahaja seumur hidup. Dengan alasan bahawa hadith-hadith yang mashyur yang menerangkan mengenai fardu-fardu Islam tidak disebut di dalamnya umrah seperti hadith Ibnu ‘Umar:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ شَهَادَةً أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَةِ وَالْحَجَّ وَصَوْمِ رَمَضَانَ

*Ertinya: Diasaskan Islam itu di atas lima perkara, bahawa tidak tuhan yang disembah melainkan Allah dan bahawa Muhammad itu pesuruh Allah, menunaikan zakat, berpuasa di bulan Ramadan dan menunaikan haji di Baitullah.*<sup>34</sup>

Di dalam hadith tersebut hanya disebut perkataan haji sahaja, dan seperti di dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abū Hurairah r.a.:

الْحَجَّ جِهَادٌ وَالْعُمْرَةُ نَطْوُعُ

<sup>33</sup> Al-Zuhaylī (Dr.) (1989M), *op.cit.* h.14

<sup>34</sup> Abī ‘Abd Allāh Muḥammad b. Isma’īl al-Bukhārī (1411H-1991M), *Šaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadith : 8, j. 1, Beirut: al-Maktabah al-‘Asriyyah, h. 28.

Yang bermaksud: “Haji merupakan jihad dan umrah merupakan sunat”,<sup>35</sup>

Dengan hadith-hadith ini jelas membuktikan bahawa umrah itu hukumnya sunat.

2) Manakala ulama’ Syāfi‘iyah ( فى الأظهر )<sup>36</sup> dan Hanābilah berpendapat bahawa umrah hukumnya fardu seputihmaka haji berdasarkan firman Allah Taala:

وَأَتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةِ لِلَّهِ

*Ertinya: Dan sempurnakanlah ibadat haji dan umrah kerana Allah.*

al-Baqarah (2) : 196.

Iaitu datangkanlah kedua-duanya (haji dan umrah) dengan sempurna dan yang dikehendaki dengan lafaz perintah ( الأمر ) iaitu wajib. Ini bererti umrah juga hukumnya adalah wajib. Begitu juga daripada hadith yang diriwayatkan oleh Aisyah r.a. dengan katanya:

قُلْتُ : يَارَسُولَ اللَّهِ هَلْ عَلَى النِّسَاءِ جِهَادٌ ؟ قَالَ : نَعَمْ ، جِهَادٌ لَا قِتَالٌ فِيهِ  
: الْحَجَّ وَالْعُمْرَةُ

*Yang bermaksud: Aku telah berkata: wahai Rasulallah! Adakah wajib ke atas kaum wanita jihad? lalu beliau berkata: ya, wajib ke atas mereka berjihad yang tiada peperangan di dalamnya iaitu haji dan umrah.*<sup>37</sup>

<sup>35</sup> Abī al-Qāsim Sulaimān b. Ahmad al-Tabarānī (1400H-1980M), *al-Mu'jam al-Kabīr*, no. hadith : 12252, j: 11, Bagdād: al-Maktabah al-Wataniyyah, h. 442.

<sup>36</sup> Al-Azhar iaitu pandangan yang paling rajih daripada dua pendapat Imam Syāfi‘ī yang kuat atau lebih berdasarkan dalil yang kuat.

<sup>37</sup> Ibnī Mājah (1421H-2000M), *op.cit.*, no. hadith 2901, h. 395.

Maka berdasarkan dalil al-Qur'an dan Hadith tersebut menjadi dalil dan hujah yang kukuh bagi Syāfi'iyyah dan Hanābilah. Maka pendapat kedua ini adalah lebih *asah* menurut Dr. Wahbah al-Zuhaylī kerana berdasarkan kepada ayat ini serta lemahnya hadith-hadith yang dikemukakan oleh pihak pertama.<sup>38</sup>

Penulis juga mentarjih pendapat yang kedua ini berdasarkan dengan dalil dan hujah yang kuat serta dengan alasan yang munasabah sepertimana yang di kemukakan. Manakala dalil hadith yang dikemukakan oleh pendapat pertama terdapat kelemahan di dalam sanadnya kerana terdapat di dalamnya Al-Hajjāj b. Artāh sedangkan dia *da'if* (*lemah*). Menurut Imam al-Nawawī para ulama' hadith bersepakat bahawa kedudukan hadith tersebut *da'if* (*lemah*).<sup>39</sup> Manakala hadith yang diriwayat oleh Abū Hurairah juga terdapat kelemahan dari segi sanadnya seperti yang dijelaskan oleh Ibn Hajar.

Imam al-Shaukānī menyebut di dalam kitab *Nayl al-Awtār* bahawa ulama'-ulama' yang berpendapat umrah itu hukumnya wajib<sup>40</sup> berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh Zaid b. Thābit dengan lafaz:

أَخْرَجَهُ الدَّارِقَطْنِيُّ مِنْ حَدِيثِ زَيْدِ بْنِ ثَابَتْ بِلِفْظِ "الْحَجُّ وَالْعُمْرَةُ"  
فَرِيْضَتَانٍ لَا يَضُرُّكَ بِأَيِّهِمَا بَدَأْتَ

*Ertinya: Haji dan umrah merupakan kefarduan, tidak memudharatkan kamu dengan mana-mana satu kamu mulakan.*<sup>41</sup>

<sup>38</sup> Al-Zuhaylī (Dr.) (1989), *op.cit.* h. 19

<sup>39</sup> Al-Nawawī (t.t), *op.cit.*, h. 10

<sup>40</sup> Al-Shawkānī (1416H-1996M), *op.cit.* h. 588.

<sup>41</sup> Ali b. 'Omar al-Dāruqutnī (1313H-1994M), *Sunan al-Dāruqutnī*, Kitāb al-Hajj, Bāb al-Mawāqīt, j. 1, no. Hadith: 2692, Beirut: Dār al-Fikr, h. 222.

Pendapat Syāfi'iyyah dan Hanābilah ini juga di sokong oleh Imam al-Kāsānī dalam kitab *Badā'i'* yang mana beliau memilih pendapat yang mengatakan umrah itu wajib sepetimana sedekah *al-fitri* ( zakat fitrah ), korban dan juga witir.<sup>42</sup>

### **Kesimpulan:**

Berdasarkan huraian di atas dapatlah disimpulkan bahawa terdapat perbezaan pendapat dikalangan ulama' mengenai hukum umrah. Sebahagian ulama' berpendapat sunat muakkad dan sebahagian yang lain berpendapat hukumnya fardu. Walau bagaimanapun ibadah tersebut menjadi tuntutan dan merupakan diantara ibadah - ibadah yang disyariatkan di dalam Islam.

#### **2.1.4 – Fadhilat Melaksanakan Umrah**

Ibadah umrah juga mempunyai kelebihan dan keistimewaan yang banyak. Perkara tersebut hanya dihuraikan dengan jelas fadhilatnya dan kelebihannya melalui hadith sahaja. Di antaranya seperti berikut:

##### **1) Penghapusan dosa**

Dosa dan kesalahan yang dilakukan oleh seseorang akan terampun melalui beberapa cara samaada dengan cara bertaubat atau melalui pengulangan ibadah tertentu seperti umrah dan lainnya Ini telah dijelaskan di dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda:

---

<sup>42</sup> 'Ala' al-Dīn Abī Bakr Mas'ūd al-Kāsānī (t.t), *Badā'i' al-Sanā'i'*, j. 2, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 226

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ :  
 الْعُمْرَةُ إِلَى الْعُمْرَةِ كَفَارَةٌ لِمَا بَيْنَهُمَا ، وَالْحَجُّ الْمُبِرُورُ لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا  
 الْجَنَّةُ

*Ertinya: Dari satu umrah kepada satu umrah merupakan penghapus dosa di antara keduanya, dan haji yang mabrur tidak ada baginya balasan melainkan syurga.*<sup>43</sup>

Perkataan العمرة إلى العمرة di dalam hadith di atas memberi erti mengulangi ibadah umrah setelah mengerjakan umrah buat kali pertama yang menjadi faktor bagi mendapat keampunan atau penghapusan dosa kesalahan seseorang muslim.

Menurut shaykh Shihab al-Dīn al-Qaṣṭallānī dalam menghuraikan hadith di atas katanya: "umrah yang dimaksudkan (sebagai penghapus dosa-dosa kecil ) pada zahir hadith di atas ialah umrah yang pertama bagi seseorang. Sementara dari sudut maknanya membawa erti bahawa umrah yang kedua itulah sebenarnya yang menjadi penebus kepada dosa-dosa sebelum ini kerana kaffārah yang dijanjikan sedang belum lagi berlaku sebarang dosa, itu bersanggah dengan makna zahir".<sup>44</sup>

Di samping itu, dengan mengulangi ibadah umrah juga ternyata bukan sekadar menghapuskan segala dosa (dosa-dosa kecil), akan tetapi suatu

---

<sup>43</sup> Al-Bukhārī (1411H-1991M), *op.cit. Bāb al-‘Umrah*, no. Hadith: 1773, h. 523.

<sup>44</sup> Shihāb al-Dīn Abī al-‘Abbas Ahmad b. Muḥammad al-Qaṣṭallānī (1416H-1996M), *Irshād al-Sārī*, j. 4, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 294

kepastian seseorang itu akan dimasukkan kedalam syurga sebagai kurniaan dan rahmat dari Allah.<sup>45</sup>

Hadith ini juga turut menjadi dalil bahawa sunat memperbanyakkan ibadah umrah, bersalah dengan pendapat yang mengatakan makruh seseorang mengerjakan umrah lebih dari sekali dalam setahun seperti Mālikiyah. Pendapat ini tidak benar dan yang sebenarnya ialah harus memperbanyakkan ibadah umrah.<sup>46</sup>

## 2) Panjang umur dan murah rezeki

Dipanjangkan usia dan dimurahkan rezeki turut menjadi kelebihan dan kurniaan Allah S.W.T. bagi seseorang yang mengulangi ibadah umrah. Ini telah dijanjikan oleh oleh Baginda S.A.W. dengan katanya:

قَالَ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ : تَابُعُوا بَيْنَ الْحَجَّ وَالْعُمْرَةِ فَإِنَّهُمَا يَنْفِيَانِ الْفَقْرَ وَ  
الذُّنُوبَ كَمَا يَنْفِي الْكِبْرُ خَبَثَ الْحَدِيدِ وَالْذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ . وَلَيْسَ لِلْحَجَّ  
الْمِبْرُورَةُ ثَوَابٌ إِلَّا الْجَنَّةُ

Ertinya: Hendaklah kamu ikuti diantara haji dan umrah, sesungguhnya saling mengikuti antara keduanya menghilangkan kefakiran dan dosa seperti api menghilangkan karat besi, emas dan perak. Tidak ada balasan haji yang mabruk melainkan syurga.<sup>47</sup>

Maksud lafaz “hendaklah kamu ikuti” dalam teks hadith terdapat dua makna kebarangkalian iaitu dengan makna kamu susuli perlaksanaan setiap

<sup>45</sup> Ahmad ‘Umar Hāshim (Dr.) *Kitāb Min Hudā al-Sunnah al-Nabawiyyah* (1418H-1998), Dār: al-Shurūq, h. 94

<sup>46</sup> Abādī (1410H-1990M) , *op.cit.* , h. 329.

<sup>47</sup> Abī ‘Isā Muhammad b. ‘Isā b. Saurah ( 1396H-1976M ), *Al-Jāmi‘ al-Sahīh ( Sunan al-Tirmidzī )*, Bāb Ma Jāa fi Thawāb al-Hajj wa al-‘Umrah, no. Hadith: 810, j. 3, Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 166.

salah satu daripada haji dan umrah dengan segera tanpa perantaraan tempoh masa yang pajang. Ini berdasarkan zahir lafaz tersebut, atau dengan makna kamu ikuti diantara keduanya sekalipun diselangi dengan masa yang panjang untuk menunjukkan pentingnya dilaksanakan kedua-dua ibadah tersebut.<sup>48</sup>

### 3) Tetamu Allah

Kehadiran seseorang bagi menunaikan ibadah umrah dalam menyahut seruan Ilahi adalah merupakan sebagai tetamu Allah. Keistimewaan ini telah dinyatakan oleh Rasulullah S.A.W. seperti yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. dengan katanya:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : فَالَّرَسُولُ اللَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :  
وَقُدْسُ اللَّهُ تَحْمِلَتْهُ : الْعَازِيْ وَالْحَاجُّ وَالْمُعْتَمِرُ

*Ertinya : Tetamu Allah ada tiga iaitu orang yang berperang, orang yang menunaikan haji dan orang yang menunaikan umrah.*<sup>49</sup>

Penghormatan tinggi sebagai tetamu Allah seperti yang dinyatakan di dalam hadith turut merangkumi bagi mereka yang mengerjakan umrah buat kali pertama atau umrah ulangan.

<sup>48</sup> Abī al-‘Abbas Aḥmad b. Abī Allāh b. Muḥammad b. Abū Bakr Muhibb al-dīn al-Thabarī (1390H-1970), *Al-Qirā Limaqāṣid Ummī al-Qurā*, Kaherah : Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, h.40.

<sup>49</sup> Abū ‘Abd al-Rahmān Ahmad b. Syu’ayb b. ‘Alī b. Baḥr b. Sinān b. Dīnār al-Nasāī (1409H-1988M), *Sunan al-Nasāī*, Fadl al-Hajj, j.5, Beirut : Dār al-Basyāir al-Islamiyyah, no. Hadith : 2625, h. 113.

#### 4) Doa dimakbulkan

Di samping sebagai tetamu Allah, doa dan keampunan yang dipohon oleh mereka yang mengerjakan umrah turut menjadi perhatian di sisi Allah dan pasti akan dimakbulkan seperti yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : الْحُجَّاجُ وَ  
الْعُمَارُ وَفُدُّ اللَّهِ ، إِنْ دَعَوْهُ أَجَابُوهُمْ وَإِنْ اسْتَغْفِرُوهُ غَفَرَ لَهُمْ

*Ertinya: Para jamaah haji dan para jamaah umrah merupakan tetamu Allah, jika mereka berdoa kepadanya nescaya Allah memakbulkan doa mereka dan jika mereka memohon keampunan kepadanya nescaya Allah mengampuni mereka.*<sup>50</sup>

Ini merupakan keistimewaan dan kurniaan Allah kepada mereka yang mengerjakan haji dan umrah disamping sebagai tetamu, setiap doa yang dipohon tidak diabaikan oleh Allah S.W.T..

#### Kesimpulan:

Bahawa dengan beberapa hadith tersebut jelas menggambarkan pelbagai kelebihan, keistimewaan dan rahsia yang tersirat di sebalik ibadah umrah, merangkumi rohani dan jasmani serta mampu menjana individu muslim dalam mencorakkan dirinya dengan mengejar tawaran yang sangat berharga itu agar memperolehi kecemerlangan hidup di dunia dan akhirat. Dengan pelbagai fadhilat yang dijanjikan turut menjadi

---

<sup>50</sup> Ibn Mājah( 1421H-200M ), *op.cit.*

faktor yang mendorong seseorang yang berkemampuan untuk mengerjakan ibadah umrah berulang kali.

### **2.1.5 - Hukum Mengulangi Ibadah Umrah**

Perlaksanaan ibadah umrah berulang kali berlaku dalam pelbagai situasi sama ada harian, mingguan, bulanan dan tahunan. Kekerapan mengulangi umrah dalam harian, mingguan dan bulanan kebiasaannya dilakukan oleh mereka yang masih berada di tanah suci beberapa waktu setelah selesai mengerjakan umrah wajib buat kali pertama ke tanah suci atau bagi mereka yang datang buat kali kedua dan seterusnya. Manakala ulangan dalam bentuk tahunan pula dilakukan bagi mereka yang tinggal jauh dari tanah suci Makkah serta melibatkan kos perbelanjaan yang tinggi dan pengorbanan masa dan tenaga yang besar.

Maka dalam konteks ini terdapat perselisihan pendapat daripada 'ulama' salaf. Kebanyakan mereka (*Jumhur 'Ulamā'*) diantaranya al-Thaurī, Abū Hanīfah, al-Syāfi'ī, dan kebanyakan *fuqaha'* berpendapat harus mengulangi umrah dalam setahun. Manakala sebahagian yang lain melarangnya dengan mengatakan sunat tidak dikerjakan umrah dalam setahun melainkan sekali sahaja,<sup>51</sup> bahkan Imam Mālik dan kebanyakan sahabatnya turut mengatakan bahawa makruh mengerjakan umrah lebih daripada sekali dalam setahun<sup>52</sup> dengan alasan bahawa umrah merupakan suatu ibadah yang

<sup>51</sup> Abī al-Fadhl b. Müsa b. 'Iyād al-Yahsabī (1419H-1998M), *Ikmāl al-Mu'līm bi Fawāid Muslim li al-Qādi 'Iyād*, Kitāb al- Hajj, Bāb fī Fadhl al-Hajj wa al-Umrah wa Yaum 'Arafah, Mesir : Dār al-Wafā' al-Mansūrah , j : 4, h. 459.

<sup>52</sup> Al-Imām Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī (1414H-1994M), *Sahih Muslim bi Syarh al-Imām al-Nawawī* , Bāb Fadhl al-Hajji wa al-'Umrah , Beirut: Dār al-Khair, j. 9 , h. 478

mengandungi tawaf dan sa'īy seperti mana haji. Maka haji tidak dikerjakan kecuali sekali sahaja di dalam setahun.<sup>53</sup>

Pendapat jumhur ulama' berdalilkan dengan beberapa hadith, diantaranya hadith riwayat 'Āisyah yang merupakan dalil paling kuat<sup>54</sup> menunjukkan pengulangan umrah yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W. dengan katanya:

عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اعْتَمَرَ عُمْرَتَيْنِ : عُمْرَةً فِي ذِي الْقَعْدَةِ وَ عُمْرَةً فِي الشَّوَّالِ

*Ertinya: Daripada 'Āisyah bahawa Rasulullah S.A.W. menunaikan umrah dua kali iaitu umrah pada bulan Zulqaedah dan umrah pada bulan syawal.<sup>55</sup>*

Sementara terdapat hadith lain yang turut menjadi dalil bagi jumhur ulama' iaitu seperti diriwayatkan daripada Abū Hurairah bahawa baginda S.A.W. bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : الْعُمْرَةُ إِلَى الْعُمْرَةِ كَفَارَةٌ لِمَا بَيْنَهُمَا ، وَالْحَجُّ الْمَبْرُورُ لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا الْجَنَّةُ

*Ertinya: Dari satu umrah kepada satu umrah merupakan penghapus dosa diantara keduanya, dan haji yang mabruk tidak ada baginya balasan melainkan syurga.<sup>56</sup>*

Dengan ungkapan "*Dari satu umrah kepada satu umrah merupakan penghapus dosa diantara keduanya*" di dalam hadith tersebut jelas mengajak kepada mengulangi

<sup>53</sup> Al-Zuhaylī (Dr.) (1989M), *op.cit.* h.67

<sup>54</sup> *Ibid*

<sup>55</sup> Abū Dāwūd (1409H-1988), *op.cit*, no hadith: 1991, h. 212

<sup>56</sup> Al-Bukhārī (1411H-1991M), *op.cit.* Bāb al-'Umrah, no. Hadith : 1773, h. 523.

ibadah umrah.<sup>57</sup> Melalui hadith ini juga, ulama' Syāfi'iyyah berpendapat sunat memperbanyakkan umrah walaupun di dalam sehari kerana ianya lebih afdal daripada tawaf menurut pendapat yang muktamad.<sup>58</sup>

## Kesimpulan

Berdasarkan kepada huraian di atas dapat disimpulkan bahawa terdapat dua pendapat dikalangan ulamā' mengenai hukum mengulangi ibadah umrah iaitu *jumhur 'ulamā'* berpendapat harus mengulangi ibadah umrah dalam setahun atau sunat hukumnya seperti yang dinyatakan di dalam sahih Muslim.<sup>59</sup> Manakala sebahagian yang lain berpendapat makruh hukumnya mengulangi umrah dalam setahun.

Alasan atau hujah yang dikemukakan oleh pihak ke dua ini perlu dikaji kembali kerana ibadah haji hanya dikerjakan diwaktu yang tertentu dan tidak mungkin terjadi pengulangannya dalam setahun sedangkan umrah tidak ditentukan waktunya, maka boleh diulangi diwaktu dan masa yang lain seperti sembahyang.<sup>60</sup>

---

<sup>57</sup> Al-Yahsabī (1419H – 1998M), *op.cit.*, h. 43

<sup>58</sup> Al-Zuḥaylī (Dr.) (1989M), *op.cit.*

<sup>59</sup> Al-Nawawī (1414H-1994M ), *op.cit*

<sup>60</sup> Al-Zuḥaylī (Dr.) (1989M), *op.cit.* h.67

## 2.2 – Konsep Sedekah

### 2.2.1 - Pendahuluan

Harta menurut Islam merupakan satu aset penting dalam kehidupan. Allah S.W.T. merupakan pemilik harta yang sebenar. Namun perpindahan harta ketangan manusia merupakan استخلاف (pengurus) daripada Allah S.W.T. supaya manusia mampu mengurus, mentadbir serta mengambil manfaat daripadanya bagi membangunkan diri dan masyarakat. Ini berdasarkan firman Allah taala:

وَأَنْفِقُوا مِمَّا جَعَلَنَا كُمْ مُسْتَحْلِفِينَ فِيهِ

*Ertinya: "Dan nafkahkanlah sebahagian dari hartamu yang Allah telah menjadikannya kamu menguasainya"*

al-Hadīd ( 57 ) : 7

Tidak dinafikan juga bahawa hubungan antara individu dengan masyarakat atau masyarakat dengan individu di dalam Islam merupakan hubungan yang berkait rapat di antara satu sama lain. Bagi merealisasikan hakikat tersebut melalui harta, terdapat pelbagai bentuk pentaklifan dalam syariat Islam yang dituntut untuk dilaksanakan. Di antara pentaklifan tersebut ialah sedekah atau *infāq* yang membawa maksud menyerahkan sesuatu hak yang dimiliki oleh seseorang secara sah kepada orang lain kerana Allah S.W.T. tanpa mengharapkan habuan dalam sebarang bentuk.<sup>61</sup> Dengan cara demikian merupakan suatu jalan penyelesaian terhadap konflik yang berlaku dalam kehidupan serta dapat menampung banyak keperluan umat Islam.

---

<sup>61</sup> Muḥammad Jum'ah b. 'Abd Allāh (Dr.) (t.t), *al-Kawākib al-Durriyyah fi Fiqh al-Malikiyyah*, Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li turāth , j.3 , h. 338.

Bagi menjelaskan konsep sedekah ini penulis akan mengemukakan beberapa dalil yang membuktikan pensyariatannya serta fadhilat atau kelebihan sedekah berdasarkan beberapa ayat al-Qur'an, Hadith dan pandangan ulama' berkaitan dengannya serta pembahagian sedekah menurut perspektif Islam.

### **2.2.2 – Dalil-Dalil Pensyariatan Sedekah Dan Fadhilatnya**

Sedekah atau *infāq* di kategorikan dalam bentuk-bentuk kebaikan yang di anjurkan dalam Islam. Ini Berdasarkan dalil-dalil atau nas dari al-Qur'an dan Hadith baginda S.A.W. seperti berikut:

#### **A - Dalil al-Qur'an**

Pensyariatan sedekah serta kelebihannya banyak dijelaskan oleh Allah S.W.T. di dalam al-Qur'an. Di antaranya adalah seperti berikut:

##### **i) Firman Allah S.W.T.:**

مَثُلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثُلَ حَبَّةٍ أَنْبَتَ سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سَنَبِلَةٍ مِائَةُ حَبَّةٍ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِمْ

*Ertinya: Perumpamaan (nafkah yang dikeluarkan oleh) orang-orang yang menafkahkan hartanya dijalani Allah adalah serupa dengan sebutir benih yang menumbuhkan tujuh butir, pada tiap-tiap butir seratus biji. Allah melipat gandakan (ganjaran) bagi siapa yang dia kehendak, dan Allah Maha Luas (kurnianya ) lagi Maha Mengetahui.*

al-Baqarah (2) : 261.

Dari sudut lafaz ayat ini jelas menunjukkan kebaikan dan kemulian amalan sedekah disisi Allah S.W.T..<sup>62</sup> Ianya merupakan wasilah bagi mencapai kekayaan, kesenangan terhadap semua dan sebagai perantara yang membantu memelihara kemulian dan ketinggian ummat serta dengannya dapat menyingkirkan musuh.<sup>63</sup> Ayat ini juga turut menjadi dalil pensyariatan sedekah serta menjelaskan kelebihannya dengan ganjaran pahala yang berlipat ganda kepada sesiapa yang dikehendaki Allah berdasarkan keikhlasannya dalam amalan.

ii) Firman Allah S.W.T.:

يَٰٰيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَنْفَقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبُوكُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ  
وَلَا تَيْمِمُوا الْخِتْبَةَ مِنْهُ شُنَفِقُونَ

*Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah (dijalan Allah) sebahagian dari hasil usahamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang kami keluarkan dari bumi untuk kamu, dan jangan kamu memilih yang buruk-buruk lalu kamu nafkahkan daripadanya"*

Al-Baqarah, (2) : 267

Ayat ini pula menerangkan kepada kita konsep sedekah berkaitan dengan harta yang hendak disumbangkan. Terdapat perselisihan pendapat dikalangan 'ulama' terhadap makna *infāq* yang di perintahkan didalam ayat. Menurut Saidina 'Ali, 'Ubaidah al-Samāni dan Ibnu Sīrīn makna infak di dalam ayat iaitu terhadap zakat yang diwajibkan. Sementara al-Barā' b. 'Āzib, al-Hasan dan Qatādah berpendapat iaitu terhadap sedekah sunat.<sup>64</sup>

<sup>62</sup> Al-Qurtubī (1414H-1994M), *op.cit*, j. 2, h. 260

<sup>63</sup> Wahbah b. Muṣṭafā al-Zuhaylī (Dr.) (1411H-1991M), *al-Tafsīr al-Munīr*, juz. 3, Beirut: Dār al-Fikr, h. 43

<sup>64</sup> Al-Qurtubī (1414H-1994M), *op.cit*, h.275

Turut menjadi suatu kewajipan memilih harta pencarian yang baik diwaktu menginfaknya pada jalan Allah samaada berbentuk zakat-zakat yang wajib atau sedekah-sedekah sunat kerana tujuannya adalah mendekatkan diri kepada Allah dan menyimpan pahala berdasarkan pekerjaan yang baik yang tidak akan tercapai melainkan dengan harta yang baik lagi suci.<sup>65</sup>

iii) Firman Allah S.W.T.:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذْ كُعُوا وَاسْجُدُوا وَاعْبُدُوا رَبَّكُمْ وَافْعُلُوا الْخَيْرَ لَعَلَّكُمْ  
تُفْلِحُونَ

*Ertinya: Hai orang-orang yang beriman, rukuklah kamu, sujudlah kamu, sembahlah tuhanmu dan perbuatlah kebajikan supaya kamu mendapat kemenangan.*

Sūrah al – Hajj (22) : 77.

Ayat ini memerintahkan orang-orang yang beriman agar melakukan perkara-perkara kebaikan. Maka diantara bentuk-bentuk kebaikan yang dimaksudkan termasuklah sedekah. Dr. Wahbah al-Zuhailī menghuraikan makna "*perbuatlah kebajikan*" dengan maksud laksanakanlah perbuatan kebaikan yang diredai tuhanmu dan mendekatkan kamu kepadanya dengan menunaikan ketaatan-ketaatan sunat, menghubungkan silaturrahim dan akhlak-akhlak yang mulia. Perbuatan kebaikan merangkumi semua taklif, merangkumi perkara-perkara yang mengelokkan hubungan antara hamba dengan tuhannya dan perkara-perkara yang mempereratkan hubungan sesama manusia.<sup>66</sup>

---

<sup>65</sup> Al-Zuhailī (Dr.) (1411H-1991M), *op.cit*, h. 60

<sup>66</sup> *Ibid*, juz. 17, h. 284.

## Kesimpulan Ayat

Ayat-ayat di atas merupakan diantara dalil-dalil yang menerangkan pensyariatan sedekah dalam Islam. Kelebihan dan kepentingan serta peranannya yang amat bernilai dalam meningkatkan taraf hidup, menangani pelbagai keperluan semasa dan meringankan bebanan sara hidup serta mengukuhkan jalinan ukhuwwah yang mantap dalam suasana hidup bermasyarakat.

### B - Dalil Hadith:

Pensyariatan sedekah juga turut di buktikan menerusi beberapa hadith Rasulullah S.A.W. yang di antaranya seperti berikut:

- i) Ibn ‘Umar telah meriwayatkan bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : الْمُسْلِمُ أَخْوٌ  
الْمُسْلِمٍ لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يُسْلِمُهُ مَنْ كَانَ فِي حَاجَةٍ أَخِيهِ كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَتِهِ  
وَمَنْ فَرَّجَ عَنْ مُسْلِمٍ كُرْبَةً فَرَّجَ اللَّهُ عَنْهُ بَهَا كُرْبَةً مِنْ كُرْبَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ  
وَمَنْ سَرَّ مُسْلِمًا سَرَّهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

*Ertinya: Seseorang muslim merupakan saudara kepada seorang muslim. Jangan dia menzaliminya dan jangan membiarkannya dizalimi, sesiapa yang membantu saudaranya nescaya Allah akan membantunya dan sesiapa yang melepaskan saudaranya dari kesempitan nescaya Allah akan melepaskannya dari suatu kesempitan daripada kesempitan-kesempitan pada hari kiamat.<sup>67</sup>*

---

<sup>67</sup> Al-Bukhārī ( 1411H-1991M ), op.cit. , Bāb Lā Yazlimu al-Muslim al-Muslim wa la Yuslimuhū, j. 2, no. Hadith : 2442, h. 732

Berdasarkan hadith ini bahawa Islam amat menganjurkan kepada umatnya supaya senantiasa tolong-menolong, baik pergaulan dan berkasih sayang serta pembalasan Allah yang akan diberikan berdasarkan kepada bentuk ketaatan yang dikerjakan.<sup>68</sup> Maka di antara bentuk pertolongan yang dianjurkan oleh Islam iaitu dengan cara menghulurkan bantuan atau sedekah.

ii) Abu Hurairah telah meriwayatkan daripada Baginda S.A.W. dengan sabdanya:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : الْسَّاعِيُ عَلَى  
الْأَرْمَلَةِ وَالْمِسْكِينِ كَالْمُجَاهِدِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ

*Ertinya: Orang yang berusaha untuk membela nasib wanita janda dan orang-orang miskin sama seperti orang yang berjuang pada jalan Allah.*<sup>69</sup>

Ini merupakan suatu suntikan semangat untuk bersedekah yang telah di berikan oleh Rasulullah S.A.W. kepada umat. Ganjaran pahala berperang di jalan Allah S.W.T. yang begitu besar akan diberikan kepada mereka-mereka yang berusaha mengurus dan memperbaiki serta menginfakkan harta bagi membela nasib ibu-ibu tunggal dan fakir miskin.<sup>70</sup>

iii) Abī Dardā' 'Uwaimir r.a. telah meriwayatkan, bahawa aku telah mendengar Rasulullah S.A.W. bersabda:

<sup>68</sup> Ahmad b. 'Alī b. Hajar al-'Asqalānī (1407H-1987M), *Fath al-Bārī bi sharḥ Sahīh al-Bukhārī* (1407H-1987M), j: 5, no. Hadith 2842, Qāherah, Dār al - Rayyan li al-Turāth , h. 117.

<sup>69</sup> *Ibid* , Bab al-Sā'i 'alā al-Miskīn , j: 4, no. Hadith : 6007, h.1901.

<sup>70</sup> 'Ali b. Sulṭān Muhammād al-Qārī ( t.t ), *Mirqāt al-Mafātiḥ Sharḥ Mishkāt al-Maṣabīh*, j : 9, Kaherah,Dār al-Kitāb al-Islāmī , h. 212-213.

عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ عُوَيْمِرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : أُبْعُونِي الْمُضْعَفَاءُ ، فَإِنَّمَا تُنْصَرُونَ وَتُرْزَقُونَ بِضُعْفَائِكُمْ

*Ertinya: Hendaklah kalian mencari untukku orang – orang yang lemah dikalangan kamu. Hanya kamu sekalian ditolong dan diberi rezeki dengan sebab orang-orang yang lemah dikalangan kamu.*<sup>71</sup>

Hadith ini menerangkan bahawa dengan kewujudan golongan yang lemah lagi memerlukan serta keberkatan doa mereka menjadi faktor utama yang mengundang pertolongan dan bantuan dari Allah S.W.T..<sup>72</sup> Islam amat memberi perhatian dan menitik beratkan nasib golongan ini. Maka menerusi konsep sedekah inilah dapat meringankan bebanan mereka dan memberi kesedaran kepada ummat Islam agar tidak mengabaikan mereka yang kurang bernasib baik kerana segala kesenangan yang dikecapi hasil kewujudan mereka di kalangan kita.

iv) Ibn ‘Abbās meriwayatkan, Rasulullah S.A.W. bersabda:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَا مِنْ عَبْدٍ أَتَعْمَلُ اللَّهُ عَلَيْهِ نِعْمَةً ، فَأَسْبِغْهَا عَلَيْهِ ، ثُمَّ جَعَلَ مِنْ حَوَائِجِ النَّاسِ إِلَيْهِ فَتَبَرَّمَ فَقَدْ عَرَضَ تِلْكَ النِّعْمَةَ لِلزَّوَالِ

*Ertinya: Tidak ada seorang hamba yang diberikan nikmat oleh Allah kepadanya, lalu Allah menyempurnakan nikmat itu keatasnya, kemudian apabila orang ramai berhajat kepadanya lalu dia berasa jemu atau bosan (enggan membantu), Maka sesungguhnya ia mendedahkan nikmat itu untuk dihilangkan.*<sup>73</sup>

<sup>71</sup> Abū Dawūd, (1408H-1988M), *op.cit.*, Kitāb al-Jihād, no. Hadith : 2594, j : 3, h 33.

<sup>72</sup> Abādī (1410H-1990M) , *op.cit.*, Kitab al-Jihād ,no. Hadith : 2591, j.3, h. 184.

<sup>73</sup> Nur al-Dīn ‘Alī b. Abū Bakr al-Haithamī ( 1414H-1994M ), *Majma‘ al-Zawāid, Kitab al-Zakāh*, j. 3, no. Hadith: 4606, Dār al-Fikr, h. 284.

Maksud daripada hadith ini bahawa harta-harta yang dimiliki termasuk wang ringgit yang tidak ditunaikan hak-haknya seumpama sedekah, akan mengundang kehancuran dan kebinasaan.

v) Saiyyidina Anas b, Mālik meriwayatkan, bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : بَاسِكُرُوا  
بِالصَّدَقَةِ فَإِنَّ الْبَلَاءَ لَا يَتَخَطَّأُهَا

*Ertiya: Segeralah kamu bersedekah, maka sesungguhnya sedekah itu menolak akan bala'.<sup>74</sup>*

Dengan terlaksana ibadah sedekah yang disyariatkan akan menjadi pendinding daripada segala bala bencana dan ujian Allah. Ini membuktikan betapa besarnya nilai amalan bersedekah di dalam Islam.

### **Kesimpulan:**

Berdasarkan beberapa hadith tersebut jelas menunjukkan bahawa amalan bersedekah disyariatkan dan dituntut oleh Islam. Ianya turut memberi peranan yang besar dalam memulihkan ekonomi umat Islam serta kehidupan yang terbela agar tidak dipinggirkan tanpa perhatian yang sewajarnya dari agama. Ini membuktikan Islam merupakan agama yang syumul, mengatur perjalanan hidup manusia dalam pelbagai aspek kehidupan semoga mendapat kecemerlangan dunia dan akhirat.

---

<sup>74</sup> *Ibid*, j.8,no. Hadith 13715, h. 351

### **2.2.3 - Pembahagian Sedekah**

Pembahagian sedekah atau *infāq* berdasarkan kepada huraian dan penjelasan dari para ilmuan Islam di dalam konteks sedekah, dapat disimpulkan kepada tiga kategori<sup>75</sup> iaitu:

#### **Pertama: Sedekah wajib**

Sedekah atau *infāq* wajib iaitu mengeluarkan sejumlah harta yang dimiliki yang telah difardu dan ditetapkan oleh syara' samaada telah ditentukan kadarnya seperti zakat wajib, kaffarah atau yang tidak ditentukan kadarnya seperti takaful ijtimā'i, jihad dengan harta apabila diperlukan harta tersebut.<sup>76</sup> Kategori ini turut merangkumi pelbagai perkara lain yang diantaranya sedekah atau *infāq* kepada diri dan ahli keluarga seperti makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal. Ini ditegaskan oleh Allah di dalam firmannya:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَنفِقُوا مِنْ طَيَّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجَنَا لَكُمْ مِنَ  
الْأَرْضِ وَلَا تَيْمِمُوا الْخَيْثَرَ مِنْهُ تُنْفِقُونَ

*Ertinya: Wahai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah (dijalan Allah) sebahagian dari hasil usahamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang kami keluarkan dari bumi untukmu. Dan janganlah kamu memilih yang buruk-buruk lalu kamu sedekahkan daripadanya.*

Al- Baqarah ( 2 ) : 267

<sup>75</sup> Manzūr Ahmād al-Azharī (1422H-2002M), *Tarsyīd al-Istihlāki al-Fardī*, Kaherah: Dār al-Salām, h.82  
<sup>76</sup> *Ibid*, h. 88.

Menurut pandangan Imam al-Thabari<sup>77</sup> bahawa lafaz *Infāq* di dalam ayat merangkumi semua bentuk *infāq* samaada wajib atau sunat, terhadap diri, keluarga atau untuk kebaikan jamaah dan pada jalan Allah. Setiap *infāq* yang ditetapkan oleh syara' dikira sebagai sedekah yang diberi ganjaran pahala kepada yang melakukannya<sup>78</sup> seperti yang dijelaskan di dalam sebuah hadith riwayat Ibnu Mas'ūd bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda:

عَنْ ابْنِ مَسْعُودٍ الْأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِذَا أَنْفَقَ الْمُسْلِمُ نَفْقَةً عَلَى أَهْلِهِ وَهُوَ يَحْتَسِبُهَا ( أَيْ يُرِيدُ أَجْرَهَا مِنَ اللَّهِ ) فَهُوَ لَهُ صَدَقَةٌ

*Ertinya: Daripada Ibnu Mas'ūd al-Anṣārī r.a., daripada Rasulullah S.A.W. telah bersabda: Apabila seorang muslim menginfakkan sesuatu infak kepada keluarganya dan dia mengharapkan pahalanya daripada Allah, maka dikira baginya itu sedekah.*<sup>79</sup>

## Kedua: Sedekah sunat

Sedekah sunat iaitu sesuatu yang diberikan dengan tujuan mendekatkan diri kepada Allah S.W.T., bukan kerana ingin mendapatkan suatu penghargaan.<sup>80</sup> Islam tidak membatasi atau menumpukan kepada sedekah wajib sahaja didalam mencapai keseimbangan ekonomi, bahkan Allah S.W.T menganjurkan kepada hamba-hambanya agar berinfak dan bersedekah jariah siang dan malam, senang mahu pun susah, rahsia atau terang-terangan seperti yang disebut di permulaan al-Qur'an al-Karīm:

<sup>77</sup> Abū Ja'far Muḥammad b. Jarīr b. Zāid b. Kathīr al-Ṭabarī (1415H-1994M), *Tafsīr al-Ṭabarī*, j. 2, Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 159.

<sup>78</sup> Al-Azharī (1422H-2002M), *op.cit.*, h. 87.

<sup>79</sup> Al-Bukhārī (1411H-1991M), *op.cit.*, Kitāb al-Īmān, no. Hadith:55, h.42.

<sup>80</sup> 'Alī b. Muḥammad al-Jum'ah (1421H-2000M), *Mu'jam al-Muṣṭalahāt al-Iqtisadiyyah wa al-Islamiyyah*, Riyāḍ, Maktabah al-'Abīkan, h. 347.

الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيَقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ

*Ertinya: Iaitu mereka yang beriman kepada yang gaib , yang mendirikan salat, dan menafkahkan sebahagian rezeki yang kami anugerahkan kepada mereka.*

Al-Baqarah ( 2 ) : 3.

Di dalam hadith juga menganjurkan kita bersedekah jariah seperti sedekah untuk pusat-pusat pengajian, rumah-rumah anak yatim, kemudahan-kemudahan awam dan segala perkara-perkara kebaikan sepertimana sabda Baginda S.A.W.:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةِ أَشْيَاءٍ : صَدَقَةً جَارِيَةً أَوْ عِلْمًا يُتَّفَعَّ بِهِ أَوْ وَلَدًا صَالِحًا يَدْعُو لَهُ

*Ertinya: Apabila mati seorang insan maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara: Sedekah jariah atau ilmu yang bermanfaat atau anak soleh yang mendoakan untuknya.<sup>81</sup>*

Hadiyah, hibah, wakaf, wasiat dan selainnya dari bentuk-bentuk kebaikan juga termasuk dalam kategori sedekah sunat.

### **Ketiga: Sedekah haram**

Sedekah haram yang dimaksudkan iaitu menghulurkan sejumlah harta sama ada dari sumber yang haram seperti judi kepada seseorang atau kepada pihak-pihak yang

<sup>81</sup> Abū Dāwūd ( 1408H-1988M ), *op. cit.* , Kitāb al-Waṣāyā, no. Hadith : 2880, h. 117.

tidak dibenarkan oleh syara' seperti kepada seorang yang zalim atau kepada pihak yang diyakini penggunaan harta bagi perkara yang diharamkan.<sup>82</sup>

Sesungguhnya Islam memandang kepada harta sebagai suatu kehormatan bukannya sebagai matlamat dan sebagai wasilah untuk mencapai segala keperluan hidup dan mencapai keredhaan Ilahi. Semuanya bergantung kepada sedekah atau *infāq* yang membawa kepada mengalirnya harta ke dalam pelbagai bidang kehidupan ekonomi dan kemasyarakatan seperti mengalirnya roh di dalam jasad. Jika sekiranya perjalanan sedekah ini tergendala, maka lenyaplah kehidupan ekonomi dan segala kegiatannya bagaikan jasad yang terpisah daripada roh. Bagi mencapai tujuan tersebut maka kita perlu menginfakkan harta kepada saluran yang dibenarkan oleh Islam. Allah telah memerintahkan agar berinfak pada jalannya tanpa membinasakan diri dan menuntut supaya berbuat baik dalam pekerjaan<sup>83</sup> sepetimana dalam firmanNya:

وَأَنفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيهِكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

*Ertinya: Dan belanjakanlah ( harta bendamu ) di jalan Allah, dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri kedalam kebinasaan , dan berbuat baiklah kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik.*

Al-Baqarah ( 2 ) : 195.

Sedekah atau *infāq* pada bukan jalan Allah ditegah sama sekali dan haram hukumnya. Begitu juga membelanjakan harta pada kegiatan-kegiatan yang memudharatkan masyarakat dan ummat Islam seperti judi, arak dan seumpamanya adalah haram.

<sup>82</sup> Abī al-Qāsim al-Husain b. Muḥammad b. al-Mufaddal al-Rāghib al-Asfahānī (1428H-2007H) *Kitāb al-Zarī'ah Ilā Makārim al-Syari'ah*, Kaherah : Dār al-Salām, h. 285

<sup>83</sup> Al-Azharī (1422H-2002M) , *op.cit*, h. 91

## Kesimpulan:

Maka dengan pembahagian tersebut bererti harta merupakan amanah Allah yang diserahkan kepada manusia untuk ditadbir dan di urus bersetujuan dengan kehendaknya. Seperti firman Allah S.W.T.:

عَامِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَأَنْفَقُوا مِمَّا جَعَلَكُمْ مُسْتَحْفِظِينَ فِيهِ فَالَّذِينَ عَامِنُوا مِنْكُمْ  
وَأَنْفَقُوا لَهُمْ أَجْرٌ كَبِيرٌ

*Ertinya: Berimanlah kamu kepada Allah dan Rasulnya dan nafkahkanlah sebahagian dari hartamu yang Allah telah menjadikan kamu menguasainya. Maka orang-orang yang beriman di antara kamu dan menafkahkan sebahagian dari hartanya memperoleh pahala yang besar.*

Al-Hadid (57) : 7

Kata Imam al-Zamakhsyārī dalam menghuraikan ayat ini: "Sesungguhnya harta yang berada di tanganmu merupakan harta Allah yang diserahkan kepada hambanya. Sesungguhnya kamu menjadi kaya dan bersenang-senang dengan dia. Dia jadikan kamu sebagai khalifah untuk mengurusnya. Pada hakikatnya ia bukan hartamu, kamu hanyalah sebagai wakil dan pengganti. Maka belanjakanlah daripada harta itu pada jalan Allah. Dia menyerah kepadamu untuk dibelanjakan bagaikan seorang lelaki yang dipermudahkan untuk menafkah harta orang lain apabila diberi keizinan kepadanya atau dia menjadikan kamu berkuasa terhadap harta yang kamu miliki dengan cara warisan dari generasi sebelum kamu. Maka ambillah pengajaran terhadap perpindahan harta tersebut dari mereka kepada kamu dan akan berpindah daripada kamu kepada generasi yang akan datang. Maka jangan kamu bakhil dengan harta tersebut, dan manfaatkanlah

dengan cara kamu menginfakkannya.<sup>84</sup> Pengurusan yang tepat akan mendatangkan keberkatan kepada pemilik harta tersebut. Manakala sebaliknya akan mengundang kecelakaan dan kehancuran.

---

<sup>84</sup> Abū al-Qāsim Jār Allāh Maḥmud b. ‘Umar al-Zamahsyarī al-Khawarizmī (t.t), *Tafsir al-Kashāf*, j. 4, Beirut, Dār al-Fikr, h.61.

# **BAB KETIGA**

## BAB KETIGA

### PANDANGAN ULAMA' TERHADAP KEUTAMAAN MELAKSANAKAN UMRAH BERULANG KALI BERBANDING AMALAN BERSEDEKAH

#### 3.1-Pendahuluan:

Setiap kali tibanya musim haji para ulama' sering membicarakan perkara-perkara yang berkaitan dengan haji dan umrah serta permasalahan-permasalahan semasa yang disiarkan menerusi akhbar, majalah-majalah dan media masa yang lain. Di antara topik-topik semasa yang dibincangkan termasuk masalah berkaitan keutamaan di antara mengerjakan umrah sunat berulang kali dengan sedekah. Ini memandangkan ramai umat Islam memberi penumpuan bagi mengulangi ibadah tersebut serta pelbagai masalah yang terpaksa dihadapi oleh para jemaah di waktu mengerjakannya. Di samping itu krisis kemiskinan, kebuluran dan pelbagai tututan semasa lain yang amat memerlukan bantuan dan perhatian turut menjadi tanggungjawab bersama bagi menanganinya.

Dalam kajian yang dijalankan ini, pengkaji lebih memfokuskan kepada pengulangan umrah dalam bentuk bulanan dan tahunan bagi mereka yang sudah mengerjakan umrah wajib dan bagi orang yang tinggal di luar Makkah seperti Malaysia yang memerlukan kos perbelanjaan dan masa yang banyak jika dibandingkan dengan pengulangan berbentuk harian dan mingguan yang kebiasaannya dilaksanakan bagi mereka yang tinggal di Makkah atau bagi mereka sudah menuaikan umrah wajib bagi jemaah yang masih berada di Makkah.

Fenomena ini berlaku kemungkinan di atas sebab-sebab tertentu samaada dari sudut kefahaman seseorang terhadap pensyariatan umrah, keinginan naluri, faktor-faktor persekitaran dan keadaan semasa. Maka menjadi tanggungjawab para ilmuan Islam bagi menyelesaikan permasalahan tersebut serta memberi penjelasan sebenar berkaitan perkara-perkara yang perlu diutamakan oleh umat Islam.

Sebahagian umat Islam memperuntukkan sejumlah wang yang diperolehinya setiap tahun sebahagiannya untuk melaksanakan umrah dengan alasan untuk meningkatkan ibadahnya kepada Allah Taala dengan memfokuskan kepentingan diri tanpa menghiraukan tuntutan yang lebih penting, mengutamakan perkara sunat daripada perkara wajib. Sebahagian yang lain pula mengulangi ibadah tersebut dengan alasan untuk ziarah sambil melancong sebagai ketenangan jiwa.

Ada juga yang beranggapan bahawa ibadah tersebut mesti dikerjakan berulangkali bagi merebut dan memenuhi maksud serta kehendak hadith yang banyak membicarakan mengenai kelebihan mengulangi umrah. Terdapat juga segelintir umat Islam merasakan perlu bagi dirinya untuk mengulangi umrah setiap tahun sebagai mengubati jiwanya yang seolah-olah tidak lengkap dan sempurna ibadahnya yang lain tanpa mengerjakan umrah berulang kali.

Tidak dinafikan juga bahawa terdapat beberapa faktor lain yang menarik minat orang ramai untuk mengulangi ibadah umrah seperti agensi-agensi perlancongan (*travel*) serta media masa yang memainkan peranan masing-masing dengan meningkatkan promosi dan tawaran yang hebat dengan harga dan pakej yang lumayan bagi memenuhi seruan umrah tersebut serta menawan dan menarik minat orang ramai

yang berkemampuan bagi mengulangi ibadah tersebut disamping memberi pulangan keuntungan yang begitu besar diperolehi oleh agensi-agensi berkenaan setiap tahun .

Bagaimanapun alasan yang diberikan mengikut citarasa naluri seseorang di dalam perlaksanaan ibadah tersebut, semuanya merasakan bahawa keputusan yang diambil itu tepat dan bersesuaian dengan tuntutan agama. Maka bagi menentukan ketepatan dan kebenaran alasan serta hujjah tersebut atau sebaliknya mengikut perspektif Islam, penulis perlu menghuraikan dua tajuk berikut iaitu konsep *fiqh al-awlawiyyāt* dan pandangan ulama' tentang keutamaan di antara mengulangi ibadah umrah sunat dengan memberi sedekah.

### **3.2 - Konsep *Fiqh al- Awlawiyyāt***

#### **3.2.1- Pendahuluan**

Istilah *fiqh al-awlawiyyāt* (*fiqh* keutamaan) merupakan perkara yang sering di perkatakan oleh para imuan Islam dan diperbahas secara umumnya oleh ulama' silam di dalam karangan-karangan mereka. Sementara ulama-ulama' kontemporari juga turut menjelaskan kaitannya dengan isu dan permasalahan semasa. Maka di dalam kajian ini, penulis memetik beberapa maklumat berkaitan dengan *fiqh al-awlawiyyāt* yang di jelaskan oleh Prof. Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī dengan huraian yang lengkap dan pendekatan yang mudah difahami di dalam kitabnya *Fi Fiqh al-Awlawiyyāt Dirāsah Jadīdah fī daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah*.<sup>85</sup>

---

<sup>85</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī (Prof. Dr.) (1425H-2004M), *Fi Fiqh al-Awlawiyyāt Dirāsah Jadīdah fī daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah*, Kaherah: Maktabah Wahbah.

*Fiqh al-awlawiyyāt* merupakan satu kaedah neraca penilaian atau bentuk pendedahan yang amat penting kepada umat Islam terhadap manakah perkara-perkara yang mesti di dahulukan dan diberi keutamaan menurut kaedah syara'. Hal-hal apakah yang seharusnya diletakkan disebaliknya atau di kemudiankan serta dapat memperbaiki sesuatu isu yang masih kabur terutamanya permasalahan-permasalahan terkini yang muncul di zaman moden ini.

Kegagalan umat Islam dalam mempelajari dan memahami kaedah-kaedah tersebut mengakibatkan tindakan dan keputusan yang diambil sama ada di dalam perkara ibadah, muamalat, pentadbiran, politik dan sebagainya tidak teratur serta menimbulkan pelbagai kesulitan dan permasalahan. Fenomena kegagalan dan kelembapan mencapai kecemerlangan dalam setiap bidang yang sudah dilalui oleh umat Islam amat mengajar betapa pentingnya *fiqh al-awlawiyyāt* yang perlu dikuasai dan di terjemahkan di dalam perancangan dan tindakan yang akan dilakukan.

Justeru, perkara-perkara cabang (*furū'*) yang kecil, sekadar keperluan sampingan tidak seharusnya diberi fokus utama dan perhatian yang serius kerana ianya merugikan umatnya. Oleh demikian, sudah tiba saatnya pengetahuan agama dan *thaqāfah* yang lain perlu ditingkatkan agar segala keputusan, tindakan dan perlaksanaan berjalan dilandaskan syariat yang benar, bersesuaian dengan kehendak agama untuk kebaikan dan kebahagiaan dunia dan akhirat.

### 3.2.2 – Definasi *Fiqh al-Awlawiyyāt*

*Fiqh al-awlawiyyāt* (*fiqh Keutamaan*) boleh didefinisikan dengan meletakkan sesuatu pada peringkatnya yang sebenar dengan adil samaada berkaitan dengan hukum-

hakam, nilai-nilai akhlak mulia dan pekerjaan. Keutamaan perlu diberikan kepada perkara paling penting jika dibandingkan dengan yang penting dan kurang penting berdasarkan ukuran *syara'* yang sahih dari sumber cahaya wahyu Ilahi dan petunjuk akal.<sup>86</sup>

Perkara-perkara asas perlu diberi keutamaan berbanding dengan perkara cabang. Manakala perkara rukun perlu di dahulukan berbanding perkara yang merupakan sebagai pelengkap. Ini Berdasarkan Firman Allah S.W.T di dalam surah al-Rahman ayat 7-9:

وَالسَّمَاءَ رَفَعَهَا وَوَضَعَ الْمِيزَانَ \* أَلَا تَطْعُوا فِي الْمِيزَانَ \* وَأَقِيمُوا الْوَزْنَ  
بِالْقِسْطِ وَلَا تُخْسِرُوا الْمِيزَانَ

*Ertinya: Dan Allah telah meninggikan langit dan dia meletakkan neraca (keadilan). Supaya kamu jangan melampaui batas tentang neraca itu.*

Al-Rahmān ( 55 ): 7-9

Tindakan para sahabat mengambil berat dalam usaha ingin mengetahui perkara - perkara yang lebih utama yang dikemukakan kepada Rasulullah dengan tujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah merupakan contoh yang jelas dalam konsep *awlawiyyāt*.<sup>87</sup>

Al-Qur'ān juga menjelaskan bahawa manusia tidak semuanya berada pada peringkat yang sama, meskipun mereka memiliki kesamaan di dalam sifat kemanusiannya berdasarkan asal penciptaan. Perbezaan tersebut disebabkan dengan

---

<sup>86</sup> *Ibid.*, h. 9

<sup>87</sup> *Ibid.*, h. 9-10

perbezaan ilmu pengetahuan dan amal perbuatan.<sup>88</sup> Seperti mana firman Allah Ta’āla di dalam surah Al-Zumar ayat 9:

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ

*Ertinya: Katakanlah, Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui?*

al-Zumar ( 39 ) : 9

Tindakan masyarakat hari ini dalam menilai keutamaan terhadap sikap dan tindakan mereka sangat rapuh dan pincang serta tiada keseimbangan yang adil sama ada dalam urusan kerohanian atau kebendaan, masalah pemikiran atau sosial, ekonomi, politik dan sebagainya. Perkara kesenian dan hiburan lebih diutamakan daripada ilmu pengetahuan dan pendidikan. Penumpuan dari sudut kesihatan dan kecerdasan tubuh badan diutamakan daripada kemantapan rohani dan ketajaman akal. Mereka mengutamakan pembangunan material daripada pembangunan insan. Cara penilaian dalam menentukan keutamaan sesuatu perkara bukan terjadi kepada masyarakat awam sahaja, namun hal ini melibatkan golongan terpelajar dan berpendidikan tinggi serta komitmen yang tinggi dalam ajaran agama kerena mereka tidak memiliki pengertian yang cukup dan belum memahami *fīqh al-awlawiyyāt* secara benar.<sup>89</sup>

Dari perspektif Islam, sesuatu perbuatan itu boleh menjadi utama pada suatu masa dan tidak menjadi keutamaan di suatu masa yang lain mengikut suasana yang meliputi perbuatan tersebut. Namun disebabkan kurang pengertian dan kefahaman,

---

<sup>88</sup> *Ibid.*, h. 12

<sup>89</sup> *Ibid*

ramai di kalangan masyarakat tidak dapat membezakan kedua masa dan keadaan tersebut.

Sebagai contoh di dapati ramai di kalangan umat Islam yang kaya mengulangi ibadah haji sunat disaat tibanya musim haji dan mengulangi ibadah umrah dibulan Ramadan tanpa merasa berat mengeluarkan wang yang banyak demi tujuan tersebut. Tetapi diwaktu diminta kepada mereka untuk menyalurkan sejumlah perbelanjaan mereka yang dihabiskan bagi tujuan ibadah sunat setiap tahun itu untuk didermakan kepada kerja-kerja Islam seperti membangun pusat-pusat tarbiah dan pendidikan Islam, badan kebajikan, tabung pendidikan, tabung untuk para mujahidin, bantuan fakir miskin perubatan dan sebagainya, pelbagai alasan diberikan untuk mengelakkan wang mereka disalurkan kepada amal kebajikan tersebut. Keutamaan mereka lebih diberikan kepada mengulangi haji dan umrah yang merupakan perkara sunat dan berbentuk individu berbanding daripada menyalurkan bantuan kepada golongan-golongan tersebut yang berbentuk kemasyarakatan serta merupakan tugas yang telah difardukan oleh syariat Islam.<sup>90</sup>

Terdapat beberapa perkara penting yang diabaikan oleh umat Islam semenjak zaman kejatuhan Islam apabila jatuhnya kerajaan Uthmaniyyah pada tahun 1924 hingga ke hari ini antara lain:<sup>91</sup>

- 1) Mereka tidak memberi keutamaan kepada tugas-tugas fardu kifayah khususnya yang berkaitan dengan kepentingan ummah secara keseluruhan seperti kecemerlangan dalam bidang sains teknologi, perindustrian dan ketenteraan. Dengan penguasaan dalam perkara tersebut dapat memberi kekuatan dan menggeruni pihak musuh.

---

<sup>90</sup> *Ibid.*, h. 15

<sup>91</sup> *Ibid.*, h. 19

- 2) Kaum Muslimin tidak memberi keutamaan mengabaikan sebahagian tugas-tugas yang dikategorikan fardu ain seperti mengenbalikan pemerintahan yang adil dan mencegah kemungkaran yang merupakan salah satu ciri khas yang menjadikan umat Islam sebagai umat terbaik.
- 3) Umat Islam lebih mengutamakan sesuatu rukun Islam daripada rukun-rukun yang lain seperti mementingkan puasa dari solat atau mengutamakan solat dari zakat.
- 4) Umat Islam mengutamakan sebahagian perkara-perkara sunat lebih daripada perkara-perkara fardu dan wajib seperti mereka menumpukan zikir - zikir, tasbih dan wirid -wirid sebaliknya tidak memberi perhatian kepada perkara-perkara fardu terutamanya perkara sosial seperti berbakti kepada kedua ibu bapa, membangunkan hubungan silaturrahim, berbuat baik kepada jiran tetangga, perihatin kepada kaum yang lemah, menjaga kebajikan anak yatim, mencegah perbuatan yang mungkar dan memerangi kezaliman yang berlaku di tengah-tengah masyarakat dan politik.
- 5) Umat Islam lebih mengutamakan ibadah yang bersifat individu seperti solat sunat dan zikir daripada ibadah bersifat jamaah yang manfaatnya akan kembali untuk kepentingan ummah seperti jihad, mendalami ilmu fiqh, mendamaikan permusuhan, bekerjasama untuk kerja-kerja kebajikan dan ketaqwaan, saling menasihati dengan kesabaran dan kasih sayang, menyeru kepada keadilan dan menghayati konsep syura, serta memelihara hak-hak manusia khususnya kaum yang lemah seperti orang kurang upaya, anak yatim, ibu tunggal dan lain-lain lagi.

- 6) Umat Islam mengutamakan kerja-kerja cabang dan mengabaikan perkara-perkara asas seperti pembinaan aqidah, keimanan, tauhid dan ikhlas hati hanya kepada Allah.
- 7) Ramai di kalangan umat Islam sibuk membasmi perkara-perkara makruh atau syubhah, sedangkan memerangi perkara yang jelas haram dan terlarang (tidak diberi keutamaan) atau memerintah untuk mendirikan kewajipan dan fardu amat sedikit sekali bilangannya.

Maka dengan fenomena sebegini menjadikan umat Islam sangat memerlukan satu panduan dan bimbingan yang berupa fiqh keutamaan yang dapat memberi panduan dalam amalan dan pekerjaan yang tepat dan lebih terancang di dalam melaksanakan misi dan tugas sebagai khalifah di muka bumi ini. Di samping sebagai fungsi untuk memberi kepuasan dan ketenangan hati serta jalan yang jelas dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti yang disepakati tanpa ada rasa ragu-ragu lagi.

### **3.2.3 – *Fiqh al-Awlāiyāt* Dalam Perkara Ibadah**

Bagi mendapatkan ketepatan dalam menentukan keutamaan dalam perkara ibadah khususnya berkaitan tajuk kajian iaitu antara mengulangi ibadah umrah berulang kali dengan bersedekah, maka kaedah fiqh dan garis panduan yang di sepakati para ulama' perlu diberi perhatian bagi menjamin kesempurnaan ibadah seseorang. Ibadah yang disyariatkan Allah mempunyai tingkatan yang berbeza di antara satu sama lain.

Di antara kaedah-kaedah yang digariskan oleh para ulama' iaitu:

## 1- Keutamaan ibadah fardu ke atas ibadah sunat<sup>92</sup>

Seperti yang diketahui bahawa amalan-amalan yang diperintahkan dalam perkara *furu'* (cabang) terdiri dari pelbagai peringkat iaitu perintah yang berbentuk sunat, fardu dan di antara sunat dan wajib (di atas daripada paras sunat dan tidak melebihi paras fardu) yang dinamakan oleh sebahagian ulama' dengan wajib. Para ulama' membahagikan fardu kepada dua kategori<sup>93</sup>:

Pertama: Fardu 'ain iaitu perintah yang ditujukan kepada setiap individu muslim yang mukallaf dan memenuhi syarat-syarat taklif.

Kedua: Fardu kifayah iaitu apabila ada sebahagian orang yang menunaikannya maka gugurlah kewajipan tersebut ke atas yang lain.

Walaupun terdapat perbezaan pandangan ulama' terhadap makna fardu dan wajib, namun kedua-duanya merupakan tuntutan yang perlu diberi keutamaan terhadap fardu ain ke atas fardu kifayah, perkara yang paling wajib ke atas perkara wajib, mendahulukan perkara wajib ke atas perkara sunat dan juga memberi keutamaan kepada perkara-perkara fardu yang asas seperti solat dan zakat.

Imam al-Rāghib al-Asfahānī telah membuat perbandingan antara amalan-amalan ibadah fardu dan amalan-amalan sunnah dengan katanya:

*"Sesiapa yang sibuk melakukan amalan-amalan fardu sehingga luput daripadanya amalan sunnah, maka orang tersebut berada dalam kezuruan (boleh dimaafkan), namun sesiapa yang sibuk dengan amalan sunnah sehingga*

<sup>92</sup> Jalal al-Dīn b. Abd al-Rahmān al-Shuyūtī (1403H -1983M ) *Al-Ashbāh wa al-Naẓāir* , Beirut , Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 143.

<sup>93</sup> Al-Qaraḍāwī (Prof. Dr.) (1425H-2004M), *op.cit* , h. 114.

*melupakan amalan fardu, maka orang tersebut telahpun terpedaya (hawa nafsu). Allah Taala telah mengisyaratkan untuk berbuat adil (melakukan amalan fardu) sebelum berbuat ihsan (melakukan amalan sunnah)".<sup>94</sup>*

## 2- Keutamaan hak-hak manusia di atas hak Allah<sup>95</sup>

Dengan kepelbagaiannya peringkat fardu 'ain, Islam masih menitik beratkan fardu 'ain berkaitan dengan hak manusia daripada hak Allah seperti menunaikan haji wajib dengan membayar hutang. Menjelaskan semua hutang menjadi kewajipan yang perlu diutamakan daripada mengerjakan haji kecuali jika mendapat keizinan dari pemberi hutang. Fardu ain yang berkaitan dengan hak Allah S.W.T. masih mempunyai tolak ansur, berbeza dengan fardu 'ain yang ada kaitan dengan hak-hak manusia, dimana tiada tolak ansurnya.<sup>96</sup> Kata para ulama':

*"Hak-hak Allah taala diasaskan di atas al-tasāmuḥ (tolak ansur), sedangkan hak-hak manusia diasaskan di atas kepastian (tiada tolak ansur)".<sup>97</sup>*

## 3- Keutamaan ibadah yang memberi manfaat kepada orang ramai daripada manfaat untuk peribadi.<sup>98</sup>

Di antara keutamaan dalam kerja ibadah hendaklah pekerjaan tersebut lebih memberi manfaat kepada orang lain seperti amalan jihad adalah lebih utama daripada amalan haji ketanah suci kerana manfaat menunaikan haji hanyalah untuk orang yang melaksanakannya sedangkan manfaat berjihad adalah untuk seluruh ummat Islam. Mempelajari ilmu lebih utama daripada

<sup>94</sup> Al-Ąşfahānī (1428H-2007H), *op.cit*, h. 85

<sup>95</sup> al-Qarađāwī (Prof. Dr.) (1425H-2004M), *op.cit.*, h. 122

<sup>96</sup> *Ibid.*

<sup>97</sup> *Ibid*

<sup>98</sup> *Ibid*, h. 124

beribadah. Keutamaan ilmu pengetahuan akan semakin bertambah banyak apabila ianya diajar kepada orang ramai. Sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W.:

خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلِمَهُ

*Ertinya: Orang yang paling baik diantara kamu ialah sesiapa yang mempelajari al-Qur'an dan mengajarkannya kepada orang lain.<sup>99</sup>*

Maka di atas dasar ini juga para *fuqaha'* telah membuat satu kesimpulan hukum bahawa orang yang mengkhususkan dirinya hanya untuk beribadah (sembahyang) sahaja tidak berhak untuk mendapat agihan harta zakat berbeza dengan mereka yang mengkhususkan diri untuk belajar ilmu. Ini kerana tidak ada istilah kerahiban dalam Islam dan kerana manfaat seorang ahli ibadah hanya kembali kepada dirinya sendiri sedangkan penuntut ilmu untuk kemaslahatan umat.<sup>100</sup>

Begitu juga mengerjakan perbandingan antara ibadah umrah berulangkali dengan bersedekah. Puluhan ribu ringgit dihabiskan untuk perbelanjaan umrah namun kemanfaatannya hanya bersifat individu, manakala sedekah yang disumbangkan kemanfaatannya lebih kepada orang ramai. Keutamaan hak masyarakat itu perlu diutamakan berbanding dengan hak individu. Seandainya *fiqh al-awlawiyyāt* ini difahami dengan betul oleh umat Islam serta menyedari tuntutan agama, pasti mereka akan berusaha mengutamakan perkara yang lebih besar sumbangannya terhadap agama bangsa dan negara.

---

<sup>99</sup> Al-Bukhārī (1991M-1411H) *op.cit.*, Jld. 4, .no. Hadith 5027, h. 1620

<sup>100</sup> Al-Qaraḍāwī (Prof. Dr.) (1425H-2004M ), *op.cit.*, h. 90.

### **3.2.4 - Pandangan Ulama' Kontemporari Tentang Keutamaan Melaksanakan Umrah Berulang kali Berbanding Amalan Bersedekah.**

#### **Pendahuluan :**

Setelah difahami bahawa konsep *fiqh al-awlawiyyāt* yang digariskan oleh syariat Islam dijadikan sebagai neraca pertimbangan dalam konteks ibadah dan kerja-kerja Islam yang lain, maka permasalahan keutamaan antara mengerjakan ibadah umrah berulangkali dengan sedekah turut dinilai berdasarkan konsep tersebut. Perkara ini juga turut menjadi topik perbincangan dan perbahasan yang lebih terperinci oleh para ilmuan Islam kontemporari jika dibandingkan dengan ulama' silam yang menjelaskannya secara umum berkaitan tajuk kajian. Mereka banyak menerangkan maksud keutamaan, tingkatan dan cara perlaksanaannya tanpa mengaitkan tajuk kajian dengan penjelasan yang terperinci. Hal demikian dapat dipastikan melalui huraiyan yang dibuat di dalam kajian dan karangan mereka atau fatwa-fatwa yang dibukukan berkaitan perkara-perkara yang menyentuh tentang keutamaan di dalam perkara ibadah atau kerja-kerja Islam yang boleh dijadikan kiasan ke atas permasalahan kajian ini.

Sebagai contoh penjelasan shaykh al-Islām ibn Taimiyyah di dalam fatwanya menjawab persoalan berkaitan keutamaan diantara mengerjakan haji sunat dengan memberi sedekah kepada fakir miskin.<sup>101</sup> Jawapan yang diberikan beliau sekadar menyatakan haji sunat itu lebih utama daripada sedekah tanpa memberi alasan atau membawa hujah-hujah yang berkenaan bagi menyokong pandangan yang dikemukakan. Beliau juga ada menyentuh mengenai kelebihan amalan dan tingkatannya serta

---

<sup>101</sup> Taqī al-Dīn Aḥmad b.Taymiyyah al-Harranī (1421-2001), *Majmu'ah al-fatāwa ibn Taymiyyah*, Al-Manṣūrah: Dār-al-Wafā', jzk. 13, j.26, h. 10

kelebihan suatu amalan dengan amalan yang lain.<sup>102</sup> Imām al-Asfahānī juga ada menggariskan suatu kaedah yang dapat menyelamatkan seseorang bagi memahami keutamaan yang boleh dijadikan sebagai panduan di dalam amalan iaitu dengan kata beliau "*Sesiapa yang sibuk melakukan amalan-amalan fardu sehingga luput daripadanya amalan sunnah, maka orang tersebut berada dalam keuzuran (boleh dimaafkan), namun sesiapa yang sibuk dengan amalan sunnah sehingga melupakan amalan fardu, maka orang tersebut telahpun terpedaya (hawa nafsu)*".<sup>103</sup>

Dengan jawapan yang diberi terhadap persoalan yang dikemukakan boleh dijadikan panduan dan kiasan terhadap tajuk kajian memandangkan pelaksanaan umrah dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya tidak jauh perbezaan dengan ibadah haji. Maka secara tidak langsung menunjukkan bahawa topik *al-awlawiyyāt* (keutamaan) menjadi perkara yang pernah dibincangkan oleh ulama' silam.

Oleh demikian, dalam kajian ini penulis akan memberi tumpuan kepada penjelasan dan huraian terperinci di atas padangan dan pendapat yang diberikan oleh ulama' kontemporari. Pada hemat penulis bahawa pandangan yang diberikan ulama' kontemporari juga tidak tersasar dari kaedah dan manhaj yang dilalui oleh ulama' silam.

Persoalan keutamaan di antara kedua-dua ibadah (umrah dan sedekah) tersebut juga sering kali ditimbulkan oleh umat Islam diakhir-akhir ini. Hal ini turut menggambarkan bahawa masih ramai umat Islam dimasa kini tidak dapat membuat suatu penilaian yang sewajarnya bagi menilai ibadah yang lebih utama untuk dilaksanakan bersesuaian dengan keadaan dan tuntutan semasa.

---

<sup>102</sup> *Ibid*, jzk. 6, j.11, h.399

<sup>103</sup> Al-Asfahānī (1428H-2007H) , *op.cit*, h. 85

Tambahan lagi permasalahan yang dikaji ini dihayati secara langsung oleh mereka dengan realiti yang berlaku di kalangan umat Islam kini yang menjadikan amalan mengulangi umrah sunat di antara fokus utama dalam ibadah mereka disamping masih banyak agenda dan keperluan lain yang perlu didahului dan diutamakan. Maka, dengan situasi dan permasalahan yang timbul ini menjadi sokongan dan alasan kukuh untuk dikemukakan pandangan-pandangan yang dibincangkan oleh ulama' semasa. Senario perubahan zaman dan kemajuan semasa yang boleh mempengaruhi pemikiran dan pandangan seseorang turut dikesan menjadi faktor dorongan pengkaji bagi mendapatkan pandangan ulama' semasa yang dirasai relevan dan sesuai untuk di perbahaskan dengan terperinci.

Oleh itu pengkaji ingin membawa beberapa pandangan 'ulama' kontemporari yang terkenal di dunia Islam kini bagi menjelaskan permasalahan keutamaan di antara mengulangi ibadah umrah dengan bersedekah seperti berikut:

- 1) Prof. Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī

Berdasarkan kenyataannya yang disiarkan dalam majalah *Al-Iqtisād al-Islāmī*<sup>104</sup>, Prof. Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī menegaskan bahawa *infāq* atau sedekah pada kerja-kerja kebajikan, menunaikan kefarduan dan pentaklifan syara' seperti zakat adalah lebih utama dan afdal disisi Allah dan manusia daripada mengerjakan haji dan umrah berulangkali. Allah tidak akan menerima perkara sunat yang dikerjakan sehingga terlaksananya perkara fardu. Mereka yang menggemari mengulangi ibadah haji dan umrah serta bakhil mengeluarkan zakat yang diwajibkan maka haji dan umrah terebut

---

<sup>104</sup> *Al-Iqtisād Al-Islāmī*, op.cit.

tidak diterima oleh Allah S.WT.. Sewajarnya menjadi keutamaan baginya untuk membersihkan harta tersebut dengan menunaikan zakat daripada membelanjakan wang untuk haji dan umrah sunat.

Perlaksanaan ibadah sunat yang membawa kepada perbuatan haram tidak akan diterima oleh Allah S.W.T. seperti kesesakan, kesulitan yang berlaku berpunca daripada kedatangan ramai jemaah haji dan umrah sunat. Maka menjadi kewajipan kepada kita menanganinya dengan menggunakan alternatif utama iaitu dengan menghalang jemaah yang mengulangi ibadah haji dan umrah bagi memberi peluang kepada mereka yang belum menunaikan haji fardu berdasarkan kaedah syara' yang berbunyi: "*Menolak kerosakan lebih utama daripada memperolehi kebaikan*".<sup>105</sup> Kaedah ini wajib dilaksanakan terutamanya apabila kerosakan itu umum dan kebaikan itu khusus. Apabila kebaikan hanya kepada beberapa individu yang mengulangi haji dan umrah sahaja dan disebalik itu terdapat kesukaran bagi ribuan jemaah haji yang terpaksa menanggung kesulitan tersebut, maka kesukaran ini wajib dihindarkan dengan cara menolak faktor yang membawa kepada kesukaran iaitu banyak kesesakan. Masih banyak bentuk kebajikan dan ruang untuk mendekatkan diri kepada Allah. Diantaranya bersedekah kepada fakir miskin terutama kepada kaum kerabat yang terdekat dan adik beradik.<sup>106</sup> Seperti sabda baginda S.A.W.:

الصَّدَقَةُ عَلَى الْمِسْكِينِ صَدَقَةٌ وَعَلَى ذِي الرَّحْمَةِ شَتَانٌ : صَدَقَةٌ وَصَلَةٌ

*Ertinya: Sedekah yang dihulurkan kepada fakir miskin hanyalah sekadar sedekah sedangkan sedekah yang duhulurkan kepada kaun keluarga ada dua darjah iaitu sedekah dan silaturrahim*<sup>107</sup>

<sup>105</sup> Shaykh Ahmad b. Shaykh Muhammad al-Zarqā ( 1357H-1938M ), *Sharh al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, Damsyik , Dār al-Qalam, h. 205.

<sup>106</sup> *Al- Iqtisād Al-Islāmī*, Disember 2005, *op.cit*

<sup>107</sup> *Al- Nasāt* (1409H-1988M), *op.cit* , no. Hadith: 2583, j. 3, h. 92

Kadangkala sedekah menjadi wajib ke atas mereka, apabila mereka hidup dalam kesenangan sedangkan saudara–mara mereka berada dalam kesusahan. Begitu juga terhadap jiran yang fakir kerana bagi mereka hak kejiranan yang perlu ditunaikan setelah hak Islam. Kadangkalanya pertolongan atau bantuan sunat yang di tuntut itu berubah ketahap wajib yang mendatangkan dosa bagi seseorang yang mengabaikannya.<sup>108</sup> Sabda Baginda S.A.W.:

لَيْسَ بِمُؤْمِنٍ مَنْ بَاتَ شَيْعَانَ وَجَارُهُ إِلَى جَانِيهِ جَائِعٌ

*Ertinya: Tidak sempurna iman seseorang yang tidur nyenyak dalam kekenyangan sedangkan jiran sebelahnya dalam keadaan kelaparan.*<sup>109</sup>

Sedekah juga boleh disalurkan kepada badan–badan kebajikan, persatuan atau markaz Islam dan pusat pendidikan, kebudayaan dan sosial yang berteraskan prinsip-prinsip Islam yang senantiasa menjadi mangsa kepada serangan barat.

Terbengkalainya kebanyakan agenda dan aktiviti Islam bukan disebabkan kekurangan harta umat Islam, tetapi sikap dan tindakan ummat Islam sendiri. Sekian jumlah peruntukan yang di belanjakan oleh ribuan jemaah yang pergi menunaikan haji dan umrah sunat sudah dapat membantu dan mengukuhkan kerja dakwah dan meringankan bebanan keperluan umat Islam.<sup>110</sup>

Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī juga turut menasihatkan umat Islam yang bersungguh untuk mengulangi ibadah haji dan umrah agar memadai dengan ibadah yang telah di

<sup>108</sup> *Al-Iqtisād Al-Islāmī*, Disember 2005, *op.cit*

<sup>109</sup> Al-Ḥākim (1411H-1990M), *op.cit*, *Kitāb al-Buyu'*, no. Hadith 37, j. 2, h. 15.

<sup>110</sup> *Al-Iqtisād Al-Islāmī*, Disember 2005, *op.cit*

kerjakan. Sekiranya perlu diulangi maka kerjakanlah lima tahun sekali semoga mereka memperolehi dua faedah yang diberi ganjaran pahala: Pertama: Mengarahkan harta (wang yang diperuntukkan untuk mengerjakan umrah sunat) dengan disumbangkan untuk kerja-kerja kebajikan dan dakwah Islam dan dapat membantu umat Islam di seluruh dunia Islam atau di luarnya. Kedua: memberi kelapangan tempat-tempat untuk pelaksanaan haji dan umrah kepada umat Islam yang yang belum melaksanakan fardu haji dan umrah. Maka jelas bahawa meninggalkan haji dan umrah sunat dengan niat memberi peluang dan mengurangkan kesesakan untuk mereka merupakan perkara utama.<sup>111</sup>

## 2) Shaykh ‘Atiyyah Şaqr

Shaykh ‘Atiyyah Şaqr merupakan Bekas Ketua Lajnah Fatwa Al-Azhar Mesir berkata:<sup>112</sup> Seperti dimaklumi bahawa mengerjakan haji merupakan suatu kefarduan bagi individu yang berkemampuan sekali seumur hidup. Ini berdasarkan kepada hadith yang diriwayatkan oleh Bukhārī dan Muslim daripada Abu Hurairah r.a. telah berkata: Rasulullah S.A.W. pernah berkhutbah kepada kami katanya:

*"Wahai sekalian manusia, sesungguhnya Allah telah memfardukan haji ke atas kamu, maka tunaikanlah haji. Lalu bertanya seorang lelaki : Apakah wajib dilaksanakan setiap tahun wahai Rasulullah? Rasulullah mendiamkan diri sehingga diulang persoalan tersebut tiga kali kemudian beliau bersabda: Kalau sekiranya aku menjawab ya, nescaya wajib keatas kamu setiap tahun, kamu tidak mampu melaksanakannya."*<sup>113</sup>

---

<sup>111</sup> *Ibid*

<sup>112</sup> *Ibid*, h. 56

<sup>113</sup> Al-Nawawī ( 1414H-1994M ), *op.cit*, *Bāb Fard al-Hajj Marratan fī al-‘Umr*, no. hadith 1337, j. 3, h. 463

Dengan ini dapat difahami bahawa mengulangi haji bukan merupakan perkara wajib, hanya sunat sahaja. Maka perkara sunat bagi sesuatu perlu dipelihara dengan mendahului perkara yang lebih penting daripada perkara penting. Kadang kalanya berlaku keadaan yang amat memerlukan kepada bantuan orang ramai bagi menyelamatkan kehidupan atau meringankan pelbagai kesulitan. Maka di dalam situasi sebeginilah *infāq* atau sedekah itu menjadi lebih utama.<sup>114</sup>

Seseorang yang ingin menziarahi Baitullah untuk mengerjakan haji dan umrah lalu dia dapati perkara penting (seperti seseorang dalam kelaparan) yang menghentikannya daripada menziarahi Baitullah, nescaya Allah akan mengurniakan pahala yang besar di atas niatnya. Terdapat *athar* yang menyebut: Bahwasanya Allah menulis pahala haji bagi seseorang yang bertemu dalam perjalannya orang – orang fakir yang terpaksa memakan bangkai, lalu dia berikan kepada mereka apa yang ada padanya dan terus pulang ke tanah airnya tanpa melaksanakan haji, maka Allah akan memberikannya pahala haji.<sup>115</sup>

### 3) Dr. Ahmad ‘Abd al-‘Azīz al-Haddād

Menurut Dr. Ahmad ‘Abd al-‘Azīz al-Haddād merupakan Mufti Hal Ehwal Wakaf dan Pentadbiran Islam (دائرة الأوقاف والشؤون الإسلامية) Negara Dubai, tidak diragui bahawa ibadah haji merupakan di antara sebaik-baik dan sebesar-besarnya ibadah untuk mendekatkan diri kepada Allah sama ada haji wajib atau sunat. Setiap haji mabruur akan memperolehi pahala besar yang tidak diketahui oleh manusia. Ini kerana berkaitan kesulitan mengerjakan haji dan umrah yang merangkumi pelbagai bentuk ibadah seperti tubuh badan, harta, perkataan, perbuatan, menempuh bahaya jiwa dan mujahadah. Oleh

---

<sup>114</sup> *Al-Iqtisād al-Islāmī*, Disember 2005 *op.cit.*

<sup>115</sup> *Ibid*

demikian, beliau berpendapat bahawa tidak dilarang bagi seseorang insan untuk mengulangi haji atau umrah sekalipun sekurang-kurangnya lima tahun sekali kerana dengan haji atau umrah dapat membinasakan dosa yang dilakukan sebelumnya<sup>116</sup> berdasarkan hadith Rasulullah S.A.W. yang bererti "*Haji menghapuskan dosa yang telah lalu*"<sup>117</sup>

Kadangkalanya memberi makanan kepada fakir miskin, pakaian dan rawatan lebih baik daripada haji sunat diwaktu seseorang berhadapan dengan dua pilihan haji atau bersedekah yang tidak mungkin dapat dihimpunkan kedua-duanya sekali. Memberi makanan dalam keadaan ini dapat menyelamatkan jiwa atau menenangkan dukacita. Oleh yang demikian ‘Abd Allāh b. Mubārak apabila melihat dalam keadaan ini beliau mengutamakan sedekah daripada haji sunat.<sup>118</sup> Inilah yang dinamakan fiqh keutamaan (*fiqh al-awlawiyyāt*).<sup>119</sup>

Fiqh menuntut seorang Muslim perlu menjaga keutamaan perkara yang besar bahaya dan kesannya seperti memberi makanan kepada yang memerlukan jika ditakuti menimbulkan fitnah di dalam agama atau mendatangkan kemudaratan terhadap mereka. Allah akan menyoal seseorang jika dia lalai dalam menyelamat kehidupan saudaranya yang muslim sedangkan dia mengetahuinya. Sepertimana sabda Baginda S.A.W. daripada Ibnu Abbas: "*Tidak beriman seseorang yang tinggal didalam rumahnya sedangkan jiran di sampingnya dalam keadaan lapar*".<sup>120</sup>

---

<sup>116</sup> *ibid.*

<sup>117</sup> Al-Nawawī( 1414H – 1994M ), *op.cit* , h. 477

<sup>118</sup> Abū al-Fida' Ismail b. Kathīr (1413H-1993M), *Kitāb al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, Kaherah , Dār al-Hadīth, j. 10 , h. 192.

<sup>119</sup> *Al-Iqtisād al-Islāmī*,Disember 2005, *op.cit*.

<sup>120</sup> Al-Ḥākim (1411H-1990M) *op.cit*

4) Dr. Ahmad al-Kabīsī

Dr. Ahmad al-Kabīsī merupakan seorang pendakwah Islam menegaskan bahawa pada zahirnya mengulangi haji atau umrah bukan dituntut secara mutlak. Terutamanya di zaman kita sekarang sehingga bertambahnya bilangan jemaah haji mencecah satu perlima penduduk dunia dan masih ramai mereka yang berkeinginan mengerjakan haji atau umrah wajib tidak dapat menunaikannya. Di waktu seseorang mengulangi haji atau umrah beberapa kali, bererti dia telah mengambil hak orang lain yang ingin mengerjakan haji atau umrah buat kali pertama sedangkan kefarduan haji atau umrah sudah gugur daripadanya.<sup>121</sup>

Menjadi lebih utama bagi seseorang yang memiliki harta yang banyak jika berhasrat untuk mengulangi ibadah haji atau umrah sunat mengkhususkan peruntukan perbelanjaan tersebut untuk disedekahkan kepada fakir miskin dan anak-anak yatim serta kerja amal yang memberi faedah bagi mereka yang memerlukan. Ini bertujuan menunjukkan bahawa perkongsian di dalam melaksanakan projek-projek kebajikan pahalanya di sisi Allah lebih baik daripada mengulangi haji atau umrah. Masih banyak bidang lain yang boleh seseorang muslim mengambil faedah dari hartanya daripada mengulangi haji seperti membina masjid, hospital, sekolah, rumah anak yatim atau apa sahaja projek yang menguntungkan orang ramai terutamanya mereka yang tidak berkemampuan untuk membiayai kos perubatan atau kos pengajian.<sup>122</sup>

Perkara yang berlaku kepada ibadah haji turut berlaku kepada ibadah umrah kerana pengulangan ibadah umrah lebih banyak dikerjakan daripada haji. Terdapat sebahagian umat Islam menunaikan ibadah umrah tiga kali setahun. Di waktu seseorang

---

<sup>121</sup> *Al-Iqtisād al-Islamī*, Disember 2005 op.cit , h. 58

<sup>122</sup> *Ibid*

muslim mengulangi haji atau umrah, faedah hanya diperolehi untuk dirinya sahaja, berbanding jika ia membelanjakan dengan jumlah kos wang tersebut untuk tujuan amal kebajikan akan dapat memberi kemanfaatan kepada orang ramai. Rasulullah S.A.W. tidak melaksanakan haji sepanjang umurnya kecuali sekali sahaja. Ini merupakan pengajaran dan nasihat bagi mereka yang ingin mengulangi haji dan umrah.<sup>123</sup>

Menurut beliau lagi bahawa umat Islam perlu melakukan perniagaan dengan Allah dengan baik dan perlu mengetahui *fīqh al-awlawiyyāt* secara umum dalam Islam terutamanya di dalam ibadah serta dapat mengajar para jemaah haji yang mengerjakan haji sunat atau mereka yang sering mengulangi umrah bahawa jika diserahkan sejumlah kos perbelanjaan haji dan umrah itu pada jalan Allah untuk jihad, sedekah dan perkara kebaikan lain, nescaya dapat meningkatkan taraf institusi yang sedia ada kepada tahap yang lebih baik dan bersistematik serta kemanfaatan atau kebaikannya akan kembali kepada umat Islam.<sup>124</sup>

##### 5) Dr. Ra'fat 'Uthmān

Beliau merupakan pensyarah Fakulti Syariah Universiti al -Azhar dan anggota *Majma' Buḥuth* (Lembaga Kajian Islam) al-Azhar menegaskan bahawa memandangkan tetamu Allah kini terpaksa menghadapi kesukaran dan kesesakan disebabkan ramai yang berlumba bagi mengerjakan ibadah tersebut, maka tindakan segera perlu diambil berkaitan cara pengurusan dan penerangan bagi menjaga dan memelihara tetamu Allah serta dapat mengurangkan kesesakan yang kebiasaannya berpunca dari mereka yang kerap mengulangi haji dan umrah setiap tahun yang mengganggu mereka yang mengerjakan haji kali pertama. Oleh demikian, beliau berpendapat bahawa *tabarru'*

---

<sup>123</sup> *Ibid*

<sup>124</sup> *Ibid*

untuk kerja-kerja kebajikan yang membawa keamanan dan ketenangan kepada masyarakat adalah lebih afdhal di sisi Allah daripada bersesakan dengan para jemaah terhadap mereka yang mengulangi haji atau umrah.<sup>125</sup>

6) Dr. Muhamad Sayyid Ahmad al-Musayyar

Beliau merupakan pensyarah Fakulti Usuluddin Universiti al-Azhar berpendapat tidak menjadi kesalahan mengulangi haji atau umrah bagi mereka yang berkemampuan selagi seseorang itu dapat meneruskan segala ketaatan dan pendekatan, menunaikan zakat hartanya dan bersedekah kepada fakir miskin dan mereka yang memerlukan. Haji dan umrah dari sudut kefarduan tidak diwajibkan kecuali sekali sahaja sepanjang umur. Tetapi apabila jarak tempoh masa yang panjang dan seseorang itu hanyut di dalam arus kehidupan material, maka adalah baik baginya memperbaharui haji atau umrah bagi menghidupkan kembali jiwynya dan memperbaharui iman yang mendalam di dalam hatinya serta merasai keindahan Islam.<sup>126</sup>

7) Prof. Dr. Wahbah Al-Zuhaylī<sup>127</sup>

Dalam permasalahan ini beliau menegaskan di dalam fatwanya mengatakan tidak diragui lagi bahawa diantara perkara yang amat penting didalam *maqāsid Islamiyyah* (matlamat-matlamat asasi dalam Islam) ialah memakmurkan masjid al-Ḥarām (iaitu dengan sembahyang, iktikaf dan seumpamanya) dan berterusan menunaikan manasik haji atau umrah berdasarkan doa saiyyidina Ibrahim a.s.:

---

<sup>125</sup> *Ibid*, h. 60

<sup>126</sup> *Ibid*

<sup>127</sup> Wahbah b. Muṣṭafā al-Zuḥaylī (Prof. Dr.) , ( 1424H-2003M ) *Fatāwa Mu'āṣirah* , Damsyik: Dār al-Fikr, h. 48

فَاجْعِلْ أَفْئِدَةً مِنَ النَّاسِ تَهُوِي إِلَيْهِمْ

*Maksudnya : Maka jadikanlah hati sebahagian manusia cenderung kepada mereka.*

Ibrāhim ( 14 ) : 37

Dan dikuatkan lagi dengan hadith nabi yang di riwayatkan oleh al-Baihaqī dan Ibnu Ḥibbān di dalam sahihnya daripada Abī Sa’īd Al-Khudrī r.a. bahawa Baginda S.A.W. telah bersabda: Allāh ‘Azza wa Jalla berkata:

*"Sesungguhnya seorang hamba yang aku sihatkan tubuh badannya dan aku lapangkannya dalam kehidupan, berlalu keatasnya lima tahun tidak menjadi tetamuku, nescaya dia terhalang ( dari pahala dan jauh dari rahmat dan keredaan Allah )".<sup>128</sup>*

Ini merupakan dalil menunjukkan sunat dan galakan dalam memakmurkan masjid al-Harām. Apabila tujuan ini telah tercapai dengan sebab ramai bilangan umat Islam dan bertambah sambutan bagi menunaikan haji dan umrah sunat lebih daripada fardu, maka ianya menjadikan haji atau umrah sunat serta luputnya peluang kepada orang lain dan melibatkan mereka di dalam kesesakan dan kesulitan suatu perkara yang tidak dikira sunat lagi. Manakala menyelamat orang fakir miskin atau bersedekah pada jalan Allah sama ada jihad dan seumpamanya, menolong para mujahidin di negara yang dijajah adalah lebih utama dan lebih afdal kerana jihad lebih afdal dari amalan-amalan yang lain samaada fardu atau sunat dan juga kerana menjaga kehidupan seseorang insan yang kelaparan lebih wajib dan lebih utama.<sup>129</sup> Seperti yang diriwayatkan oleh al-Ḥākim di dalam *al-Mustadrak* dari ‘Āisyah dan selainnya yang terdiri dari sahabat yang

<sup>128</sup> Abī Ḥātim Muḥammad b. Ḥibbān al-Būtī (1414H-1993M), *Sahīh Ibn Ḥibbān, Kitāb al-Hajj*, Beirut: Muassasah al-Risālah, no. hadith : 3703, j. 9, h. 16.

<sup>129</sup> Al-Zuhaylī (Prof. Dr.), (1424H-2003M), *op.cit*, h. 49

lain: "Tidak sempurna iman seseorang yang tidur nyenyak dalam kekenyangan sedangkan jiran sebelahnya dalam keadaan kelaparan".<sup>130</sup>

### 8) Prof. Dr. Aḥmad ‘Alī Tāhā Rayyān

Prof. Dr. Aḥmad ‘Alī Tāhā Rayyān merupakan pensyarah fiqh perbandingan Fakulti Syariah Universiti al-Azhar di dalam fatwanya terhadap persoalan yang dikemukakan mengenai keutamaan di antara mengulangi umrah dengan membina masjid yang termasuk dalam makna sedekah seperti tajuk kajian penulis, menilai dari sudut masa, tempat dan keadaan dengan alasan memandangkan kedua-duanya merupakan perkara yang disyariatkan. Sedekah menjadi keutamaan diwaktu masjid menjadi keperluan masyarakat setempat dan faedahnya dapat di rasai oleh sebahagian besar kaum muslimin. Sementara jika tidak menjadi keperluan setempat maka ibadah umrah menjadi adalah lebih afdal dan utama daripada sedekah.<sup>131</sup> Pandangan beliau dalam mengukur dan menilai bagi menentukan keutamaan diantara dua ibadah tersebut berdasarkan keperluan dan keadaan semasa yang dihadapi oleh umat Islam.

### Kesimpulan:

Hasil daripada pandangan dan penjelasan daripada para ilmuan Islam tersebut terhadap tajuk kajian yang dibincangkan, maka dapat penulis simpulkan bahawa kebanyakan ulama' berpendapat bahawa sedekah adalah lebih utama daripada mengerjakan umrah berulang kali. Manakala selainnya iaitu sebilangan kecil dikalangan mereka berpandangan boleh seseorang mengulangi haji atau umrah jika tidak

<sup>130</sup> Al-Ḥākim (1411H-1990M) *Op.cit*

<sup>131</sup> Aḥmad ‘Alī Tāhā Rayyān (Prof. Dr.) (1427H-2006M), *Fatāwa wa Ahkām Barīd al-Islām*, Kaherah: Dār Ibn al-Haitham, h.350

mengabaikan tuntutan dan ketatan lain. Alasan ini tidak dapat dijadikan ukuran dalam permasalahan ini memandangkan peratusannya tidak ramai dikalangan masyarakat Islam yang dapat memenuhi tututan dua ibadah yang berbeza iaitu mengulangi umrah dan sedekah di dalam suatu masa.

Pandang dan hujah yang dikemukakan oleh kebanyakkan ‘ulamā’ dengan mengutamakan sedekah dari mengulangi ibadah umrah bertepatan dan bersesuaian dengan beberapa kaedah syara’ yang digariskan oleh Prof. Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī<sup>132</sup> seperti berikut:

1 (سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَالِيِّ لَا يَقْبِلُ النَّافِلَةَ حَتَّىٰ تُؤْدِيَ الْفَرِيضَةُ ) (sesungguhnya Allah tidak menerima perkara sunat sehingga dilaksanakan ibadah fardu)<sup>133</sup>

Maka berdasarkan kaedah ini, sesiapa yang mengerjakan umrah sunat sedangkan pada masa yang sama tidak mengeluarkan zakat yang diwajibkan keatasnya maka ibadah umrah yang dilaksanakan ditolak kerana penyucian harta dengan mengeluarkan zakat itu lebih utama daripada menginfakkan harta tersebut bagi menunaikan umrah sunat. Begitu juga kepada mereka yang dibebani dengan hutang di dalam perniagaan dan sebagainya, maka tidak boleh untuk mereka mengerjakan umrah sunat sebelum membayar hutang atau mendapat keizinan daripada pemberi hutang.

2 (إِنَّ اللَّهَ لَا يَقْبِلُ النَّافِلَةَ إِذَا كَانَتْ تُؤْدِيَ إِلَىٰ فَعْلِ مُحْرَمٍ ) (sesungguhnya Allah tidak menerima perkara sunat apabila membawa kepada melakukan perkara haram)<sup>134</sup>

<sup>132</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī ( Prof. Dr.) (1425H-2004M) , *op.cit* h.38-40

<sup>133</sup> *Ibid* ( Kaedah ini merupakan istiqra’ (kajian) Prof. Dr. Yūsuf al-Qaraḍawī )

<sup>134</sup> *Ibid*

Ini kerana bahawa selamat daripada dosa haram perlu di dahului daripada mendapat pahala ibadah sunat. Maka lantaran ramainya para jemaah haji sunat boleh menyakiti ramai kaum muslimin daripada kesesakan yang menimbulkan kesulitan, tersebarnya pelbagai penyakit, gugur beberapa orang jemaah sehingga di pijak oleh kaki-kaki para jemaah haji tanpa disedari ataupun menyedarinya tetapi tidak mampu bergerak di sebabkan kesesakan. Maka menjadi kewajipan mencari jalan bagi mengurangkan kesesakan yang ada. Sebagai langkah pertama bagi menangani perkara tersebut dengan menyekat mereka yang sudah melaksanakan haji berulangkali untuk memberi ruang kepada mereka yang belum menunaikan haji fardu.

Kegairahan mengerjakan ibadah sunat sehingga berlaku perkara yang diharamkan iaitu menyakiti orang lain tidak akan diterima amalannya oleh Allah S.W.T. dan meninggalkannya lebih utama bagi seseorang muslim yang menuju kepada keredaan Ilahi.

أن المفاسد مقدم على جلب المصالح (3) (bahawa kerosakan itu lebih utama mencegahnya daripada memperolehi kebaikan )<sup>135</sup>

Kaedah ini perlu di fahami terutamanya apabila kerosakan itu berbentuk umum dan kebaikan itu berbentuk khusus. Jika kebaikan hanya kepada sebahagian kecil mereka yang mengerjakan umrah sunat sedangkan disebaliknya mengundang keburukan kepada sebahagian besar jemaah yang lain, maka wajib kita mencegah kerosakan dengan cara menahan atau mencegah faktor yang membawa kerosakan iaitu banyak kesesakan.

---

<sup>135</sup> Al-Zarqā (1357H-1938M), *op.cit.* h. 205

Diantara kerosakan lain iaitu terdapat unsur kezaliman ke atas mereka yang belum lagi menunaikan haji atau umrah wajib yang terpaksa menunggu giliran yang lama disebabkan jumlah jemaah yang diperuntukan oleh Kerajaan Saudi sebagaiannya di penuhi oleh mereka yang sudah menunaikan ibadah tersebut.

4 ) Pintu-pintu sunat untuk kebajikan amat luas dan banyak. Allah tidak menyempitkan buat hamba-hambanya. Seorang mukmin yang berpandangan jelas dia akan memilih perkara yang sesuai dengan keadaannya dan bertepatan dengan masa dan suasana. Di antara kebajikan lagi seperti sedekah kepada fakir miskin yang memerlukan terutamanya kaum kerabat yang terdekat. Kadangkala hukumnya menjadi wajib jika dia tergolong di kalangan orang yang senang dan kaum kerabat terdiri dikalangan orang miskin.

Terdapat banyak tempat-tempat yang boleh di salurkan sedekah seperti persatuan– persatuan agama Islam, pusat–pusat Islam, ma'had tahfiz, institusi–institusi yang merupakan tunggak kepada Islam, rumah kebajikan anak yatim, orang kurang upaya, warga emas, pusat asuhan kanak–kanak istimewa dan lain–lain lagi. Bantuan dan sumbangan bagi membiayai dan mengurus kerja–kerja tersebut merupakan kefarduan yang mesti di utamakan daripada umrah sunat yang berbentuk peribadi berdasarkan kepada kata-kata ulama':

إِنَّ اللَّهَ لَا يَقْبِلُ النَّافِلَةَ حَتَّىٰ تُؤْدِيَ الْفَرِيضَةُ ، وَمَنْ شَغَلَهُ الْفَرْضُ عَنِ النَّفْلِ فَهُوَ مَعْذُورٌ ، وَمَنْ شَغَلَهُ النَّفْلُ  
عَنِ الْفَرْضِ فَهُوَ مَغْرُورٌ

*Ertinya: Sesungguhnya Allah tidak menerima amalan sunat sehingga terlaksana amalan fardu, dan sesiapa yang mengutamakan urusan fardu daripada urusan sunat maka dia dimaafkan sebaliknya sesiapa yang mengutamakan perkara sunat melebihi daripada perkara wajib maka sebenarnya dia terpedaya.<sup>136</sup>*

---

<sup>136</sup> Al-Asfahānī (1428H-2007H), *op.cit*, h. 85

# **BAB KEEMPAT**

## **BAB KEEMPAT**

### **ANALISIS KAJIAN MENGENAI KEFAHAMAN MASYARAKAT ISLAM TERHADAP KEUTAMAAN MELAKSANAKAN UMRAH BERULANG KALI BERBANDING AMALAN BERSEDEKAH DI DAERAH KUBANG PASU.**

#### **4.0 - Pengenalan**

Bab ini akan membentangkan hasil analisis data kajian yang diperolehi daripada hasil pungutan kajian yang dijalankan ke atas 360 orang responden melalui soal selidik yang diedarkan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 301 borang soal selidik dikembalikan. Ini mungkin disebabkan kurang perhatian dan memandang remeh dikalangan beberapa responden dalam memberi kerjasama untuk mengisi jawapan terhadap borang yang diedarkan. Usaha menyiapkan reka bentuk soalan, mengedarkan soal selidik, mengumpul data dan menganalisisnya mengambil masa lima bulan iaitu bermula Mei 2008 hingga September 2008.

Penulis telah membuat ujian rintis terhadap set borang kaji selidik ini bagi menguji keberkesanan borang kaji selidik tersebut. Seramai dua puluh orang responden terlibat dalam ujian ini sebagai subjek kajian. Semua responden didapati dapat memahami persoalan yang dikemukakan berdasar jawapan yang diberikan. Soal selidik ini mengandungi 30 item dan di bahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian Pertama dan bahagian Kedua.

Bahagian Pertama mengandungi lapan soalan yang merangkumi aspek-aspek demografi sebagai pengenalan diri responden seperti jantina, umur, status perkahwinan, jumlah tanggungan, pekerjaan, pendapatan bulanan, taraf pendidikan dan aliran pendidikan. Tujuannya adalah untuk mengenalpasti individu responden serta sebagai asas yang dapat membantu dalam menilai kefahaman mengenai tajuk kajian.

Bahagian Kedua pula terdapat 22 item yang dibahagikan kepada tiga kategori iaitu kefahaman responden terhadap ibadat umrah, kefahaman responden terhadap ibadat sedekah dan pandangan responden terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali atau bersedekah.

Dalam bab ini, penulis akan membahagikan kaji selidik kepada tiga bahagian iaitu:

Bahagian A: Latar belakang responden

Bahagian B: Kefahaman terhadap ibadah umrah dan sedekah yang merangkumi 3 permasalahan :

1 – Kefahaman terhadap ibadah umrah

2 – Kefahaman terhadap ibadah sedekah

3 – Pandangan terhadap keutamaan mengerjakan umrah berulang kali atau bersedekah

Bahagian C: Hubungkait latar belakang dengan kefahaman

Bagi mengenalpasti kefahaman tersebut dengan lebih jelas, penulis akan memilih beberapa soalan utama pada bahagian B dan C dari tiga bahagian kaji selidik di atas yang boleh dijadikan sebagai pengukur utama bagi membuktikan kefahaman

responden. Penulis akan mengkategorikan sebagai 'faham' bagi pilihan jawapan yang betul dan 'tidak faham' bagi jawapan-jawapan yang selainnya. Seterusnya kefahaman keseluruhan responden di nilai berdasarkan peratusan jumlah responden yang faham tentang tiga permasalahan tersebut. Semakin tinggi peratusan responden yang faham, semakin tinggi tahap kefahaman keseluruhan mereka. Penulis telah membahagikan peratusan tersebut kepada tiga kategori yang mewakili tiga tahap kefahaman seperti jadual dibawah:

**Jadual 4.1: Pengkelasan tahap kefahaman keseluruhan responden tentang ibadah umrah dan sedekah serta penilaian keutamaan diantara keduanya.**

| <b>Peratus responden yang faham</b> | <b>Tahap kefahaman</b> |
|-------------------------------------|------------------------|
| <b>0% - 30%</b>                     | <b>Rendah</b>          |
| <b>31% - 60%</b>                    | <b>Sederhana</b>       |
| <b>61% - 100%</b>                   | <b>Tinggi</b>          |

## Bahagian A:

### Latar Belakang Responden

Hasil daripada analisis ke atas 301 responden yang di jalankan bagi data taburan responden mengikut jantina, dapat penulis rumuskan iaitu 159 orang atau 52.8% adalah responden lelaki manakala 141 orang atau 46.8% lagi adalah responden perempuan. Ternyata hampir sama peratusan antara responden lelaki dan responden perempuan. Jadual 1 menunjukkan taburan responden mengikut jantina secara lengkap.

**Jadual 1 : Taburan responden mengikut jantina**

| Jantina        | Responden  | %          |
|----------------|------------|------------|
| Lelaki         | 159        | 52.8       |
| Perempuan      | 141        | 46.8       |
| Tidak menjawab | 1          | 0.4        |
| <b>Jumlah</b>  | <b>301</b> | <b>100</b> |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Penulis telah mengambil responden dari pelbagai peringkat umur. Secara amnya penulis mengkategorikan seperti yang terdapat pada jadual 2.

**Jadual 2 : Taburan responden mengikut umur**

| Umur               | Responden  | %          |
|--------------------|------------|------------|
| 20 hingga 40 tahun | 158        | 52.5       |
| 41 hingga 56 tahun | 125        | 41.5       |
| 57 tahun ke atas   | 17         | 5.6        |
| Tidak menjawab     | 1          | 0.4        |
| <b>Jumlah</b>      | <b>301</b> | <b>100</b> |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Peringkat umur responden dibahagikan kepada 3 kategori. Keputusan daripada soal selidik mendapati bahawa 52.5% iaitu separuh daripada responden terdiri dari kalangan yang berusia antara 20 hingga 40 tahun. Manakala 41.5% lagi lingkungan usia antara 41 hingga 56 tahun dan 5.6% terdiri dari kalangan mereka yang melepas umur pencen iaitu 57 tahun ke atas.

Taburan responden mengikut status perkahwinan pula di dapati bahawa jumlah peratusan responden yang sudah berkahwin jauh lebih ramai daripada responden yang bujang iaitu seramai 240 orang atau 79.7%. Manakala yang bujang seramai 60 orang atau 19.9%. Terdapat seorang responden iaitu 0.3% tidak memberi respon jawapan dalam persoalan ini. Taburan status perkahwinan ini di perincikan di dalam jadual 3.

**Jadual 3 : Taburan responden mengikut status perkahwinan**

| Status perkahwinan | Responden  | %          |
|--------------------|------------|------------|
| Bujang             | 60         | 19.9       |
| Berkahwin          | 240        | 79.7       |
| Tidak menjawab     | 1          | 0.4        |
| <b>Jumlah</b>      | <b>301</b> | <b>100</b> |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Jadual 4 berikutnya di bawah memaklumkan berkaitan jumlah tanggungan responden. Dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai 70 responden iaitu 23.3% mempunyai tanggungan seorang sahaja. Manakala seramai 82 responden lagi iaitu 27.2% mempunyai tanggungan 3 orang. Terdapat juga di kalangan responden yang mempunyai tanggungan yang dikategorikan dalam jumlah yang ramai iaitu 5 orang anak seramai 54 responden, tetapi menunjukkan peratusan yang kecil iaitu 17.9% sahaja. Didapati juga seramai 36 responden dikenalpasti mempunyai 6 orang

tanggungan iaitu 10.3% dan lain-lain tanggungan seramai 36 orang responden iaitu 12%.

**Jadual 4: Taburan responden mengikut jumlah tanggungan**

| <b>Jumlah tanggungan</b> | <b>Responden</b> | <b>%</b>   |
|--------------------------|------------------|------------|
| Seorang                  | 70               | 23.3       |
| 3 orang                  | 82               | 27.2       |
| 5 orang                  | 54               | 17.9       |
| 6 orang ke atas          | 31               | 10.3       |
| Lain-lain                | 36               | 12.0       |
| Tidak menjawab           | 28               | 9.3        |
| <b>Jumlah</b>            | <b>301</b>       | <b>100</b> |

**Sumber : Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Berpandukan jadual 5 dibawah pula ialah mengenai bidang pekerjaan yang di ceburi oleh responden. Di dapati majoriti responden iaitu 63.8% bekerja dengan pihak kerajaan. Manakala 11% lagi terlibat dengan pekerjaan swasta. Seramai 9.2 % berniaga sendiri. Adapun yang terlibat dalam sektor pertanian hanya 5% sahaja dan lain-lain pekerjaan sebanyak 10.2%.

**Jadual 5 : Taburan bidang pekerjaan responden**

| <b>Pekerjaan</b> | <b>Responden</b> | <b>%</b>   |
|------------------|------------------|------------|
| Kerajaan         | 192              | 63.8       |
| Swasta           | 33               | 11.0       |
| Berniaga sendiri | 28               | 9.2        |
| Petani           | 15               | 5.0        |
| Lain-lain        | 31               | 10.2       |
| Tidak menjawab   | 2                | 0.8        |
| <b>Jumlah</b>    | <b>301</b>       | <b>100</b> |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Kajian seterusnya dijalankan bagi mendapat maklumat berkaitan hasil pendapatan bulanan responden. Hasil jawapan responden didapati bahawa 32 orang responden iaitu 10.6% berpendapatan paling minima iaitu bawah RM500 sebulan. Berikutnya 36 orang responden iaitu 12 % berpendapatan antara RM 501 hingga RM 1000 sebulan. Manakala 95 orang responden berpendapatan antara RM 1001 hingga RM 1500 yang mencapai peratusan yang paling tinggi iaitu 31.6%. Terdapat ramai juga diantara responden berpendapatan RM 1501 hingga RM 2000 yang berjumlah 55 orang iaitu sebanyak 18.3%. Manakala selebihnya seramai 72 orang responden iaitu 23.9% mencapai pendapatan RM 2001 ke atas sebulan melebihi paras yang cukup lumayan. Bagi menujukkan maklumat lengkap pendapatan responden boleh di lihat pada Jadual 6 dibawah:

**Jadual 6: Taburan responden mengikut pendapatan bulanan.**

| Pendapatan bulanan | Responden  | %          |
|--------------------|------------|------------|
| Di bawah RM 500    | 32         | 10.6       |
| RM 501 - RM 1000   | 36         | 12.0       |
| RM 1001 – RM 1500  | 95         | 31.6       |
| RM 1501 – RM 2000  | 55         | 18.3       |
| RM 2001 ke atas    | 72         | 23.9       |
| Tidak menjawab     | 11         | 3.6        |
| <b>Jumlah</b>      | <b>301</b> | <b>100</b> |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Taraf pendidikan responden di bahagikan kepada 5 bahagian iaitu sekolah rendah, sekolah menengah / vokasional, kolej atau maktab, Universiti dan tidak bersekolah. Dapatan menunjukkan bahawa responden yang berpendidikan sekolah rendah sahaja seramai 18 orang iaitu 6%. Manakala responden yang berkelulusan peringkat sekolah menengah / vokasional seramai 111 orang iaitu 36.9%.

Namun peratusan responden yang berkelulusan kolej atau maktab dan universiti hampir sama iaitu 26.5% bagi kelulusan kolej atau maktab dan 28.9% kelulusan universiti. Terdapat juga responden yang tidak bersekolah berjumlah 4 orang atau 1.3% sahaja. Jadual 7 menunjukkan taraf pendidikan responden secara lengkap.

#### **Jadual 7 : Taburan taraf pendidikan responden**

| <b>Taraf pendidikan</b>       | <b>Responden</b> | <b>%</b>   |
|-------------------------------|------------------|------------|
| Sekolah rendah                | 18               | 6.0        |
| Sekolah menengah / vokasional | 111              | 36.9       |
| Kolej / Maktab                | 80               | 26.5       |
| Universiti                    | 87               | 28.9       |
| Tidak bersekolah              | 4                | 1.3        |
| Tidak menjawab                | 1                | 0.4        |
| <b>Jumlah</b>                 | <b>301</b>       | <b>100</b> |

**Sumber: Borang soal selidik ( kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu ).**

Aliran pendidikan juga merupakan diantara faktor penting yang cukup memberi kesan di dalam tajuk kajian. Maka dapatan kajian menunjukkan Jumlah responden yang mendapat didikan aliran sekolah biasa (bukan aliran ugama) seramai 249 orang iaitu 82.7%. Manakala aliran sekolah agama seramai 42 orang iaitu 14% dan aliran pondok 6 orang iaitu 2%. Ternyata terdapat jurang peratusan yang cukup jauh diantara aliran sekolah biasa dengan aliran agama. Ini berkemungkinan kesan daripada taraf pendidikan responden yang berkelulusan pendidikan sekolah menengah / vokasional begitu ramai seperti yang terdapat di dalam jadual 7. Jadual 8 dibawah menunjukkan secara terperinci taburan aliran pendidikan responden.

**Jadual 8 : Taburan aliran pendidikan responden**

| <b>Aliran pendidikan</b> | <b>Responden</b> | <b>%</b>   |
|--------------------------|------------------|------------|
| Sekolah biasa            | 249              | 82.7       |
| Sekolah agama            | 42               | 14.0       |
| Pondok                   | 6                | 2.0        |
| Tidak menjawab           | 4                | 1.3        |
| <b>Jumlah</b>            | <b>301</b>       | <b>100</b> |

**Sumber : Borang soal selidik ( kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu ).**

## **Bahagian B :**

### **Kefahaman Responden Terhadap Ibadah Umrah Dan sedekah**

Bagi menilai dan mengukur kefahaman serta pandangan responden terhadap tajuk kajian, pengkaji mengemukakan 22 item di dalam borang kaji selidik yang merangkumi 3 bahagian utama iaitu:


- 1 - Kefahaman terhadap ibadah umrah
- 2 - Kefahaman terhadap ibadah sedekah
- 3 - Pandangan terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali atau bersedekah

#### **1.0 . Kefahaman Terhadap Ibadah Umrah**

Untuk mengukur sejauh mana kefahaman responden terhadap ibadah umrah, 9 soalan telah dikemukakan. Tiga soalan pertama merangkumi semua responden sama ada pernah mengerjakan umrah atau tidak. Manakala 6 soalan lagi masing-masing 3 soalan di tujukan kepada responden yang pernah mengerjakan umrah dan 3 soalan lagi kepada yang belum pernah mengerjakan umrah.

Berikut adalah rajah taburan bilangan dan peratusan responden yang memahami terhadap ibadah umrah berpandukan item-item yang di kemukakan.

**Rajah 1.1: Kefahaman apa itu umrah.**




**Sumber:** Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).

Berdasarkan rajah 1.1, item 1 ini diajukan dengan tujuan ingin melihat sejauhmanakah maklumat yang diperolehi oleh responden mengenai ibadah umrah. Dapatkan yang diterima daripada responden menunjukkan bahawa 219 orang iaitu 72.8% hanya mengetahui sedikit sahaja maklumat tentang umrah. Manakala 80 orang responden iaitu 26.6% mengetahui dengan jelas mengenai umrah. Hanya 2 orang atau 0.7% sahaja yang tidak mengetahui langsung mengenai umrah.

Hal ini jelas bahawa sejumlah besar masyarakat Islam mempunyai maklumat mengenai umrah walaupun ditahap yang sederhana. Namun masih terdapat segelintir masyarakat Islam dimasa kini amat kurang mengambil perhatian dan mendalami ilmu berkaitan dengan ibadah umrah walaupun ianya merupakan ibadah yang sering dibincang dan di siarkan oleh media masa.

**Rajah 1.2: Sumber pengetahuan tentang umrah**




**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Rajah 1.2 merupakan analisis item 2 yang di kemukakan bagi mendapat maklumat mengenai sumber pengetahuan yang paling banyak yang diperolehi oleh responden tentang umrah. Didapati 134 orang responden memperolehi pengetahuan umrah melalui belajar di sekolah iaitu mencapai 44.5%. Manakala yang mempelajarinya melalui masjid dan surau seramai 94 orang iaitu 31.2%. Melalui pembacaan kitab secara sendirian juga terdapat seramai 27 orang iaitu 9%. Seterusnya seramai 39 orang responden mendapat maklumat melalui kawan atau saudara iaitu 13% dan lain-lain sumber sebanyak 5 orang iaitu 1.7%. Terdapat 2 orang responden yang tidak menjawab iaitu 0.7%.

Kesimpulan daripada analisis di atas menggambarkan hampir 50% daripada responden mendapat maklumat mengenai umrah melalui institusi pendidikan secara formal dan bakinya lagi dari pelbagai sumber yang secara tidak formal. Ini adalah hasil

daripada taburan taraf pendidikan responden yang begitu ramai jika dibandingkan dengan tidak bersekolah iaitu 1.3% seperti yang terdapat di jadual 7. Secara tidak langsung pendedahan mengenai umrah di ketahui ramai melalui pusat-pusat pengajian tersebut.

**Rajah 1.3: Pelaksanaan umrah**




**Sumber:** Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).

Hasil dapatan daripada item 3, rajah 1.3 menunjukkan bahawa 64 orang responden iaitu 21.3% pernah mengerjakan ibadah umrah dengan jawapan "Ya". Manakala sebahagian besar dari responden seramai 236 orang iaitu 78.4% belum pernah mengerjakan umrah dengan jawapan "Tidak". Sementara seorang lagi tidak menjawab iaitu 0.3%.

Didapati dalam analisis ini lebih daripada separuh jumlah responden belum pernah mengerjakan umrah. Walau bagaimanapun keputusan tersebut tidak menjadi masalah kepada penulis bagi mendapatkan maklumat kefahaman responden terhadap tajuk kajian kerana ukuran kefahaman boleh dihasilkan sama ada bagi mereka yang belum atau pernah mengerjakan umrah.

Item yang ke 4, 5 dan 8 seperti yang terdapat di dalam borang soal selidik dikemukakan bagi mereka yang belum pernah mengerjakan ibadah umrah. Dapatan yang diterima dijelaskan pada rajah 1.4, 1.5 dan 1.6 seperti berikut:

**Rajah 1.4: Sebab-sebab tidak mengerjakan umrah**




**Sumber : Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Berdasarkan rajah 1.4 dari item 4 menggambarkan keupayaan responden yang menjadi faktor terbesar kepada sebab tidak mengerjakan umrah. Di dapati 173 orang responden iaitu 73.3 % disebabkan ketiadaan wang yang cukup bagi menunaikan umrah. Terdapat juga mereka yang berkemampuan dari sudut kos perbelanjaan tetapi faktor kesibukan dengan kerja sebagai penghalang dari mengerjakan umrah iaitu seramai 14 orang iaitu 5.9%. Manakala alasan atau sebab belum belajar tentang umrah terdapat 22 orang iaitu 9.3%. Masih terdapat mereka yang tiada apa-apa alasan tetapi tidak mengerjakan umrah seramai 17 orang iaitu 7.2% dan lain-lain sebab sebanyak 6 orang iaitu 2.5%. Masih terdapat juga responden yang tidak menjawab di dalam item ini iaitu seramai 4 orang atau 1.7%.

Rumusan analisis rajah 1.4 di atas menunjukkan bahawa faktor utama masyarakat Islam di daerah Kubang Pasu tidak dapat mengerjakan umrah ialah kekurang wang yang cukup sebagai kos perbelanjaan untuk mengerjakan umrah. Manakala mereka yang memberi alasan yang dianggap remeh seperti alasan kesibukan, belum belajar dan tiada alasan perlu diberi pemahaman sebenar dan ditingkatkan pendedahan tututan serta keutamaan yang dianjurkan di dalam syariat Islam.

**Rajah 1.5: Niat untuk mengerjakan umrah pada suatu masa nanti.**




**Sumber:** Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).

Berdasarkan rajah 1.5 melalui item 5 dapatan yang diperolehi bahawa 217 responden iaitu 91.9% mempunyai niat dan keazaman untuk menunaikan umrah pada masa yang akan datang. Manakala ada sebilangan yang kecil seramai 10 orang iaitu 4.2% tiada apa-apa niat dan keazaman untuk mengerjakan umrah pada suatu masa nanti. Sementara 9 orang lagi iaitu 3.8% tidak memberi apa-apa jawapan.

Kesimpulannya didapati semangat dan keazaman bagi melaksanakan tuntuan Islam tersebut yang tersirat disanubari masyarakat Islam Kubang Pasu amat memberangsangkan dan perlu diusahakan agar cita-cita tersebut terlaksana. Namun kita kesali di atas segelintir peratusan yang kecil iaitu 4.2% yang tiada niat dan cita-cita untuk mengerjakan disuatu masa nanti. Penyakit sebegini perlu ditangani segera agar tidak menular dikalangan masyarakat Islam.

**Rajah 1.6: Pandangan responden yang belum pernah mengerjakan umrah mengenai hukum mengulangi ibadah umrah.**



**Sumber:** Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).


Rajah 1.6 adalah hasil analisis item 8 bagi mendapatkan pandangan responden yang belum pernah menunaikan umrah mengenai hukum mengulangi ibadah umrah. Dapatkan kajian yang diterima menunjukkan bahawa 13 orang responden iaitu 5.5% berpandangan mengulangi umrah merupakan suatu kewajipan.

Manakala 150 orang iaitu 63.6% berpendapat sunat sahaja mengulangi ibadah umrah. Terdapat seramai 41 orang iaitu 17.4% pula menyatakan harus mengulanginya . Sementara yang berpendapat makruh hukumnya seramai 4 orang iaitu 1.7% dan seorang lagi iaitu 0.4% menyatakan lain-lain. Masih terdapat ramai responden yang tidak menjawab persoalan ini iaitu seramai 27 orang atau 11.4%.

Kesimpulannya bilangan dan peratusan tinggi terhadap pandangan responden mengenai hukum mengulangi ibadah umrah ialah hukumnya sunat. Ini membuktikan bahawa sebahagian besar masyarakat Islam di daerah Kubang Pasu dapat memahami hukum mengenai mengulangi ibadah umrah yang sebenar seperti yang dijelaskan oleh syara' dan dapat diklasifikasikan pada tahap kefahaman yang tinggi seperti yang digariskan pada jadual 4.1. Namun tidak dinafikan masih terdapat juga mereka yang kurang memahami tentang permasalahan tersebut yang perlu di perbaiki dari semasa ke semasa.

Seterusnya Item 6, 7 dan 8 diajukan kepada responden yang pernah mengerjakan ibadah umrah. Dapatkan menjelaskan secara terperinci di rajah 1.7, 1.8 dan 1.9 seperti berikut:

**Rajah 1.7: Kekerapan menunaikan ibadah umrah.**




**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Item 6 yang diajukan kepada responden seperti yang ditunjukkan pada rajah 1.7 di atas mendapati 31 orang iaitu 48.4% pernah menunaikan ibadah sebanyak sekali. Manakala 18 orang iaitu 28.1% sebanyak 2 kali dan yang mengulangi sebanyak 3 kali keatas seramai 15 orang iaitu 23.4%.

Kesimpulannya, secara umum didapati ramai dari kalangan masyarakat Islam yang berkemampuan yang pernah mengerjakan umrah telah mengulangi ibadah tersebut buat kesekian kalinya. Jika kefahaman *fiqh al-awlawiyyāt* di terap dan di fahami oleh ummat Islam, maka masalah dan kesulitan yang dihadapi ramai dikalangan mereka yang tidak mencukupi kos perbelanjaan yang belum pernah mengerjakan umrah seperti di rajah 1.4 sebanyak 74.6% dapat di kurangkan.

#### **Rajah 1.8 : Sebab responden mengulangi ibadah umrah.**




**Sumber:** Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).

Rajah 1.8 di atas berpandukan Item 7. Penulis ingin mendapatkan faktor atau sebab berlakunya pengulangan terhadap ibadah umrah. Dapatan kajian membuktikan bahawa 31 orang responden iaitu 48.4% mengulangi umrah disebabkan ingin merebutkan ganjaran yang dijanjikan oleh Allah S.W.T. dan Rasulnya. Berbeza dengan 5 orang responden lagi iaitu 7.8% beralasan beribadah sambil menambahkan rezeki.

Manakala 10 orang responden iaitu 15.6% di atas faktor keinginan mengulangi ibadah umrah sambil melancong secara berjemaah dan 7 orang iaitu 10.9% bertujuan ingin menggunakan wang ringgit untuk tujuan ibadah. Sementara bakinya seramai 11 orang iaitu 17.2% lagi tidak memberi sebarang jawapan.

Berpaksikan di atas sebab ingin mendapatkan ganjaran yang dijanjikan, kajian mendapati ramai dikalangan responden berminat untuk mengulangi ibadah umrah seperti yang dijelaskan pada rajah 1.7. Hal ini juga menunjukkan majoriti responden memahami umrah dengan baik dengan memilih sebab yang betul seperti yang dikehendaki oleh syara'.

**Rajah 1.9: Pandangan responden yang pernah mengerjakan umrah mengenai hukum mengulangi ibadah umrah.**



**Sumber:** Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).

Rajah 1.9 merupakan analisis pandangan ke atas responden yang pernah mengerjakan umrah. Dapatan kajian yang diterima menunjukkan bahawa seorang iaitu 1.6% berpandangan mengulangi umrah merupakan wajib. Manakala 58 orang iaitu 90.6% berpendapat sunat sahaja mengulangi ibadah umrah dan seramai 5 orang iaitu 7.8% pula menyatakan harus mengulanginya. Sementara hukum makruh dan lain-lainnya tiada pandangan yang dikemukakan oleh responden.

Dalam hal ini, didapati bahawa pemahaman mereka yang pernah menunaikan ibadah umrah mengenai item 8 ini lebih tinggi jika dibandingkan dengan responden yang belum pernah menunaikan umrah seperti yang terdapat pada rajah 1.6 dan berada

ditahap kefahaman yang tinggi berdasarkan panduan yang digariskan pada jadual 4.1. Perbezaan ini berlaku berkemungkinan di atas faktor penguasaan maklumat mengenai umrah yang mendalam dan lebih luas kepada responden yang pernah mengerjakannya seperti di tempat kursus haji dan umrah, masjid dan kelas-kelas pengajian.

## **2.0: Kefahaman Terhadap Ibadah Sedekah**

Analisis kefahaman terhadap ibadah sedekah berdasarkan kepada 13 item yang dikemukakan kepada responden melalui borang kajiselidik. Dapatan kajian adalah seperti berikut:

**Jadual 2.1: Kefahaman responden terhadap pemilik sebenar harta.**

| <b>Item 1</b>   | <b>Bilangan Responden</b> | <b>Peratusan %</b> |
|---|---------------------------|--------------------|
| Allah   | 86                        | 28.6               |
| Manusia   | 3                         | 1.0                |
| Allah pemilik hakiki & manusia pemilik sementara (majazi) | 212                       | 70.4               |
| <b>Jumlah</b>   | <b>301</b>                | <b>100.0</b>       |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Jadual 2.1 di atas adalah merupakan item 1 diajukan kepada responden bagi tujuan menilai kefahamannya terhadap pemilik harta sebenar. Ini kerana harta adalah menjadi bahan utama di dalam ibadah sedekah dan sudah menjadi lumrah yang tergambar di pemikiran kebanyakan manusia. Dapatan menunjukkan bahawa responden yang mengatakan bahawa Allah pemilik harta sebenar ialah 86 orang iaitu 28.6%. Manakala 1% Iaitu 3 orang berpendapat bahawa harta merupakan hak milik manusia

dan selebihnya seramai 212 orang iaitu 70.4% berpandangan bahawa Allah pemilik hakiki dan manusia pemilik sementara.

Hal ini membuktikan bahawa 2 / 3 dikalangan responden mempunyai pemahaman yang amat tepat dan berada ditahap yang tinggi berdasarkan jadual pengelasan kefahaman pada jadual 4.1 dalam menilai pemilik harta sebenar dan menunjukkan peratusan yang memberangsangkan.

**Jadual 2.2: Kefahaman responden terhadap pandangan bahawa di dalam harta terdapat hak kepunyaan orang lain.**

| Item 2        | Bilangan Responden | Peratusan %  |
|---------------|--------------------|--------------|
| Setuju        | 233                | 77.4         |
| Tidak setuju  | 23                 | 7.6          |
| Kurang pasti  | 45                 | 15           |
| <b>Jumlah</b> | <b>301</b>         | <b>100.0</b> |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di Daerah Kubang Pasu).**

Item ke 2 ini dikemukakan kepada responden bagi mendapat pandangan bahawa di dalam harta terdapat hak kepunyaan orang lain. Dapatan yang diterima menunjukkan bahawa 233 orang responden iaitu 77.4% bersetuju dengan pandangan tersebut. Manakala 23 orang iaitu 7.6% tidak bersetuju dan 45 orang iaitu 15% lagi memberi jawapan kurang pasti. Jadual 2.2 di atas menunjukkan secara terperinci pandangan tersebut.

Hasil kajian ini menunjukkan tahap kefahaman terhadap tututan harta yang dimiliki adalah tinggi dengan majoriti responden dapat memberi jawapan yang tepat

dengan bersetuju di atas pandangan bahawa di dalam harta terdapat hak kepunyaan orang lain.

Item 3 ingin mendapatkan persetujuan responden mengenai kepelbagaian taraf kehidupan dalam masyarakat Islam. Dapatan dari soal selidik ini juga didapati 290 orang responden iaitu 96.3% bersetuju. Berikutnya 10 orang responden iaitu 3.3% berpendapat tidak bersetuju dan seorang responden lagi iaitu 0.3% tidak menjawab. Dapatan secara terperinci dijelaskan pada jadual 2.3 seperti berikut:

**Jadual : 2.3: Persetujuan kepelbagaian taraf kehidupan dalam masyarakat Islam .**

| Item 3         | Bilangan Responden | Peratusan %  |
|----------------|--------------------|--------------|
| Setuju         | 290                | 96.3         |
| Tidak setuju   | 10                 | 3.3          |
| Tidak menjawab | 1                  | 0.3          |
| <b>Jumlah</b>  | <b>301</b>         | <b>100.0</b> |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di Daerah Kubang Pasu).**

Hal ini menunjukan rata-rata masyarakat Islam di daerah Kubang Pasu mempunyai taraf kehidupan yang berbeza diantara satu sama lain.

Item 4 ingin mendapatkan persetujuan bahawa selain kerajaan orang kaya juga bertanggungjawab mengatasi masalah kemiskinan. Dapatan dari soal selidik secara terperinci di jelaskan pada jadual 2.4.

**Jadual 2.4: Selain kerajaan orang kaya juga bertanggungjawab mengatasi masalah kemiskinan.**

| Item 4        | Bilangan Responden | Peratusan %  |
|---------------|--------------------|--------------|
| Setuju        | 300                | 99.7         |
| Tidak setuju  | 1                  | 0.3          |
| <b>Jumlah</b> | <b>301</b>         | <b>100.0</b> |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di Daerah Kubang Pasu).**

Jadual 2.4 menjelaskan dapatan soal selidik item 4. Di dapati seramai 300 orang responden memberi jawapan "setuju" iaitu 99.7%. Hanya seorang sahaja iaitu 0.3% berpendapat tidak setuju. Hal ini jelas bahawa hampir 100% responden memahami dan menyokong bahawa menangani masalah kemiskinan adalah tanggungjawab bersama bagi mereka yang berkemampuan. Ianya tidak dibebani di atas pihak kerajaan sahaja.

**Jadual 2.5: Kedudukan sedekah yang disalurkan.**

| Item 5                  | Bilangan Responden | Peratusan %  |
|-------------------------|--------------------|--------------|
| Secara ehsan            | 114                | 47.8         |
| Sebagai suatu kewajipan | 150                | 49.8         |
| Tidak menjawab          | 7                  | 2.3          |
| <b>Jumlah</b>           | <b>301</b>         | <b>100.0</b> |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Jadual 2.5 hasil soal selidik item 5. Dapatan kajian mendapati 144 orang responden menyalurkan sedekah secara ehsan iaitu 47.8%. Adapun 150 orang responden lagi menyalurkan sedekah dengan rasa sebagai suatu kewajipan iaitu sebanyak 49.8%. Sementara bakinya seramai 7 orang iaitu 2.3% tidak memberi apa-apa jawapan.

Hasil jawapan responden didapati bahawa perbezaan diantara dua kedudukan sedekah tersebut hanya 2% sahaja. Kesedaran perlu ditingkatkan agar mereka yang menyalurkan sedekah dengan cara ehsan merasai bahawa itu suatu kemestian dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan.

**Jadual 2.6: Pendapatan yang disalurkan bagi tujuan sedekah dalam sebulan.**

| Item 6                         | Bilangan Responden | Peratusan %  |
|--------------------------------|--------------------|--------------|
| 1% hingga 20%                  | 231                | 76.7         |
| 21% hingga 40%                 | 24                 | 8.0          |
| 41% hingga 60%                 | 5                  | 1.7          |
| 61% hingga ke atas             | 1                  | 0.3          |
| Tiada peruntukan untuk sedekah | 39                 | 13.0         |
| Tidak menjawab                 | 1                  | 0.3          |
| <b>Jumlah</b>                  | <b>301</b>         | <b>100.0</b> |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Jadual 2.6 menunjukkan perincian dapatan kaji selidik item 6 yang dinilai dari 5 peringkat. Jawapan yang diberikan menyatakan bahawa peringkat pertama 1% hingga 20% dari sumber pendapatan yang disalurkan untuk tujuan sedekah seramai 231 orang iaitu 76.7%. Seterusnya peringkat kedua 21% hingga 40% dari sumber pendapatan seramai 24 orang iaitu 8%.

Manakala peringkat ketiga 41% hingga 60% dari sumber pendapatan sebanyak 1.7% iaitu seramai 5 orang sahaja. Adapun peringkat yang paling tinggi 61% keatas dari sumber pendapatan hanya seorang sahaja iaitu 0.3%. Masih ramai juga diantara responden yang tiada peruntukan untuk sedekah merupakan peringkat yang kelima seramai 39 orang iaitu 13%. Sementara terdapat seorang responden iaitu 0.3% tidak memberi sebarang jawapan.

Kesimpulannya didapati sebahagian besar di kalangan masyarakat Islam di daerah Kubang Pasu tidak mengabaikan ibadah sedekah tanpa mengira jumlah pendapatan yang di perolehi dalam sebulan. Ini juga membuktikan bahawa masyarakat memahami dan menyedari mengenai tuntutan bersedekah serta kelebihannya seperti yang di anjurkan oleh Islam.

**Jadual 2.7: Cara perlaksanaan sedekah.**

| Item 7                    | Bilangan Responden | Peratusan %  |
|---------------------------|--------------------|--------------|
| Tetap                     | 61                 | 20.3         |
| Sementara (Sekali-sekala) | 237                | 78.7         |
| Tidak menjawab            | 3                  | 1.0          |
| <b>Jumlah</b>             | <b>301</b>         | <b>100.0</b> |

**Sumber:** Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).

Berdasarkan jadual 2.7 di atas, dapatan kajian berpandukan item 7 mendapati 61 orang responden iaitu 20.3% menyalurkan sedekah secara tetap. Manakala selebihnya 237 orang iaitu 78.7% melaksanakannya berbentuk sementara ( sekali – sekala ) dan 3 orang lagi iaitu 1% tidak menjawab.

Walaupun kajian menunjukkan jumlah bilangan yang melaksanakan sedekah berbentuk sementara begitu tinggi hampir 80%, namun ianya tidak bertentangan dengan peratusan pendapatan bulan yang di simpan untuk tujuan sedekah seperti yang terdapat pada jadual 2.6 kerana wang yang terkumpul tidak semestinya di sumbangkan secara bulanan (berbentuk tetap) bahkan bergantung kepada keadaan dan waktu (berbentuk sementara) yang bersesuaian menurut penyumbang.

**Jadual 2.8: Persamaan pahala sedekah dengan ibadah umrah**

| Item 8         | Bilangan Responden | Peratusan %  |
|----------------|--------------------|--------------|
| Setuju         | 192                | 63.8         |
| Tidak setuju   | 100                | 33.2         |
| Tidak menjawab | 9                  | 3            |
| <b>Jumlah</b>  | <b>301</b>         | <b>100.0</b> |

**Sumber:** Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).

Berdasarkan item 8 pada jadual 2.8 di atas adalah bertujuan mengetahui taburan bilangan dan peratusan responden terhadap persetujuan bahawa wang diperuntukkan untuk kerja umrah jika disedekahkan sama pahalanya dengan ibadah umrah. Dapatkan menunjukkan bahawa 192 orang daripada responden iaitu 63.8% bersetuju di atas persamaan pahala wang yang di sedekahkan dengan ibadah umrah. Manakala 100 orang lagi iaitu 33.2% tidak bersetuju. Sementara selebihnya 9 orang iaitu 3% lagi tidak menjawab.

Apa yang dapat disimpulkan di sini, majoriti responden bersetuju bahawa wang yang di peruntukan untuk kerja umrah sunat jika disedekahkan sama pahalanya dengan ibadah umrah serta menunjukkan kefahaman responden berada ditahap yang tinggi. Pada hemat penulis kefahaman yang memuaskan ini adalah kerana penghayatan yang tinggi bagi responden dari sudut keperluan dan kemaslahatan sedekah yang lebih besar manfaatnya jika dibandingkan dengan ibadah umrah sunat.

**Jadual 2.9 : Erti *sabīl Allāh***

| <b>Item 9</b>  | <b>Bilangan Responden</b> | <b>Peratusan %</b> |
|--|---------------------------|--------------------|
| Perang menegakkan agama  | 96                        | 31.9               |
| Meliputi semua kerja kebajikan dengan niat mendapat keredaan Allah | 201                       | 66.8               |
| Tidak menjawab   | 4                         | 1.3                |
| <b>Jumlah</b>  | <b>301</b>                | <b>100.0</b>       |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Di dalam Jadual 2.9 adalah dapatan kajian terperinci terhadap item 9. Didapati seramai 96 orang iaitu 31.9% memilih perang menegakkan agama merupakan erti *sabīl Allāh*. Manakala 201 orang lagi iaitu 66.8% menyatakan erti *sabīl Allāh* ialah meliputi

semua kerja-kerja kebajikan dengan niat semata-mata mendapat keredaan Allah. Sementara bakinya 4 orang iaitu 1.3% tidak menjawab.

Kesimpulannya dari jadual di atas menggambarkan sebahagian besar daripada masyarakat Islam di daerah Kubang Pasu memahami takrif *sabīl Allāh* dengan makna yang lebih luas tidak menfokuskan kepada berperang pada jalan Allah sahaja. Dengan pemahaman demikian lebih membantu kepada pihak atau badan tertentu yang memerlukan bantuan menerusi sumbangan sedekah atau *infāq* dengan lebih banyak.

**Jadual 2.10: Sumber pendapatan tabung kebajikan.**

| Item 10        | Bilangan Responden | Peratusan %  |
|----------------|--------------------|--------------|
| Setuju         | 282                | 93.7         |
| Tidak setuju   | 16                 | 5.3          |
| Tidak menjawab | 3                  | 1.0          |
| <b>Jumlah</b>  | <b>301</b>         | <b>100.0</b> |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Item 10 diajukan kepada responden bagi mendapatkan persetujuan bahawa sumber pendapatan tabung kebajikan boleh diperolehi melalui zakat, sedekah, nazar dan sumbangan-sumbangan lain. Dapatan seperti yang tertera di jadual 2.10 secara terperinci menyatakan bahawa 282 responden iaitu 93.7% bersetuju dengan sumber tersebut berbanding dengan 16 orang lagi iaitu 5.3% tidak bersetuju. Manakala selebihnya 3 orang lagi iaitu 1% tidak memberi sebarang jawapan.

**Jadual 2.11: Persetujuan terdapat kewajipan utama lain selain daripada mengerjakan umrah berulang kali.**

| Item 11       | Bilangan Responden | Peratusan %  |
|---------------|--------------------|--------------|
| Setuju        | 287                | 95.3         |
| Tidak setuju  | 14                 | 4.7          |
| <b>Jumlah</b> | <b>301</b>         | <b>100.0</b> |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Berdasarkan jadual 2.11 di atas adalah perincian maklumat persetujuan responden tentang terdapat kewajipan lain selain daripada mengerjakan umrah berulangkali seperti yang terdapat pada item 11. Jadual menunjukkan responden yang bersetuju terdapat kewajipan lain seramai 287 iaitu 95.3%. Manakala sebilangan kecilnya iaitu 4.7% seramai 14 orang tidak bersetuju dengan pendapat tersebut.

Dapatan ini secara keseluruhannya menunjukkan bahawa hampir keseluruhan responden bersetuju bahawa terdapat kewajipan lain selain daripada umrah berulang kali. Dengan pandangan yang betul ini turut membuktikan kefahaman mereka berkaitaan dengan sedekah.

Bagi mengetahui faktor-faktor yang mendorong terhadap responden yang setuju bahawa selain daripada mengulangi ibadah terdapat kewajipan-kewajipan utama yang lain terhadap masyarakat, maka item 12 disusuli untuk mendapatkan sebab-sebab tersebut. Dapatan secara terperinci dijelaskan pada Jadual 2.1.

**Jadual 2.12: Sebab-sebab persetujuan**

| Item 12   | Bilangan Responden | Peratusan %  |
|---|--------------------|--------------|
| Terdapat banyak ayat Al-Quran dan hadith yang menganjurkannya       | 129                | 42.9         |
| Di dalam melaksanakan hak-hak Allah terdapat di sana hak masyarakat | 76                 | 25.2         |
| Ianya sebagai salah satu cabang jihad di jalan Allah                | 68                 | 22.6         |
| Tidak menjawab  | 28                 | 9.3          |
| <b>Jumlah</b>   | <b>301</b>         | <b>100.0</b> |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di Daerah Kubang Pasu).**

Hasil kajian mendapati bahawa 129 daripada responden iaitu 42.9% bersetuju di atas sebab terdapat banyak ayat al-Qur'an dan hadith yang menganjurkannya. Manakala dengan alasan di dalam melaksanakan hak-hak Allah terdapat di sana hak masyarakat adalah seramai 76 orang iaitu 25.2%. Adapun selebihnya seramai 68 orang lagi iaitu 22.6% memilih sebab ianya sebagai salah satu cabang jihad di jalan Allah.

Masih terdapat ramai juga responden tidak menjawab di dalam persoalan ini iaitu seramai 28 orang atau 9.3%. Data ini juga menunjukkan hampir 50% responden memberi sebab persetujuan yang betul serta dikelaskan pada tahap kefahaman yang sederhana seperti yang dijelaskan pada jadual 4.1.

**Jadual 2.13 : Perkara yang menjadi keutamaan bagi memenuhi tujuan sedekah.**

| Item 13   | Bilangan Responden | Peratusan % |
|---|--------------------|-------------|
| Memenuhi tuntutan agama                           | 198                | 65.8        |
| Tuntutan hidup bermasyarakat                      | 29                 | 9.6         |
| Meningkatkan taraf pendidikan sesebuah masyarakat | 18                 | 6.0         |
| Untuk meningkatkan ekonomi                        | 8                  | 2.7         |

|                |            |              |
|----------------|------------|--------------|
| Tidak menjawab | 48         | 15.9         |
| <b>Jumlah</b>  | <b>301</b> | <b>100.0</b> |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di Daerah Kubang Pasu).**

Jadual 2.13 merupakan perincian analisa terhadap item 13 bagi mendapatkan faktor utama responden bagi memenuhi tujuan sedekah. Dapatan menunjukkan bahawa 198 responden iaitu 65.8% beralasan ingin memenuhi tuntutan agama. 29 daripada mereka atau 9.6% pula berpandangan alasan ianya sebagai tuntutan hidup masyarakat sebagai suatu keutamaan. Manakala 18 orang iaitu 6% memilih faktor utama memenuhi tujuan sedekah ialah meningkatkan taraf pendidikan sebuah masyarakat. Berbeza dengan 8 orang lagi iaitu 2.7% menjadikan faktor utamanya ialah untuk meningkatkan ekonomi. Sementara yang selebihnya seramai 48 orang iaitu 15.9% tidak memberi sebarang jawapan.

Dapatan ini menggambarkan tahap kefahaman responden adalah ditahap yang tinggi, kerana majoriti responden iaitu 198 orang menjadikan faktor memenuhi tututan agama sebagai tujuan utama bersedekah yang semestinya telah merangkumi tujuan-tujuan yang lain yang merupakan cabang dari tututan agama.

### **3.0: Pandangan terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali atau bersedekah.**

Bagi menilai pandangan responden terhadap ibadah yang perlu di utamakan diantara mengulangi ibadah umrah atau bersedekah, maka penulis mengemukakan satu

soalan sahaja sebagai membuktikan kefahaman sebenar responden berkaitan tajuk kajian. Dapatan kajian secara terperinci dijelaskan pada jadual 3.1 dibawah.

**Jadual 3.1: Pandangan responden terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali atau bersedekah.**

| Item 1             | Bilangan Responden | Peratusan %  |
|--------------------|--------------------|--------------|
| Umrah berulangkali | 43                 | 14.3         |
| Bersedekah         | 254                | 84.4         |
| Tidak menjawab     | 4                  | 1.3          |
| <b>Jumlah</b>      | <b>301</b>         | <b>100.0</b> |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Jadual 3.1 menunjukkan bahawa pandangan responden berdasarkan dengan soalan yang diajukan amat memuaskan. Dapatan menunjukkan bahawa hanya 43 orang responden iaitu 14.3% sahaja memberi keutamaan kepada mengulangi umrah berulangkali. Manakala sebilangan besarnya seramai 254 responden atau 84.4% mengutamakan bersedekah. Sementara yang tidak menjawab seramai 4 orang iaitu 1.3%.

Kesimpulan dari kajian tersebut menunjukkan majoriti responden di daerah Kubang Pasu berpandangan bahawa bersedekah menjadi suatu ibadah yang lebih utama daripada mengerjakan ibadah umrah berulang kali. Ini bertepatan dengan tututan *fiqh al-awlawiyyāt* dan tuntutan semasa.

## **BAHAGIAN C:**

### **Hubungkait Faktor Latarbelakang Dengan Kefahaman Masyarakat Islam Terhadap Keutamaan Melaksanakan Umrah Berulang kali Berbanding Amalan Bersedekah.**

Bagi melihat dan mengetahui hubungan atau kaitan antara faktor latarbelakang dengan kefahaman responden mengenai tajuk kajian, analisis data seterusnya dilakukan secara jadual silang (*crosstabulation*). Maka diantara faktor yang dikenalpasti mempunyai hubungan dengan permasalahan kajian dan mempengaruhi kefahaman responden ialah taraf pendidikan dan aliran pendidikan. Diantara sebab dipilih dua faktor tersebut ialah :

- 1) Taraf pendidikan dan aliran pendidikan mempengaruhi kematangan responden di dalam memberi pandangan bersesuaian tajuk kajian.
- 2) Taraf pendidikan dan aliran pendidikan dianggap relevan untuk mengukur kefahaman.
- 3) Berdasarkan banyak kajian-kajian lepas yang dijalankan didapati turut menggunakan dua faktor tersebut bagi tujuan menilai kefahaman.

Analisa kajian akan memfokuskan kepada dua faktor tersebut bagi menghasilkan bukti dengan terperinci terhadap kefahaman responden dengan permasalahan kajian dengan melibatkan tiga bahagian berikut :

- i ) Kefahaman responden terhadap ibadah umrah.
- ii ) Kefahaman responden terhadap ibadah sedekah.
- iii) Mengenalpasti pandangan responden terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali atau bersedekah.

**Bahagian i: Hubungkait Kefahaman Responden Terhadap Ibadah Umrah Dengan Taraf Pendidikan Dan Aliran Pendidikan**

**1.0. Taraf pendidikan**

**Jadual 1.0.1: Hubungan pengetahuan responden terhadap ibadah umrah dengan taraf pendidikan.**

| Taraf pendidikan         | Tahu sedikit sahaja (%) | Tahu betul (%) | Tidak mengetahui langsung (%) | Jumlah (%)   |
|--------------------------|-------------------------|----------------|-------------------------------|--------------|
| Sek. Rendah              | 16<br>(88.9)            | 2<br>(11.1)    | 0<br>(0)                      | 18<br>(100)  |
| Sek. Menengah/Vokasional | 80<br>(72.1)            | 31<br>(27.9)   | 0<br>(0)                      | 111<br>(100) |
| Kolej/Maktab             | 59<br>(73.8)            | 20<br>(25)     | 1<br>(1.3)                    | 80<br>(100)  |
| Universiti               | 60<br>(69)              | 27<br>(31)     | 0<br>(0)                      | 87<br>(100)  |
| Tidak bersekolah         | 3<br>(75)               | 0<br>(0)       | 1<br>(25)                     | 4<br>(100)   |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Jadual di atas menunjukkan bahawa sebahagian besar dari jumlah responden mempunyai latarbelakang berpendidikan samaada dari peringkat Sekolah Rendah, Menengah / Vokasional, Kolej / Maktab dan Universiti berbanding dengan responden yang tidak bersekolah langsung hanya 1.3% seperti dalam jadual 7 (latar belakang responden).

Jadual juga menunjukkan bahawa hampir keseluruhan responden mempunyai maklumat mengenai ibadah umrah. Dapatan menunjukkan bahawa 88.9% responden yang berpendidikan Sekolah Rendah mengetahui sedikit sahaja mengenai umrah berbanding dengan 11.1% yang mengetahui betul mengenainya dan tiada responden

yang dari kalangan ini yang tidak mengetahui langsung tentang umrah . Sementara dari taraf pendidikan Sekolah Menengah / Vokasional pula, dapatkan menunjukkan bahawa 72.1% mengetahui sedikit sahaja dan yang mengetahui betul sebanyak 27.9% dan tiada responden dari kalangan ini yang tidak mengetahui langsung mengenai umrah.

Manakala di peringkat Kolej / Maktab sebanyak 73.8% mengetahui sedikit sahaja berbanding dengan 31% mengetahui betul mengenai umrah dan terdapat 1.3% yang tidak mengetahui langsung mengenai umrah. Di peringkat Universiti pula, 69% dari responden mempunyai maklumat sedikit sahaja dan hanya 31% yang mengetahui betul mengenai umrah dan tiada responden yang tidak mengetahui langsung mengenainya. Bagi responden yang tidak bersekolah pula, 75% mempunyai pengetahuan sedikit sahaja mengenai umrah dan tiada responden yang mengetahui betul mengenainya. Sementara responden yang tidak mengetahui langsung mengenai umrah sebanyak 25%.

Kesimpulan dari jadual di atas jelaslah bahawa latar belakang taraf pendidikan semua responden tidak banyak menunjukkan perbezaan tentang pengetahuan mengenai umrah. Disamping itu juga, menunjukkan sebahagian besar responden dari semua taraf pendidikan mempunyai kefahaman yang sedikit sahaja mengenai umrah. Bagi responden yang tidak bersekolah pula, walaupun tanpa mendapat pendidikan yang formal melalui institusi dan pusat pengajian bersistematik, akan tetapi dengan peratusan yang ditunjukkan jelas membuktikan bahawa mereka tidak mengabaikan diri bagi mendapatkan pengetahuan mengenai ibadah umrah melalui sumber-sumber yang lain.

**Jadual 1.0.2: Hubungan sumber maklumat mengenai umrah dengan taraf pendidikan.**

| Taraf pendidikan         | Belajar dari sekolah (%) | Belajar di masjid/surau (%) | Membaca kitab-kitab secara sendiri (%) | Maklumat dari kawan atau saudara | Lain-lain (%) | Jumlah (%)   |
|--------------------------|--------------------------|-----------------------------|--|----------------------------------|---------------|--------------|
| Sek. Rendah              | 3<br>(16.7)              | 13<br>(72.2)                | 0<br>(0)                               | 2<br>(11.1)                      | 0<br>(0)      | 18<br>(100)  |
| Sek. Menengah/Vokasional | 43<br>(39.1)             | 39<br>(35.5)                | 7<br>(6.4)                             | 19<br>(17.3)                     | 2<br>(1.8)    | 110<br>(100) |
| Kolej/Maktab             | 34<br>(42.5)             | 25<br>(31.3)                | 11<br>(13.8)                           | 8<br>(10)                        | 2<br>(2.5)    | 80<br>(100)  |
| Universiti               | 52<br>(59.8)             | 17<br>(19.5)                | 9<br>(10.3)                            | 8<br>(9.2)                       | 1<br>(1.1)    | 87<br>(100)  |
| Tidak bersekolah         | 1<br>(33.3)              | 0<br>(0)                    | 0<br>(0)                               | 2<br>(66.7)                      | 0<br>(0)      | 3<br>(100)   |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Jadual 2 di atas menjelaskan mengenai sumber maklumat mengenai umrah yang di perolehi oleh responden. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa 16.7% dari responden yang berpendidikan Sekolah Rendah memperolehi maklumat umrah melalui belajar dari sekolah. Sebahagian yang lain iaitu 72.2% dengan cara belajar dimasjid / surau dan 11.1% lagi melalui maklumat dari kawan. Manakala yang berpendidikan Sekolah Menengah / Vokasional pula, 39.1% dari responden memperolehi banyak maklumat mengenai umrah melalui sekolah. Sedangkan 35.5% lagi dengan belajar di masjid / surau. Sedikit sahaja yang memperolehnya melalui dengan pembacaan sendiri iaitu 6.4%. Selebihnya lagi iaitu 17.3% dengan mendapat maklumat dari kawan dan 1.8% melalui lain-lain sumber.

Sementara responden dari taraf pendidikan Universiti sebahagian besar mereka iaitu 59.8% banyak belajar mengenai umrah di sekolah berbanding dengan 19.5% dengan belajar di masjid / surau, 10.3% dengan membaca kitab sendiri, 9.2% melalui

kawan-kawan dan 1.1% dari sumber-sumber lain. Bagi responden yang tidak bersekolah pula, 33.3% dari mereka banyak mempelajari umrah dari sekolah (melalui kursus, program agama dan kelas fardhu ain) dan 66.7% lagi hanya sekadar mendapat maklumat dari kawan-kawan.

Rumusan dari jadual di atas di dapati bahawa taraf pendidikan responden tidak banyak mempengaruhi responden dalam mendapatkan maklumat mengenai umrah dan kebanyakkan responden dari semua taraf pendidikan mendapat maklumat mengenai umrah melalui dua sumber iaitu sekolah dan masjid / surau kecuali responden yang tidak bersekolah sahaja yang kebanyakannya mereka mendapat maklumat melalui kawan atau saudara. Maka secara umumnya didapati bahawa rata-rata masyarakat Islam di daerah Kubang Pasu berusaha mempelajari ibadah umrah dengan memanfaatkan pelbagai sumber yang ada.

**Jadual 1.0.3: Hubungan perlaksanaan ibadah umrah dengan taraf pendidikan**

| Taraf pendidikan             | Ya (%)       | Tidak (%)    | Jumlah (%)   |
|------------------------------|--------------|--------------|--------------|
| Sek. Rendah                  | 5<br>(27.8)  | 13<br>(72.2) | 18<br>(100)  |
| Sek. Menengah/<br>Vokasional | 22<br>(19.8) | 89<br>(80.2) | 111<br>(100) |
| Kolej/Maktab                 | 17<br>(21.5) | 62<br>(78.5) | 79<br>(100)  |
| Universiti                   | 20<br>(23)   | 67<br>(77)   | 87<br>(100)  |
| Tidak bersekolah             | 0<br>(0)     | 4<br>(100)   | 4<br>(100)   |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Jadual 3 di atas menerangkan maklumat mengenai perlaksanaan responden terhadap ibadah umrah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 27.8% responden dari taraf pendidikan Sekolah Rendah pernah mengerjakan umrah dan 72.2% lagi belum

melaksanakannya. Manakala bagi tahap pendidikan Sekolah Menengah / Vokasional pula 19.8% pernah melaksanakan umrah dan sebahagian besarnya iaitu 80.2% belum pernah melaksanakannya. Sementara responden di peringkat Kolej / Maktab sejumlah kecilnya iaitu 21.5% pernah mengerjakan umrah dan selebihnya 78.5% belum pernah mengerjakannya. Di peringkat Universiti pula, tidak jauh perbezaannya dengan responden dari taraf pendidikan yang sebelumnya iaitu 23% pernah mengerjakannya berbanding dengan 77% yang belum pernah mengerjakannya. Berlainan pula bagi responden yang tidak bersekolah 100% memberi jawapan belum pernah mengerjakan umrah.

Kesimpulannya bahawa semua taraf pendidikan tidak mempengaruhi responden dalam perlaksanaan ibadah umrah. Ini di buktikan di dalam jadual di atas bahawa sebilangan kecil sahaja daripada responden samaada yang berpendidikan tinggi atau rendah pernah mengerjakan umrah iaitu tidak melebihi 30% manakala sebahagian besar jumlah responden juga dari semua taraf pendidikan belum lagi pernah mengerjakannya.

**Jadual 1.0.4: Hubungan kekerapan mengulangi ibadah umrah dengan taraf pendidikan.**

| Taraf pendidikan             | Sekali (%)   | Dua kali (%) | Tiga kali ke atas (%) | Jumlah (%)  |
|------------------------------|--------------|--------------|-----------------------|-------------|
| Sek. Rendah                  | 2<br>(40)    | 3<br>(60)    | 0<br>(0)              | 5<br>(100)  |
| Sek. Menengah/<br>Vokasional | 15<br>(68.2) | 6<br>(27.3)  | 1<br>(4.5)            | 22<br>(100) |
| Kolej/Maktab                 | 8<br>(47.1)  | 5<br>(29.4)  | 4<br>(23.5)           | 17<br>(100) |
| Universiti                   | 6<br>(30)    | 4<br>(20)    | 10<br>(50)            | 20<br>(100) |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Jadual 4 di atas menunjukkan kekerapan mengulangi ibadah umrah bagi responden yang pernah melaksanakannya. Hasil daripada analisa yang dilakukan mendapati bahawa 40% responden dari taraf pendidikan Sekolah Rendah pernah mengulangi sekali dan sebanyak 60% lagi mengulangi sebanyak dua kali. Manakala dari taraf pendidikan Sekolah Menengah / Vokasional pula, 68.2% pernah mengulangi sekali dan 27.3% mengulangi dua kali berbanding dengan mengulangi tiga kali ke atas iaitu 4.5% sahaja. Sementara di peringkat Kolej / Maktab hampir separuh dari responden iaitu 47.1% pernah mengulangi umrah sebanyak sekali, 29.4% lagi sebanyak dua kali dan di dapati peningkatan peratusan berlaku bagi yang mengulangi tiga kali ke atas iaitu sebanyak 23.5%. Manakala di peringkat Universiti pula, 30% daripada responden mengulangi sekali sahaja, 20% mengulangi dua kali dan 50% lagi iaitu separuh dari responden mengulangi ibadah umrah tiga kali ke atas. Bagi responden yang tidak bersekolah tiada apa-apa jawapan dalam permasalahan ini.

Dari analisis tersebut membuktikan bahawa taraf pendidikan tidak mempengaruhi responden dalam kekerapan mengulangi ibadah umrah kerana ramai di kalangan responden yang pernah mengerjakan ibadah umrah kembali mengulangi ibadah tersebut walaupun mempunyai latarbelakang taraf pendidikan yang berlainan. Namun didapati kekerapan pengulangan tersebut kebanyakkannya dilakukan bagi responden yang bertaraf pendidikan Universiti.

**Jadual 1.0.5: Hubungan sebab-sebab mengulangi ibadah umrah dengan taraf pendidikan**

| Taraf pendidikan            | Ingin dapatkan pelbagai ganjaran yang dinyatakan (%) | Beribadah di samping menambah rezeki (%) | Beribadah sambil melancong secara berkumpulan (%) | Ingin menggunakan wang ringit untuk tujuan ibadah (%) | Jumlah (%) |
|-----------------------------|--|--|---|---|------------|
| Sekolah Rendah              | 100  | 100                                      | 100   | 100   | 100        |
| Sekolah Menengah/Vokasional | 100  | 100                                      | 100   | 100   | 100        |
| Kolej/Maktab                | 100  | 100                                      | 100   | 100   | 100        |
| Universiti                  | 100  | 100                                      | 100   | 100   | 100        |
| Tidak Bersekolah            | 100  | 100                                      | 100   | 100   | 100        |

|                              |              |           |             |             |             |
|------------------------------|--------------|-----------|-------------|-------------|-------------|
| Sek. Rendah                  | 0<br>(0)     | 0<br>(0)  | 2<br>(66.7) | 1<br>(33.3) | 3<br>(100)  |
| Sek. Menengah/<br>Vokasional | 13<br>(65)   | 5<br>(25) | 1<br>(5)    | 1<br>(5)    | 20<br>(100) |
| Kolej/Maktab                 | 6<br>(46.2)  | 0<br>(0)  | 5<br>(38.5) | 2<br>(15.4) | 13<br>(100) |
| Universiti                   | 12<br>(70.6) | 0<br>(0)  | 2<br>(11.8) | 3<br>(17.6) | 17<br>(100) |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Berdasarkan jadual di atas, didapati dua perkara sahaja yang menjadi faktor utama kepada responden yang bertaraf pendidikan Sekolah Rendah iaitu didapati bahawa 66.7% daripadanya mengulangi ibadah umrah disebabkan ingin mendapatkan pelbagai ganjaran yang dinyatakan berbanding dengan 33.3% lagi beralasan ingin menggunakan wang ringgit untuk tujuan ibadah. Manakala bagi yang bertaraf pendidikan Sekolah Menengah / Vokasional pula, 65% bertujuan untuk mendapatkan berbagai ganjaran yang dinyatakan, 25% di sebabkan beribadah sambil menambah rezeki, 5% beribadah sambil melancong secara berkumpulan dan 5% lagi disebabkan ingin menggunakan wang untuk tujuan ibadah. Sementara di peringkat Kolej / Maktab sebilangan besarnya iaitu 46.2% adalah disebabkan ingin mendapatkan ganjaran yang di nyatakan, berbanding dengan 38.5% lagi memilih sebab beribadah sambil melancong dan sedikit sahaja dari responden iaitu 15.4% beralasan ingin menggunakan wang ringgit untuk tujuan ibadah.

Bagi responden yang bertaraf pendidikan Universiti sebab ingin mendapatkan ganjaran yang dinyatakan menjadi pilihan utama mereka sehingga mencapai 70.6%. Manakala selebihnya 20% disebabkan ingin beribadah sambil melancong secara berkumpulan dan 42.9% lagi bertujuan ingin menggunakan wang ringgit untuk tujuan ibadah.

Secara umumnya dapat dirumuskan bahawa sebab ingin mendapatkan ganjaran yang dinyatakan di dalam banyak hadith-hadith nabi menjadi faktor utama kebanyakan responden mengulangi ibadah umrah dan mendapat peratusan yang tinggi dari setiap taraf pendidikan responden. Jadual juga menunjukkan taraf pendidikan responden juga tidak memberi kesan kepada sebab pengulangan tersebut.

**Jadual 1.0.6: Hubungan pandangan tentang mengulangi ibadah umrah dengan taraf pendidikan.**

| Taraf pendidikan             | Kewajipan (%) | Sunat (%)    | Harus (%)   | Jumlah (%)  |
|------------------------------|---------------|--------------|-------------|-------------|
| Sek. Rendah                  | 0<br>(0)      | 5<br>(100)   | 0<br>(0)    | 5<br>(100)  |
| Sek. Menengah/<br>Vokasional | 1<br>(4.5)    | 18<br>(81.8) | 3<br>(13.6) | 22<br>(100) |
| Kolej/Maktab                 | 0<br>(0)      | 15<br>(88.2) | 2<br>(11.8) | 17<br>(100) |
| Universiti                   | 0<br>(0)      | 20<br>(100)  | 0<br>(0)    | 20<br>(100) |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Jadual di atas merupakan analisa pandangan responden tentang mengulangi ibadah umrah dan kaitannya dengan taraf pendidikan. Dapat menunjukkan bahawa 100% iaitu keseluruhan responden dari taraf pendidikan Sekolah Rendah berpendapat mengulangi ibadah umrah itu adalah sunat. Manakala di peringkat Sekolah Menengah / Vokasional pula, 4.5% mengatakan mengulangi umrah hukumnya wajib, 81.8% berpandangan sunat hukumnya dan 13.6% lagi berpendapat hukumnya harus sahaja . Sementara di peringkat Kolej / Maktab, 88.2% mengatakan hukumnya sunat dan hanya 11.8% sahaja mengatakan hukumnya harus. Adapun di peringkat Universiti keseluruhannya iaitu 100% berpandangan sunat sahaja mengulangi ibadah umrah.

Kesimpulannya didapati bahawa sebahagian besar responden dari segenap taraf pendidikan dapat memahami hukum yang tepat mengenai hukum mengulangi ibadah umrah serta bertepatan dengan pendapat kebanyakan ulama' berbanding dengan sebilangan kecil responden sahaja yang kurang memahami hakikat sebenar dalam hal tersebut. Ternyata juga taraf pendidikan responden merupakan suatu faktor yang menyumbang ke arah pendedahan dan penguasaan ilmu yang lebih luas jika dibandingkan dengan mereka yang tidak berpendidikan serta pendapat yang diberikan oleh responden yang berpendidikan juga melalui neraca ilmu bukan sekadar ikutan sahaja.

**Jadual 1.0.7: Hubungan sebab tidak mengerjakan umrah dengan taraf pendidikan**

| Taraf pendidikan          | Tiada wang yang cukup (%) | Terlalu sibuk dengan kerja (%) | Belum belajar tentang umrah (%) | Tiada apa-apa alasan (%) | Lain-lain (%) | Jumlah (%)  |
|---------------------------|---------------------------|--------------------------------|---------------------------------|--------------------------|---------------|-------------|
| Sek. Rendah               | 11<br>(84.6)              | 0<br>(0)                       | 2<br>(15.4)                     | 0<br>(0)                 | 0<br>(0)      | 13<br>(100) |
| Sek. Menengah/ Vokasional | 69<br>(79.3)              | 3<br>(3.4)                     | 8<br>(9.2)                      | 4<br>(4.6)               | 3<br>(3.4)    | 87<br>(100) |
| Kolej/Maktab              | 43<br>(70.5)              | 2<br>(3.3)                     | 8<br>(13.1)                     | 6<br>(9.8)               | 2<br>(3.3)    | 61<br>(100) |
| Universiti                | 46<br>(69.7)              | 9<br>(13.6)                    | 4<br>(6.1)                      | 6<br>(9.1)               | 1<br>(1.5)    | 66<br>(100) |
| Tidak bersekolah          | 3<br>(75)                 | 0<br>(0)                       | 0<br>(0)                        | 1<br>(25)                | 0<br>(0)      | 4<br>(100)  |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Jadual di atas menunjukkan analisis kaitan faktor responden tidak mengerjakan dengan taraf pendidikan. Dapatkan kajian mendapati bahawa 84.6% dari responden yang bertaraf pendidikan Sekolah Rendah tidak mengerjakan umrah disebabkan tiada wang yang secukupnya bagi tujuan tersebut dan 15.4% lagi disebabkan belum belajar tentang umrah . Manakala dari peringkat Sekolah Menengah / Vokasional pula, 79.3% beralasan

tiada wang secukupnya, berbeza dengan yang lainnya iaitu 3.4% di sebabkan terlalu sibuk dengan kerja, 9.2% belum belajar tentang umrah, 4.6% tiada apa- apa alasan dan 3.4% lain-lain.

Sementara responden di peringkat Kolej / Maktab, 70.5% dari mereka beralasan tiada wang yang mencukupi, 3.3% disebabkan terlalu sibuk dengan kerja, 13.1% belum belajar tentang umrah, 9.8% tiada apa- apa alasan dan 3.3% lagi dengan lain-lain faktor. Adapun responden dari taraf pendidikan universiti masalah tiada wang secukupnya juga menjadi faktor utama kepada 69.7% responden. Manakala selainnya 13.6% beralasan terlalu sibuk dengan kerja , 6.1% belum belajar tentang umrah, 9.1% tiada apa-apa alasan dan 1.5% lain-lain alasan. Bagi responden yang tidak bersekolah faktor yang terbesar bagi mereka ialah tiada wang secukupnya iaitu sejumlah 75% dan selebihnya 25% tiada apa-apa alasan yang menghalang mereka untuk mengerjakan ibadah umrah.

Ini menunjukkan bahawa hampir 85% responden bagi setiap taraf pendidikan menghadapi masalah kewangan yang tidak mencukupi bagi menunaikan ibadah umrah serta membuktikan bahawa masih terdapat sebahagian kecil dari responden yang berpendidikan samaada dari taraf pendidikan menengah, kolej dan universiti tidak memahami tuntutan ibadah tersebut dengan meninggalkannya tanpa apa-apa alasan. Perkara ini lebih serius lagi terutamanya bagi mereka yang tidak bersekolah sehingga 25% seperti terdapat pada jadual 7 tiada mempunyai apa-apa alasan atau sebab tidak mengerjakan ibadah umrah.

**Jadual 1.0.8: Hubungan niat responden untuk mengerjakan umrah pada suatu masa nanti dengan taraf pendidikan.**

| Taraf pendidikan | Ya (%)       | Tidak (%)  | Jumlah (%)  |
|------------------|--------------|------------|-------------|
| Sek. Rendah      | 12<br>(92.3) | 1<br>(7.7) | 13<br>(100) |

|                              |              |            |             |
|------------------------------|--------------|------------|-------------|
| Sek. Menengah/<br>Vokasional | 78<br>(94)   | 5<br>(6)   | 83<br>(100) |
| Kolej/Maktab                 | 58<br>(95.1) | 3<br>(4.9) | 61<br>(100) |
| Universiti                   | 65<br>(100)  | 0<br>(0)   | 65<br>(100) |
| Tidak bersekolah             | 3<br>(75)    | 1<br>(25)  | 4<br>(100)  |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Jadual di atas merupakan merupakan analisis hubungan niat responden yang berlum pernah mengerjakan umrah untuk mengerjakannya pada suatu masa nanti dengan taraf pendidikan. Dapatkan menyatakan bahawa responden yang bertaraf pendidikan Sekolah Rendah 92.3% mempunyai niat untuk mengerjakannya berbanding dengan 7.7% lagi tidak berniat untuk mengerjakannya. Manakala dari taraf pendidikan sekolah Menengah / Vokasional pula 94% berazam untuk mengerjakannya pada suatu masa nanti dan 6% lagi tidak berniat untuk mengerjakannya.

Sementara di peringkat kolej / Maktab terdapat peningkatan bagi mereka yang berniat untuk mengerjakannya iaitu 95.1% dan ada yang masih tidak berniat intuk mengerjakannya iaitu 4.9%. Bagi responden bertaraf pendidikan universiti keseluruhannya iaitu 100% berniat untuk mengerjakannya . Sementara responden yang tidak bersekolah 75% mempunyai niat untuk mengerjakannya dan selebihnya iaitu 25% sebaliknya.

Ini menunjukkan bahawa semangat dan keazaman responden untuk mengerjakan ibadah umrah amat memberansangkan. Selain itu, jadual juga menunjukkan masih terdapat responden yang tidak mempunyai niat langsung untuk mengerjakannya pada suatu masa nanti terutamannya responden yang tidak bersekolah iaitu 25%. Sikap demikian perlu dikesali dan tidak sepatutnya berlaku pada individu muslim. Maka

faktor pendidikan juga memberi kesan kepada pemahaman responden terhadap ibadah umrah. Sebagai bukti iaitu 100% responden yang bertaraf pendidikan tinggi di peringkat universiti mempunyai niat untuk mengerjakannya.

**Jadual 1.0.9: Hubungan taraf pendidikan dengan pandangan responden yang belum pernah mengerjakan umrah tentang mengulangi ibadah umrah.**

| Taraf pendidikan             | Kewajipan (%) | Sunat (%)    | Harus (%)    | Makruh (%) | Lain-lain (%) | Jumlah (%)  |
|------------------------------|---------------|--------------|--------------|------------|---------------|-------------|
| Sek. Rendah                  | 1<br>(9.1)    | 7<br>(63.6)  | 2<br>(18.2)  | 1<br>(9.1) | 0<br>(0)      | 11<br>(100) |
| Sek. Menengah/<br>Vokasional | 2<br>(2.6)    | 60<br>(78.9) | 14<br>(18.4) | 0<br>(0)   | 0<br>(0)      | 76<br>(100) |
| Kolej/Maktab                 | 2<br>(3.6)    | 39<br>(70.9) | 13<br>(23.6) | 0<br>(0)   | 1<br>(1.8)    | 55<br>(100) |
| Universiti                   | 8<br>(12.7)   | 41<br>(65.1) | 11<br>(17.5) | 3<br>(4.8) | 0<br>(0)      | 63<br>(100) |
| Tidak bersekolah             | 0<br>(0)      | 2<br>(66.7)  | 1<br>(33.3)  | 0<br>(0)   | 0<br>(0)      | 3<br>(100)  |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Jadual 9 ini menjelaskan pandangan responden yang belum mengerjakan umrah mengenai mengulangi ibadah umrah. Dapatan menunjukkan bahawa 9.1% dari responden yang bertaraf pendidikan Sekolah Rendah menyatakan hukumnya wajib. Sementara lain-lainnya 63% berpandangan sunat, 18.2% harus, dan 9.1% mengatakan makruh. Manakala dari taraf pendidikan Sekolah Menengah / Vokasional pula, dapatan menunjukkan bahawa 2.6% berpandangan wajib berbanding dengan 78.9% lagi mengatakan sunat dan 18.4% hukumnya harus.

Bagi responden bertaraf pendidikan Kolej / Maktab pula, 3.6% dari mereka berpendapat wajib, 70.9% sunat, 23.6% harus dan lain-lainnya 1.8%. Adapun dari taraf

pendidikan Universiti, 12.7% berpendapat hukumnya wajib . Sementara lain-lainnya 65.1% berpandangan hukumnya sunat, 17.5% harus dan 4.8% lagi makruh . Manakala dari taraf tidak bersekolah pula 1.3% berpendapat sunat hukumnya dan 2.4% mengatakan harus.

Kesimpulan dari jadual di atas menunjukkan bahawa kebanyakkan responden dari pelbagai latarbelakang taraf pendidikan berpendapat hukum mengulangi ibadah umrah adalah sunat sahaja serta hampir terdapat kesamaan peratusan responden dari semua taraf pendidikan dan juga responden yang tidak bersekolah terhadap pendapat tersebut dan turut membuktikan kefahaman responden yang mendalam dalam masalah berkaitan.

### **1.1 – Aliran Pendidikan**

**Jadual 1.1.1: Hubungan aliran pendidikan dengan pengetahuan responden terhadap ibadah umrah.**

| Aliran pendidikan | Tahu sedikit sahaja (%) | Tahu betul (%) | Tidak mengetahui langsung (%) | Jumlah (%)   |
|-------------------|-------------------------|----------------|-------------------------------|--------------|
| Sek Biasa         | 192<br>(77.1)           | 56<br>(22.5)   | 1<br>(0.4)                    | 249<br>(100) |
| Sek Agama         | 18<br>(42.9)            | 24<br>(57.1)   | 0<br>(0)                      | 42<br>(100)  |
| Pondok            | 6<br>(100)              | 0<br>(0)       | 0<br>(0)                      | 6<br>(100)   |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Jadual di atas menjelaskan hubungan aliran pendidikan dengan pengetahuan responden terhadap ibadah umrah. Hasil dari analisa yang dijalankan menunjukkan bahawa 77.1% responden dari aliran sekolah biasa mengetahui sedikit sahaja mengenai umrah berbanding dengan yang mengetahui betul sebanyak 22.5% dan 0.4% tidak

mengetahui langsung mengenai umrah. Manakala dari aliran Sekolah Agama pula didapati 42.9% mempunyai pengetahuan sedikit sahaja mengenai umrah, selebihnya 57.1% mengetahui betul dan tiada responden yang tidak mengetahui langsung mengenainya. Sementara dari aliran Pondok 100% mengetahui sedikit sahaja mengenai umrah dan tiada dikalangan responden yang mengetahui betul atau tidak mengetahui langsung mengenai umrah.

Rumusan dari jadual di atas jelaslah menunjukkan bahawa kebanyakan dari responden mempunyai maklumat mengenai umrah samaada dari aliran sekolah biasa, agama dan pondok. Namun dengan faktor aliran pendidikan juga didapati lebih dari separuh responden yang beraliran pendidikan sekolah agama berpengetahuan tinggi mengenai umrah jika dibandingkan dengan aliran sekolah biasa. Dengan ini ternyata taraf pendidikan turut memberi kesan dalam permasalahan tersebut.

**Jadual 1.1.2: Hubungan aliran pendidikan dengan sumber maklumat mengenai umrah**

| Aliran pendidikan | Belajar dari sekolah (%) | Belajar di masjid/surau (%) | Membaca kitab-kitab secara sendiri (%) | Maklumat dari kawan atau saudara (%) | Lain-lain (%) | Jumlah (%)   |
|-------------------|--------------------------|-----------------------------|--|--------------------------------------|---------------|--------------|
| Sek Biasa         | 104<br>(41.9)            | 81<br>(32.7)                | 23<br>(9.3)                            | 36<br>(14.5)                         | 4<br>(1.6)    | 248<br>(100) |
| Sek Agama         | 28<br>(66.7)             | 8<br>(19)                   | 4<br>(9.5)                             | 1<br>(2.4)                           | 1<br>(2.4)    | 42<br>(100)  |
| Pondok            | 1<br>(16.7)              | 5<br>(83.3)                 | 0<br>(0)                               | 0<br>(0)                             | 0<br>(0)      | 6<br>(100)   |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Jadual di atas menjelaskan kaitan aliran pendidikan dengan sumber maklumat responden terhadap ibadah umrah. Dapatkan menunjukkan bahawa responden dari aliran

sekolah biasa kebanyakannya mendapat maklumat melalui belajar di sekolah iaitu 41.9%. Selainnya lagi 32.7% belajar dari masjid / surau, 9.3% dengan membaca kitab - kitab secara sendiri, 14.5% mendapat maklumat melalui kawan atau saudara dan 1.6% lagi dari lain-lain sumber maklumat.

Manakala dari aliran sekolah agama kebanyakannya mendapat maklumat melalui belajar di sekolah juga iaitu 66.7%. Berbanding dengan yang selebihnya 19% belajar di masjid / surau, 9.5% dengan membaca kitab secara sendirian, 2.4% mendapat maklumat dari kawan atau saudara dan dari lain-lain sumber 2.4%. Sementara responden dari aliran pondok pula, mereka hanya mendapat maklumat mengenai umrah melalui dua sumber sahaja iaitu 16.7% melalui belajar di sekolah dan 83.3% dari masjid / surau. Manakala dari sumber-sumber lain tidak dinyatakan oleh responden.

Kesimpulannya dari jadual tersebut tidak menunjukkan apa-apa perbezaan dikalangan responden melalui aliran pendidikan kecuali terdapat sedikit perbezaan dari sudut sumber maklumat yang banyak tentang umrah bagi responden dari aliran sekolah biasa dan sekolah agama jika dibandingkan dengan aliran pondok.

#### **Jadual 1.1.3: Hubungan aliran pendidikan dengan perlaksanaan umrah**

| <b>Aliran pendidikan</b> | <b>Ya (%)</b> | <b>Tidak (%)</b> | <b>Jumlah (%)</b> |
|--------------------------|---------------|------------------|-------------------|
| Sek Biasa                | 44<br>(17.7)  | 204<br>(82.3)    | 248<br>(100)      |
| Sek Agama                | 17<br>(40.5)  | 25<br>(59.5)     | 42<br>(100)       |
| Pondok                   | 3<br>(50)     | 3<br>(50)        | 6<br>(100)        |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Jadual 1.1.3 di atas merupakan dapatan kajian terhadap hubungan aliran pendidikan dengan perlaksanaan umrah. Maka didapati bahawa 17.7% responden dari aliran sekolah biasa pernah mengerjakan umrah berbanding dengan 82.3% lagi belum pernah menunaikannya. Manakala dari aliran sekolah agama hampir menunjukkan keseimbangan diantara yang pernah menunaikan umrah dengan yang belum pernah menunaikannya iaitu 40.5% menjawab "Ya" dan 59.5% menjawab "Tidak". Sementara bagi dari aliran pondok pula ternyata 50% pernah menunaikan umrah dan 50% lagi belum pernah menunaikannya.

Rumusan dari jadual di atas, jelaslah menunjukkan bahawa ramai di kalangan responden dari aliran sekolah agama dan pondok pernah mengerjakan umrah. Sementara dari aliran sekolah biasa amat sedikit peratusnya. Ini juga bererti aliran pendidikan agama diantara faktor yang mempengaruhi responden yang berkemungkinan dengannya responden dari aliran tersebut mendapat maklumat dan pendedahan yang lebih berkaitan dengan umrah serta mendorong responden untuk mengerjakannya.

**Jadual 1.1.4: Hubungan aliran pendidikan dengan kekerapan mengulangi ibadah umrah.**

| Aliran pendidikan | Sekali (%)   | Dua kali (%) | Tiga kali ke atas (%) | Jumlah (%)  |
|-------------------|--------------|--------------|-----------------------|-------------|
| Sek Biasa         | 24<br>(54.5) | 10<br>(22.7) | 10<br>(22.7)          | 44<br>(100) |
| Sek Agama         | 6<br>(35.3)  | 6<br>(35.3)  | 5<br>(29.4)           | 17<br>(100) |
| Pondok            | 1<br>(33.3)  | 2<br>(66.7)  | 0<br>(0)              | 3<br>(100)  |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Jadual di atas menunjukkan kaitan kekerapan mengulangi ibadah umrah bagi mereka yang pernah mengerjakannya dengan aliran pendidikan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa responden dari aliran sekolah biasa yang pernah mengerjakan umrah sebanyak sekali 54.5% , dua kali 22.7% dan tiga kali ke atas 22.7%. Manakala dari aliran sekolah agama 35.3% sebanyak sekali , 35.3% dua kali dan 29.4% tiga kali ke atas. Sementara dari aliran pondok pula, 33.3% sebanyak sekali, 66.75 dua kali dan tiada responden yang mengerjakan tiga kali ke atas.

Kesimpulannya jadual di atas jelaslah latarbelakang aliran pendidikan semua responden tidak mempengaruhi responden untuk mengulangi ibadah umrah buat kali seterusnya dan tidak menjadi faktor penghalang bagi tujuan tersebut.

**Jadual 1.1.5: Hubungan aliran pendidikan dengan sebab-sebab mengulangi ibadah umrah.**

| Aliran pendidikan | Ingin mendapat pelbagai ganjaran yang dinyatakan n (%) | Beribadah di samping menambahkan rezeki (%) | Beribadah sambil melancong secara berkumpulan (%) | Ingin menggunakan wang ringgit untuk tujuan ibadah (%) | Jumlah (%)  |
|-------------------|--|---|---|--|-------------|
| Sek Biasa         | 18<br>(52.9)   | 3<br>(8.8)                                  | 6<br>(17.6)                                       | 7<br>(20.6)  | 34<br>(100) |
| Sek Agama         | 12<br>(70.6)   | 2<br>(11.8)                                 | 3<br>(17.6)                                       | 0<br>(0)   | 17<br>(100) |
| Pondok            | 1<br>(50)  | 0<br>(0)                                    | 1<br>(50)   | 0<br>(0)   | 2<br>(100)  |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Berdasarkan jadual di atas dapatan menunjukkan bahawa responden dari aliran sekolah biasa sebahagian besarnya iaitu 52.9% mengulangi ibadah umrah bertujuan ingin mendapat pelbagai ganjaran yang dinyatakan di dalam hadith dan selebihnya 8.8%

sebab ingin beribadah di samping menambahkan rezeki, 17.6% beralasan beribadah sambil melancong secara berjamaah dan 20.6% lagi disebabkan ingin menggunakan wang untuk tujuan ibadah.

Manakala dari aliran sekolah agama pula 70.6% disebabkan ingin mendapatkan pelbagai ganjaran yang dinyatakan di dalam hadith dan selainnya 11.8% bertujuan ingin beribadah di samping menambah rezeki, 17.6% beribadah sambil melancong secara berjamaah dan tiada responden yang bertujuan ingin menggunakan wang ringgit untuk tujuan ibadah. Sementara responden dari aliran pondok, 50% di sebabkan ingin mendapatkan pelbagai ganjaran yang dinyatakan di dalam hadith dan 50% lagi disebabkan beribadah sambil melancong secara berjemaah. Manakala sebab-sebab lain tidak menjadi pilihan responden dari aliran ini.

Rumusannya, jadual menunjukkan sebilangan besar dari jumlah responden dari setiap aliran pendidikan mengulangi ibadah umrah disebabkan ingin mendapatkan ganjaran seperti yang dijanjikan di dalam hadith dan tidak mempengaruhi dan menjelaskan keinginan responden walaupun dari pelbagai aliran yang berbeza.

**Jadual 1.1.6: Hubungan aliran pendidikan dengan pandangan tentang mengulangi ibadah umrah.**

| Aliran pendidikan | Wajib (%)  | Sunat (%)    | Harus (%)   | Jumlah (%)  |
|-------------------|------------|--------------|-------------|-------------|
| Sek Biasa         | 0<br>(0)   | 41<br>(93.2) | 3<br>(6.8)  | 44<br>(100) |
| Sek Agama         | 1<br>(5.9) | 14<br>(82.4) | 2<br>(11.8) | 17<br>(100) |
| Pondok            | 0<br>(0)   | 3<br>(100)   | 0<br>(0)    | 3<br>(100)  |

**Sumber:** Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).

Jadual di atas menjelaskan kaitan aliran pendidikan dengan pandangan responden mengenai mengulangi ibadah umrah. Dapatan menunjukkan bahawa 93.2% responden dari aliran sekolah biasa menyatakan hukumnya sunat dan bakinya 6.8% berpendapat harus .Tiada respon yang mengatakan hukumnya wajib. Manakala dari aliran sekolah agama 5.9% mengatakan hukumnya wajib, 82.4% sunat dan 11.8% harus. Sementara aliran pondok keseluruhannya 100% berpandangan sunat mengulangi umrah dan tiada responden yang berpandangan wajib atau harus.

Kesimpulannya, jadual membuktikan bahawa responden dari aliran pondok dan sekolah biasa lebih memahami dari responden aliran sekolah agama dalam konteks pandangan terhadap hukum mengulangi ibadah umrah dan menunjukkan kesamaan kefahaman di kalangan responden dari aliran pondok. Ini bererti aliran pendidikan turut mempengaruhi responden di dalam pandangan yang dikemukakan.

**Jadual 1.1.7: Hubungan aliran pendidikan dengan sebab tidak mengerjakan umrah.**

| Aliran pendidikan | Tiada wang yang cukup (%) | Terlalu sibuk dengan kerja (%) | Belum belajar tentang umrah (%) | Tiada apa-apa alasan (%) | Lain-lain (%) | Jumlah (%)   |
|-------------------|---------------------------|--------------------------------|---------------------------------|--------------------------|---------------|--------------|
| Sek Biasa         | 148<br>(73.3)             | 13<br>(6.4)                    | 21<br>(10.4)                    | 16<br>(7.9)              | 4<br>(2.0)    | 202<br>(100) |
| Sek Agama         | 20<br>(83.3)              | 1<br>(4.2)                     | 1<br>(4.2)                      | 0<br>(0)                 | 2<br>(8.3)    | 24<br>(100)  |
| Pondok            | 2<br>(100)                | 0<br>(0)                       | 0<br>(0)                        | 0<br>(0)                 | 0<br>(0)      | 2<br>(100)   |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Jadual di atas merupakan analisa mengenai sebab-sebab responden tidak mengerjakan umrah seperti yang di terangkan di dalam jadual 12 yang lalu dengan taraf

pendidikan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor utama responden aliran sekolah biasa tidak mengerjakan umrah ialah tiada wang yang cukup iaitu 73.3%. Manakala lain-lainnya 6.4% disebabkan sibuk dengan pekerjaan, 10.4% belum belajar tentang umrah, 7.9% tiada apa-apa alasan dan 2% lain-lain sebab.

Sementara dari aliran agama, 83.3% disebabkan tiada wang yang secukupnya berbanding dengan yang lainnya iaitu 4.2% beralasan terlalu sibuk dengan kerja , 4.2% disebabkan belum belajar tentang umrah dan lain-lain faktor 8.3%. Tiada responden yang tidak mengerjakan umrah beralasan tiada apa-apa alasan. Responden dari aliran pondok pula, keseluruhannya iaitu 100% disebabkan tiada wang yang cukup untuk mengerjakannya dan faktor-faktor yang lain tidak menjadi sebab bagi mereka untuk tidak mengerjakan umrah.

Maka rumusan dari maklumat tersebut menunjukkan bahawa responden dari aliran pondok lebih memahami dan bersedia bagi mengerjakan ibadah umrah dengan tiada apa-apa faktor bagi mereka kecuali wang sahaja berbanding dari aliran sekolah biasa dan agama masih terdapat banyak sebab yang diberikan. Jadual juga mendapati masih terdapat responden dari aliran sekolah biasa yang tiada apa-apa alasan tidak mengerjakan umrah. Ini berkemungkinan disebabkan oleh kurang pendedahan maklumat mengenai umrah dari aliran tersebut jika dibandingkan dengan aliran sekolah agama dan pondok.

**Jadual 1.1.8: Hubungan aliran pendidikan dengan niat responden untuk mengerjakannya pada suatu masa nanti.**

| Aliran pendidikan | Ya (%)        | Tidak (%)  | Jumlah (%)   |
|-------------------|---------------|------------|--------------|
| Sek Biasa         | 189<br>(95.9) | 8<br>(4.1) | 197<br>(100) |

|           |              |            |             |
|-----------|--------------|------------|-------------|
| Sek Agama | 23<br>(95.8) | 1<br>(4.2) | 24<br>(100) |
| Pondok    | 2<br>(100)   | 0<br>(0)   | 2<br>(100)  |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Jadual di atas menjelaskan kaitan aliran pendidikan dengan niat responden yang belum pernah mengerjakan umrah bagi menunaikannya pada suatu masa nanti. Dapatkan menunjukkan bahawa 95.9% responden dari aliran sekolah biasa mempunyai niat untuk mengerjakan umrah pada suatu masa nanti berbanding dengan 4.1% lagi tidak berniat untuk mengerjakannya. Manakala dari aliran sekolah agama pula, 95.8% mempunyai niat untuk mengerjakannya dan 4.2% lagi sebaliknya. Sementara dari aliran pondok keseluruhannya 100% mempunyai niat untuk mengerjakannya.

Kesimpulannya, hampir keseluruhan responden dari semua aliran masih mempunyai azam atau niat untuk mengerjakan umrah. Jadual juga menunjukkan jauhnya kefahaman dan penghayatan mengenai tuntutan ibadah umrah dari aliran pondok jika dibandingkan dengan aliran sekolah biasa dan sekolah agama kerana masih terdapat segelintir responden dari aliran ini yang tidak merasai itu suatu tututan yang perlu dilaksanakan bagi seorang muslim walaupun dengan azam dan niat sekalipun tiada peluang untuk menunaikannya.

**Jadual 1.1.9: Hubungan aliran pendidikan dengan pandangan responden yang belum pernah mengerjakan umrah tentang mengulangi ibadah umrah.**

| Aliran pendidikan | Wajib (%)   | Sunat (%)     | Harus (%)    | Makruh (%) | Lain-lain (%) | Jumlah (%)   |
|-------------------|-------------|---------------|--------------|------------|---------------|--------------|
| Sek Biasa         | 13<br>(7.1) | 130<br>(71.4) | 35<br>(19.2) | 4<br>(2.2) | 0<br>(0)      | 182<br>(100) |
| Sek Agama         | 0<br>(0)    | 15<br>(68.2)  | 6<br>(27.3)  | 0<br>(0)   | 1<br>(4.5)    | 22<br>(100)  |

|        |          |            |          |          |          |            |
|--------|----------|------------|----------|----------|----------|------------|
| Pondok | 0<br>(0) | 2<br>(100) | 0<br>(0) | 0<br>(0) | 0<br>(0) | 2<br>(100) |
|--------|----------|------------|----------|----------|----------|------------|

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Jadual di atas memaparkan pandangan responden yang belum pernah mengerjakan umrah mengenai mengulangi ibadah umrah. Dapatan menunjukkan bahawa 7.1% responden dari aliran sekolah biasa berpandangan hukumnya wajib. Sementara lain-lainnya 71.4% berpandangan sunat, 19.2% harus , 2.2% Makruh dan lain-lain pandangan tiada. Manakala dari aliran sekolah agama pula, tiada responden yang berpendapat hukum mengulangi umrah adalah wajib. Sementara yang berpandangan hukumnya sunat sebanyak 68.2%, harus 27.3%, makruh tiada jawapan dari responden dan lain-lain pandangan 4.5%. Adapun dari aliran pondok keseluruhannya iaitu 100% berpendapat mengulangi umrah itu hukumnya adalah sunat sahaja.

Kesimpulannya didapati bahawa rata-rata responden dari aliran sekolah biasa dan sekolah agama mempunyai kefahaman yang sederhana mengenai hukum mengulangi ibadah umrah berbanding dengan aliran pondok yang memahami dengan tepat mengenai masalah tersebut. Jadual juga tidak menunjukkan jurang perbezaan yang jauh terhadap kefahaman responden sekali pun berlainan aliran pendidikan.

**Bahagian ii : Hubungkait Kefahaman Responden Terhadap Ibadah Sedekah Dengan Taraf Pendidikan Dan Aliran Pendidikan.**

**2.0 - Taraf pendidikan**

**Jadual 2.0.1: Hubungan pandangan responden terhadap pemilik sebenar harta dengan taraf pendidikan.**

|   | Sek. Rendah (%)     | Sek. Menengah/ Vokasional (%) | Kolej/ Maktab (%)   | Universiti (%)      | Tidak Bersekolah (%) |
|---|---------------------|-------------------------------|---------------------|---------------------|----------------------|
| Allah   | 7<br>(38.9)         | 29<br>(26.1)                  | 23<br>(28.8)        | 25<br>(28.7)        | 2<br>(50)            |
| Manusia   | 0<br>(0)            | 2<br>(1.8)                    | 0<br>(0)            | 1<br>(1.10)         | 0<br>(0)             |
| Allah pemilik sebenar & manusia pemilik sementara | 11<br>(61.1)        | 80<br>(72.1)                  | 57<br>(71.3)        | 61<br>(70.1)        | 2<br>(50)            |
| <b>Jumlah</b>                                     | <b>18<br/>(100)</b> | <b>111<br/>(100)</b>          | <b>80<br/>(100)</b> | <b>87<br/>(100)</b> | <b>4<br/>(100)</b>   |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Jadual 2.0.1 di atas menerangkan analisa terhadap hubungan kefahaman atau pengetahuan responden terhadap pemilik sebenar harta dengan taraf pendidikan. Dapatan menunjukkan bahawa responden dari taraf pendidikan Sekolah Rendah yang menyatakan Allah sebagai pemilik harta sebenar terdiri daripada 38.9% dan bakinya 61.1% mengatakan Allah pemilik hakiki dan manusia pemilik sementara (*majāzī*). Tiada responden dari taraf pendidikan ini mengatakan manusia pemilik sebenar harta. Manakala responden dari taraf pendidikan Sekolah Menengah / Vokasional pula, 26.1% berpendapat bahawa Allah pemilik sebenar harta, 1.8% mengatakan Allah pemilik harta sebenar dan selebihnya 72.1% mengatakan Allah pemilik hakiki dan manusia pemilik sementara (*majāzī*). Sementara responden dari taraf pendidikan Kolej / Maktab pula,

28.8% berpandangan Allah pemilik harta sebenar dan bakinya 71.2% lagi berpendapat Allah pemilik sebenar dan manusia pemilik sementara (*majāzī*). Tiada responden dari tarap pendidikan ini memilih manusia sebagai pemilik sebenar harta.

Bagi responden dari taraf pendidikan Universiti pula, 28.7% berpendapat Allah sebagai pemilik sebenar harta. Manakala lain-lainnya 1.1% berpendapat Manusia pemilik harta sebenar harta dan 70.2% lagi berpendapat Allah pemilik hakiki dan manusia pemilik sementara (*majāzī*). Sementara responden yang tidak bersekolah pula separuhnya 50% mengatakan Allah pemilik sebenar harta dan separuh lagi 50% mengatakan Allah pemilik hakiki dan manusia pemilik sementara (*majāzī*). Tiada responden dari taraf ini yang mengatakan manusia pemilik sebenar harta.

Kesimpulan dari jadual tersebut jelaslah bahawa latarbelakang taraf pendidikan semua responden tidak mempengaruhi kefahaman responden dan kebanyakan responden dari semua taraf pendidikan mengemukakan pendapat yang paling tepat iaitu dengan mengatakan Allah pemilik hakiki dan manusia pemilik sementara. Jadual juga membuktikan bahawa seluruh responden mempunyai tahap kefahaman yang sederhana kecuali beberapa responden dari taraf pendidikan sekolah menengah dan universiti kurang memahami dalam konteks tersebut dengan menjawab manusia sebagai pemilik sebenar harta.

**Jadual 2.0.2: Hubungan pandangan bahawa di dalam harta milik peribadi terdapat hak orang lain dengan taraf pendidikan.**

|        | Sek. Rendah (%) | Sek. Menengah/Vokasional (%) | Kolej/Maktab (%) | Universiti (%) | Tidak Bersekolah (%) |
|--------|-----------------|------------------------------|------------------|----------------|----------------------|
| Setuju | 12<br>(66.7)    | 89<br>(80.2)                 | 55<br>(68.8)     | 74<br>(85.1)   | 2<br>(50)            |

|                 |                     |                      |                     |                     |                    |
|-----------------|---------------------|----------------------|---------------------|---------------------|--------------------|
| Tidak bersetuju | 3<br>(16.7)         | 10<br>(9)            | 7<br>(8.8)          | 3<br>(3.4)          | 0<br>(0)           |
| Kurang pasti    | 3<br>(16.7)         | 12<br>(10.8)         | 18<br>(22.5)        | 10<br>(11.5)        | 2<br>(50)          |
| <b>Jumlah</b>   | <b>18<br/>(100)</b> | <b>111<br/>(100)</b> | <b>80<br/>(100)</b> | <b>87<br/>(100)</b> | <b>4<br/>(100)</b> |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Jadual 2.0.2 di atas merupakan analisa pandangan dari responden bahawa di dalam harta yang dimilikinya terdapat hak orang lain. Dapatan kajian menunjukkan 66.7% responden dari taraf pendidikan Sekolah Rendah bersetuju mengenai bahawa di dalam harta milik peribadi terdapat hak orang lain berbanding dengan tidak bersetuju iaitu 16.7% dan yang kurang pasti sebanyak 16.6%. Manakala responden dari taraf pendidikan Sekolah Menengah / Vokasional pula , 80.2% bersetuju dengan pandangan tersebut. Berlainan dengan 9.0% tidak bersetuju dan 10.8% kurang pasti.

Sementara bagi responden dari taraf pendidikan Kolej / Maktab, 68.8% memberi pendapat bersetuju dengan pandangan tersebut dan lain-lainnya iaitu 8.8% tidak bersetuju dan 22.4% kurang pasti . Bagi responden dari taraf pendidikan Universiti, 85.1% dari mereka bersetuju bahawa di dalam harta peribadi terdapat hak orang lain . Sementara selebihnya 3.4% tidak bersetuju dengan pandangan tersebut dan 11.5% lagi kurang pasti. Manakala bagi responden yang tidak bersekolah separuhnya iaitu 505 bersetuju dengan pandangan tersebut dan bakinya 50% lagi berpendapat kurang pasti dengan pandangan yang di kemukakan ini.

Rumusan dari jadual tersebut ternyata bahawa latarbelakang taraf pendidikan responden yang tinggi mempengaruhi pandangan responden mengenai bahawa di dalam harta peribadi terdapat hak orang lain jika dibandingkan dengan responden yang tidak

bersekolah. Jadual juga menunjukkan sebahagian besar jumlah responden dari semua taraf pendidikan bersetuju dengan pandangan tersebut.

**Jadual 2.0.3: Hubungan Pandangan bahawa masyarakat Islam di daerah kajian terdiri daripada pelbagai taraf kehidupan dengan Taraf pendidikan.**

|                    | Sek.<br>Rendah<br>(%) | Sek.<br>Menengah/<br>Vokasional<br>(%) | Kolej/Maktab<br>(%) | Universiti<br>(%)   | Tidak<br>Bersekolah<br>(%) |
|--------------------|-----------------------|--|---------------------|---------------------|----------------------------|
| Setuju             | 18<br>(100)           | 106<br>(96.4)                          | 78<br>(97.5)        | 83<br>(95.4)        | 4<br>(100)                 |
| Tidak<br>bersetuju | 0<br>(0)              | 4<br>(3.6)                             | 2<br>(2.5)          | 4<br>(4.6)          | 0<br>(0)                   |
| <b>Jumlah</b>      | <b>18<br/>(100)</b>   | <b>110<br/>(100)</b>                   | <b>80<br/>(100)</b> | <b>87<br/>(100)</b> | <b>4<br/>(100)</b>         |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Jadual 2.0.3 di atas merupakan taburan pandangan responden mengenai kepelbagaiannya taraf kehidupan masyarakat Islam dan hubungannya dengan taraf pendidikan. Dapatkan menunjukkan bahawa keseluruhan responden dari taraf pendidikan Sekolah Rendah iaitu 100% bersetuju dengan pandangan bahawa masyarakat Islam di daerah kajian erdiri daripada pelbagai taraf kehidupan. Manakala dari taraf pendidikan Sekolah Menengah / Vokasional, sebahagian besarnya iaitu 96.4% bersetuju dengan pandangan tersebut dan 3.6% lagi tidak bersetuju. Sementara responden dari taraf pendidikan Kolej / Maktab pula, 97.5% bersetuju dengan pandangan di atas dan bakinya 2.5% tidak bersetuju. Bagi responden bertaraf pendidikan Universiti pula, 95.4% bersetuju dengan pandangan di atas dan 4.6% lagi tidak bersetuju. Manakala responden yang tidak bersekolah kesemuanya iaitu 100% bersetuju dengan pandangan tersebut.

Kesimpulan dari jadual di atas menunjukkan bahawa latarbelakang taraf pendidikan keseluruhan responden secara umumnya tidak banyak mempengaruhi pandangan responden. Ini dibuktikan dengan sejumlah besar responden dari setiap lapisan taraf pendidikan bersetuju dengan pandangan bahawa terdapat pelbagai taraf kehidupan masyarakat Islam di daerah kajian. Tidak dinafikan juga bahawa terdapat sebilangan kecil responden tidak bersetuju dengan pandangan tersebut, namun ianya tidak menjadi ukuran untuk menafikan pandangan majoriti responden kerana tidak wajar untuk dikatakan bahawa keseluruhan masyarakat Islam di daerah kajian mempunyai taraf kehidupan yang sama. Ini disebabkan bertentangan pandangan tersebut dengan realiti yang berlaku iaitu terdapat perbezaan yang jelas dari sudut taraf kehidupan masyarakat Islam di daerah kajian.

**Jadual 2.0.4: Hubungan taraf pendidikan dengan pandangan bahawa selain kerajaan orang kaya juga bertanggungjawab mengatasi masalah kemiskinan.**

|                    | Sek.<br>Rendah<br>(%) | Sek.<br>Menengah/<br>Vokasional<br>(%) | Kolej/Maktab<br>(%) | Universiti<br>(%)   | Tidak<br>Bersekolah<br>(%) |
|--------------------|-----------------------|--|---------------------|---------------------|----------------------------|
| Setuju             | 18<br>(100)           | 110<br>(99.1)                          | 80<br>(100)         | 87<br>(100)         | 4<br>(100)                 |
| Tidak<br>bersetuju | 0<br>(0)              | 1<br>(0.9)                             | 0<br>(0)            | 0<br>(0)            | 0<br>(0)                   |
| <b>Jumlah</b>      | <b>18<br/>(100)</b>   | <b>111<br/>(100)</b>                   | <b>80<br/>(100)</b> | <b>87<br/>(100)</b> | <b>4<br/>(100)</b>         |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Jadual 2.0.4 di atas merupakan hasil analisa pandangan mengenai membasmi kemiskinan. Dapatan menunjukkan bahawa keseluruhan responden dari semua taraf pendidikan bersetuju dengan pandangan tersebut iaitu masing-masing 100% kecuali dari taraf pendidikan Sekolah menengah / vokasional iaitu 99.1%. Manakala responden

yang tidak bersetuju terhadap pandangan tersebut iaitu seorang sahaja iaitu 0.9% dari taraf pendidikan sekolah Menengah / vokasional. Sementara dari lain-lain taraf pendidikan tiada responden yang tidak bersetuju dengan pandangan di atas.

Kesimpulan dari jadual di atas jelaslah bahawa latarbelakang taraf pendidikan tidak mempengaruhi kefahaman responden terhadap permasalahan kajian. Secara keseluruhannya didapati bahawa rata-rata responden mempunyai kefahaman yang tinggi dalam pandangan tersebut.

**Jadual 2.0.5: Hubungan taraf pendidikan dengan kedudukan sedekah yang akan disalurkan.**

|                         | Sek. Rendah (%)     | Sek. Men. / Vokasional (%) | Kolej/Maktab (%)    | Universiti (%)      | Tidak Bersekolah (%) |
|-------------------------|---------------------|----------------------------|---------------------|---------------------|----------------------|
| Secara ehsan            | 11<br>(61.1)        | 42<br>(39.6)               | 46<br>(58.2)        | 42<br>(48.8)        | 2<br>(48.8)          |
| Sebagai suatu kewajipan | 7<br>(38.9)         | 64<br>(60.4)               | 33<br>(41.8)        | 44<br>(51.2)        | 2<br>(50)            |
| <b>Jumlah</b>           | <b>18<br/>(100)</b> | <b>106<br/>(100)</b>       | <b>79<br/>(100)</b> | <b>86<br/>(100)</b> | <b>4<br/>(100)</b>   |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Jadual 2.0.5 di atas merupakan hasil analisa kedudukan sedekah yang disalurkan oleh responden dengan taraf pendidikan. Dapatan menunjukkan bahawa 61.1% responden dari taraf pendidikan Sekolah Rendah menyalurkan sedekah secara ehsan dan 38.9% adalah sebagai suatu kewajipan. Manakala dari taraf pendidikan Sekolah Menengah / Vokasional pula, kebanyakannya iaitu 60.4% menyalurkannya sebagai suatu kewajipan berbanding dengan selebihnya iaitu 39.6% secara ehsan.

Sementara dari taraf pendidikan Kolej / Maktab pula, dapatan menunjukkan bahawa 58.2% menyalurkan sedekah secara ehsan dan 41.8% lagi sebagai suatu kewajipan. Adapun Responden dari taraf pendidikan Universiti pula, 51.2% daripadanya menyalurkan sedekah sebagai suatu kewajipan dan sebahaginya lagi iaitu 48.8% adalah secara ehsan. Manakala responden yang tidak bersekolah pula, separuhnya iaitu 50% menyalurkan secara ehsan dan separuh lagi 50% adalah sebagai suatu kewajipan.

Secara umumnya dari jadual di atas dapat dirumuskan bahawa keseluruhan responden dari semua taraf pendidikan hampir terdapat keseimbangan diantara yang menyalurkan sedekah secara ehsan dengan sebagai suatu kewajipan. Sementara dari sudut kefahaman dan rasa tanggungjawab mengenai ibadah sedekah didapati responden dari taraf pendidikan Sekolah menengah / vokasional lebih memahami dan tinggi nilai moralnya jika dibandingkan dengan lain-lain taraf pendidikan. Ini berdasarkan lebih dari separuh responden dari taraf pendidikan sekolah menengah / vokasional iaitu 60.4% menyalurkan sedekah mereka di atas dasar suatu kewajipan bukan sekadar ehsan sahaja.

**Jadual 2.0.6: Hubungan Taraf Pendidikan dengan peratusan pendapatan bulanan yang di belanjakan untuk tujuan sedekah.**

|                | <b>Sek.<br/>Rendah<br/>(%)</b> | <b>Sek. Men./<br/>Vokasional<br/>(%)</b> | <b>Kolej/Maktab<br/>(%)</b> | <b>Universiti<br/>(%)</b> | <b>Tidak<br/>Bersekolah<br/>(%)</b> |
|----------------|--------------------------------|--|-----------------------------|---------------------------|-------------------------------------|
| 1% hingga 20%  | 14<br>(77.8)                   | 87<br>(78.4)                             | 64<br>(81)                  | 63<br>(72.4)              | 2<br>(50)                           |
| 21% hingga 40% | 2<br>(11.1)                    | 7<br>(6.3)                               | 5<br>(6.3)                  | 10<br>(11.50)             | 0<br>(0)                            |
| 41% hingga 60% | 1<br>(5.6)                     | 1<br>(0.9)                               | 2<br>(2.5)                  | 1<br>(1.1)                | 0<br>(0)                            |
| 61% ke atas    | 0<br>(0)                       | 1<br>(0.9)                               | 0<br>(0)                    | 0<br>(0)                  | 1<br>(0.3)                          |

|                          |                     |                      |                     |                     |                    |
|--------------------------|---------------------|----------------------|---------------------|---------------------|--------------------|
| Tiada peruntukan sedekah | 1<br>(5.6)          | 15<br>(13.5)         | 8<br>(10.1)         | 13<br>(14.9)        | 2<br>(50)          |
| <b>Jumlah</b>            | <b>18<br/>(100)</b> | <b>111<br/>(100)</b> | <b>79<br/>(100)</b> | <b>87<br/>(100)</b> | <b>4<br/>(100)</b> |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Jadual 2.0.6 di atas menunjukkan bahawa responden yang menyumbang wang pendapatan bulanan 1% hingga 20% dari taraf pendidikan Sekolah Rendah sebanyak 77.8%. Sementara yang menyumbang wang pendapatan 21% hingga 40% untuk tujuan sedekah sebanyak 11.1%. Manakala yang menyumbang 41% hingga 60% pendapatan sebulan sebanyak 5.6%. Tiada responden dari taraf pendidikan ini yang menyumbang 60% ke atas. Terdapat juga responden dari taraf pendidikan ini yang tidak memperuntukan langsung dari wang pendapatan bulanan untuk tujuan sedekah iaitu 5.6% .

Bagi responden yang bertaraf pendidikan Sekolah Menengah / Vokasional pula, yang paling banyak memperuntukan wang pendapatan bulanan untuk tujuan sedekah adalah dari kadar 1% hingga 20% iaitu sebanyak 78.4%. Manakala responden dari peringkat ini yang memperuntukan dari kadar 21% hingga 40% adalah sebanyak 6.3% . Sementara yang memperuntukan dari kadar 41% hingga 60% dan 60% ke atas pula masing-masing adalah sebanyak 0.9% dan masih terdapat responden dari taraf ini yang tidak memperuntukkan wang pendapatan bulanan untuk tujuan sedekah iaitu sebanyak 13.5% .

Manakala responden dari taraf pendidikan Kolej / Maktab pula, Kebanyakan mereka iaitu 81% memperuntukan untuk tujuan sedekah di dalam purata 1% hingga 20% dari wang pendapatan bulanan. Sementara 6.3% responden taraf ini pula

menyalurkan sejumlah 21% hingga 40% dari wang pendapatan mereka untuk tujuan sedekah. Manakala 2.5% responden lagi memperuntukkan purata 41% hingga 60% wang pendapatan bulanan bagi tujuan sedekah sementara peruntukan purata melebihi 60% tiada responden dari taraf ini yang menyumbang bagi tujuan sedekah dan terdapat juga responden yang tidak menyediakan peruntukan untuk sedekah iaitu sejumlah 10.1%.

Bagi responden bertaraf pendidikan Universiti pula, kebanyakannya mereka iaitu 72.4% memperuntukkan sekitar 1% hingga 20% dari pendapatan bulan untuk tujuan sedekah . Sementara lainnya terdapat 11.5% responden memperuntukkan sekitar 21% hingga 40% dari pendapatan mereka untuk tujuan sedekah. Terdapat sejumlah kecil sahaja dari responden iaitu 1.1% dari taraf pendidikan ini yang memperuntukkan pendapatan bulanan sekitar 41% hingga 60% untuk tujuan sedekah. Sementara purata peruntukan 60% ke atas tiada respon dari responden dan terdapat juga responden dari taraf pendidikan ini yang tidak memperuntukkan langsung wang pendapatan mereka bagi tujuan sedekah iaitu 14.9%. Bagi responden yang tidak bersekolah pula separuh daripada responden iaitu 50% memperuntukan pendapatan mereka sekitar purata 1% hingga 20% bagi tujuan sedekah dan bakinya lagi iaitu 50% tiada peruntukan untuk tujuan sedekah.

Dari keterangan tersebut dapat dirumuskan bahawa keseluruhan responden dari semua taraf pendidikan memahami konsep ibadah sedekah. Ini berdasarkan peruntukan bulanan responden yang telah disediakan untuk tujuan tersebut. Masih terdapat sebilangan kecil dari responden yang tiada langsung peruntukan pendapatan bulan untuk tujuan sedekah. Kefahaman dan kesedaran perlu di berikan kepada mereka ini agar tidak mengabaikan tuntutan bersedekah.

**Jadual 2.0.7: Hubungan taraf pendidikan dengan pandangan terhadap bentuk perlaksanaan sedekah.**

|               | Sek.<br>Rendah<br>(%) | Sek.<br>Menengah /<br>Vokasional<br>(%) | Kolej/Maktab<br>(%) | Universiti<br>(%)   | Tidak<br>Bersekolah<br>(%) |
|---------------|-----------------------|---|---------------------|---------------------|----------------------------|
| Tetap         | 2<br>(11.1)           | 17<br>(15.3)                            | 23<br>(29.5)        | 19<br>(21.1)        | 0<br>(0)                   |
| Sementara     | 16<br>(88.9)          | 94<br>(84.7)                            | 55<br>(70.5)        | 67<br>(77.9)        | 4<br>(100)                 |
| <b>Jumlah</b> | <b>18<br/>(100)</b>   | <b>111<br/>(100)</b>                    | <b>78<br/>(100)</b> | <b>86<br/>(100)</b> | <b>4<br/>(100)</b>         |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Jadual 2.0.7 di atas merupakan analisa kaitan antara taraf pendidikan dengan bentuk perlaksanaan sedekah samaada secara tetap atau sementara. Bagi responden yang memberi sedekah secara tetap, dapatan menunjukkan bahawa 11.1% responden dari taraf pendidikan Sekolah Rendah. Sementara lain-lainnya 15.3% dari Sekolah Menengah/ Vokasional, 29.5% dari Kolej / Maktab, 21.1% dari Universiti dan tiada jawapan dari responden yang tidak bersekolah. Manakala responden yang memberi sedekah secara sementara (sekali-sekala), dapatan menunjukkan bahawa 88.9% terdiri dari responden bertaraf pendidikan Sekolah Rendah. Sementara lain-lain taraf pendidikan ialah 84.7% dari Sekolah Menengah / Vokasional , 70.5% dari Kolej / Maktab, 77.9% dari Universiti dan 100% dari responden yang tidak bersekolah.

Kesimpulannya, di dapatkan bahawa taraf pendidikan semua responden tidak menunjukkan perbezaan yang besar mengenai bentuk perlaksanaan sedekah samaada secara tetap atau sementara (sekali-sekala). Sementara dari sudut majoriti sumbangan secara tetap adalah responden dari taraf pendidikan Kolej / Maktab. Manakala secara

sementara (sekali-sekala) adalah dari responden bertaraf pendidikan Sekolah Menengah / Vokasional.

**Jadual 2.0.8: Hubungan taraf pendidikan dengan pandangan bahawa wang yang disedekahkan sama pahalanya dengan ibadah umrah.**

|                    | Sek.<br>Rendah<br>(%) | Sek.<br>Menengah/<br>Vokasional<br>(%) | Kolej/Maktab<br>(%) | Universiti<br>(%)   | Tidak<br>Bersekolah<br>(%) |
|--------------------|-----------------------|--|---------------------|---------------------|----------------------------|
| Setuju             | 12<br>(66.7)          | 80<br>(74.8)                           | 51<br>(67.1)        | 48<br>(55.8)        | 1<br>(25)                  |
| Tidak<br>bersetuju | 6<br>(33.3)           | 27<br>(25.2)                           | 25<br>(32.9)        | 38<br>(44.2)        | 3<br>(75)                  |
| <b>Jumlah</b>      | <b>18<br/>(100)</b>   | <b>107<br/>(100)</b>                   | <b>76<br/>(100)</b> | <b>86<br/>(100)</b> | <b>4<br/>(100)</b>         |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Jadual di atas merupakan analisa hubungan antara taraf pendidikan dengan pandangan responden mengenai kesamaan pahala sedekah dengan ibadah umrah. Dapatan menunjukkan bahawa majoriti responden yang bersetuju bahawa pahala wang yang di sedekahkan itu sama pahalanya dengan ibadah umrah ialah dari taraf pendidikan Sekolah Menengah / Vokasional iaitu 74.8%. Berbanding dengan lain-lain taraf pendidikan yang masing-masingnya 67.1% dari taraf pendidikan Kolej / Maktab, 55.8% dari taraf pendidikan Universiti, 66.7% dari Sekolah Rendah dan 1% dari responden yang tidak bersekolah. Manakala responden yang tidak bersetuju tentang kesamaan pahala wang disedekahkan dengan ibadah umrah pula majoritinya dari responden yang tidak bersekolah iaitu 75%. Sementara responden yang bertaraf pendidikan Universiti iaitu 44.2%. Manakala lain-lainnya 25.2% dari taraf pendidikan Sekolah Menengah / Vokasional, 32.9% dari taraf pendidikan Kolej / Maktab dan 33.3% dari taraf pendidikan Sekolah Rendah.

Dariuraian tersebut dapat dirumuskan bahawa terdapat jurang perbezaan yang agak besar antara responden yang bersetuju dengan yang tidak bersetuju dari semua taraf pendidikan mengenai pandangan bahawa wang yang disedekahkan sama pahalanya dengan ibadah umrah terutamanya bagi responden yang tidak bersekolah jika dibandingkan dengan mereka yang berpendidikan. Ini menunjukkan bahawa taraf pendidikan turut memberi kesan terhadap persoalan pandangan yang dikemukakan.

**Jadual 2.0.9 : Hubungan taraf pendidikan dengan erti *sabīl Allāh*.**

|  | Sek.<br>Rendah<br>(%) | Sek. Men. /<br>Vokasional<br>(%) | Kolej/Maktab<br>(%) | Universiti<br>(%)   | Tidak<br>Bersekolah<br>(%) |
|--|-----------------------|----------------------------------|---------------------|---------------------|----------------------------|
| Perang<br>menegakkan<br>agama  | 11<br>(61.1)          | 33<br>(30.6)                     | 31<br>(38.8)        | 18<br>(20.9)        | 3<br>(75)                  |
| Meliputi<br>semua kerja<br>kebajikan<br>dengan niat<br>mendapat<br>keredhaan | 7<br>(38.9)           | 75<br>(69.4)                     | 49<br>(24.5)        | 68<br>(79.1)        | 1<br>(25)                  |
| <b>Jumlah</b>  | <b>18<br/>(100)</b>   | <b>108<br/>(100)</b>             | <b>80<br/>(100)</b> | <b>86<br/>(100)</b> | <b>4<br/>(100)</b>         |

**Sumber:** Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).

Jadual 2.0.9 di atas merupakan kajian hubungan taraf pendidikan dengan erti *sabīl Allāh*. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa responden yang memberi erti sabilillah dengan makna berperang pada jalan Allah dari pelbagai taraf pendidikan iaitu 61.1% dari taraf pendidikan Sekolah Rendah, 30.6% dari Sekolah Menengah / Vokasional, 38.8% dari taraf Kolej / Maktab, 20.9% dari taraf Universiti dan 75% dari responden yang tidak bersekolah.

Manakala responden yang mengertikannya dengan makna meliputi semua kerja–kerja kebajikan dengan niat semata-mata mendapat keredaan Allah terdiri daripada 38.9% dari taraf pendidikan Sekolah Rendah, 69.4% dari taraf Sekolah Menengah / Vokasional, 24.5% dari taraf Kolej / Maktab, 79.1% dari taraf Universiti dan 25% dari responden yang tidak bersekolah.

Kesimpulan dari huraiān tersebut, jelaslah bahawa latarbelakang taraf pendidikan responden dari sekolah menengah dan universiti lebih memahami erti sabilillah dengan lebih tepat dan makna yang lebih luas jika dibandingkan dengan lain–lain taraf pendidikan dengan mengertikan sabilillah iaitu meliputi semua kerja–kerja kebajikan dengan niat semata–mata mendapat keredaan Allah. Ini bererti latarbelakang pendidikan turut memberi kesan kepada memahami erti *sabīl Allāh* yang sebenar.

**Jadual 2.0.10: Hubungan taraf pendidikan dengan pandangan responden bahawa sumber pendapatan untuk tabung derma diperolehi melalui zakat, sedekah jariah, nazar dan sumbangan-sumbangan lain.**

|                    | Sek.<br>Rendah<br>(%) | Sek.<br>Menengah /<br>Vokasional<br>(%) | Kolej/Maktab<br>(%) | Universiti<br>(%)   | Tidak<br>Bersekolah<br>(%) |
|--------------------|-----------------------|---|---------------------|---------------------|----------------------------|
| Setuju             | 17<br>(94.4)          | 107<br>(97.3)                           | 75<br>(96.2)        | 78<br>(89.7)        | 4<br>(100)                 |
| Tidak<br>bersetuju | 1<br>(5.6)            | 3<br>(2.7)                              | 3<br>(3.8)          | 9<br>(10.3)         | 0<br>(0)                   |
| <b>Jumlah</b>      | <b>18<br/>(100)</b>   | <b>111<br/>(100)</b>                    | <b>78<br/>(100)</b> | <b>87<br/>(100)</b> | <b>4<br/>(100)</b>         |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Jadual 2.0.10 di atas merupakan dapatan kajian hubungan taraf pendidikan responden dengan pandangan bahawa sumber pendapatan untuk tabung derma di

perolehi melalui zakat, sedekah jariah, nazar dan sumbangan-sumbangan lain. Dapatkan menunjukkan bahawa 94.4% responden dari taraf pendidikan Sekolah Rendah bersetuju dengan pandangan tersebut. Sementara responden dari lain-lain taraf pendidikan yang turut bersetuju dengan pandang tersebut terdiri daripada Sekolah Menengah / Vokasional 97.3%, taraf Kolej / Maktab 96.2%, taraf Universiti 89.7% dan 100% dari responden yang tidak bersekolah. Manakala responden yang tidak bersetuju dengan pandangan tersebut didapati 5.6% daripada responden bertaraf pendidikan Sekolah Rendah. Sementara lain lainnya iaitu 2.7% dari taraf Sekolah Menengah / Vokasional, 3.8% daripada taraf Kolej / Maktab dan 10.3% daripada taraf Universiti.

Kesimpulannya menunjukkan bahawa majoriti responden dari pelbagai taraf pendidikan bersetuju dengan persoalan pandangan yang dikemukakan di dalam jadual 10 ini jika dibandingkan dengan yang tidak bersetuju serta tidak menunjukkan apa-apa kesan di sebalik kelainan taraf pendidikan di antara responden.

**Jadual 2.0.11: Hubungan taraf pendidikan dengan pandangan responden bahawa selain daripada mengerjakan ibadah umrah berulang kali terdapat kewajipan-kewajipan utama yang lain terhadap masyarakat.**

|                    | Sek.<br>Rendah<br>(%) | Sek.<br>Menengah /<br>Vokasional<br>(%) | Kolej/Maktab<br>(%) | Universiti<br>(%)   | Tidak<br>Bersekolah<br>(%) |
|--------------------|-----------------------|---|---------------------|---------------------|----------------------------|
| Setuju             | 18<br>(100)           | 103<br>(92.8)                           | 76<br>(95)          | 85<br>(97.7)        | 4<br>(100)                 |
| Tidak<br>bersetuju | 0<br>(0)              | 8<br>(7.2)                              | 4<br>(5)            | 2<br>(2.3)          | 0<br>(0)                   |
| <b>Jumlah</b>      | <b>18<br/>(100)</b>   | <b>111<br/>(100)</b>                    | <b>80<br/>(100)</b> | <b>87<br/>(100)</b> | <b>4<br/>(100)</b>         |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Jadual 2.0.11 di atas merupakan analisa diantara hubungan taraf pendidikan responden dengan seperti pandangan yang dikemukakan di atas. Dapatan menunjukkan bahawa responden yang bersetuju dengan pandangan tersebut yang terbanyak adalah dari taraf pendidikan Sekolah Rendah dan responden yang tidak bersekolah iaitu masing-masing 100% serta di susuli dengan taraf pendidikan yang lainnya iaitu 97.7% dari taraf Universiti, 92.8% dari taraf Sekolah Menengah / Vokasional dan 95% dari taraf Kolej / Maktab. Manakala responden yang tidak bersetuju terhadap pandangan tersebut pula, Hanya melibatkan tiga taraf pendidikan sahaja iaitu 7.2% dari taraf pendidikan Sekolah Menengah , 5% dari taraf pendidikan Kolej / Maktab dan 2.3% dari taraf Universiti.

Secara umumnya dapat dirumuskan bahawa keseluruhan responden mempunyai tahap kefahaman yang tinggi walaupun dari taraf pendidikan yang berbeza terhadap pandangan yang dikemukakan. Namun didapati responden dari taraf pendidikan Sekolah Rendah dan yang tidak bersekolah keseluruhannya 100% bersetuju dengan pandangan tersebut dan secara langsung faktor taraf pendidikan tidak menjadi penghalang atau mempengaruhi pandangan responden.

**Jadual 2.0.12: Hubungan taraf pendidikan dengan sebab-sebab responden bersetuju dengan kenyataan selain daripada mengerjakan umrah berulangkali terdapat kewajipan-kewajipan utama yang lain terhadap masyarakat.**

|  | Sek. Rendah (%) | Sek. Men./Vokasional (%) | Kolej/Maktab (%) | Universiti (%) | Tidak Bersekolah (%) |
|--|-----------------|--------------------------|------------------|----------------|----------------------|
| Terdapat banyak ayat Al-Qu'ran dan hadith yang menganjurkannya | 11<br>(64.7)    | 41<br>(39.8)             | 40<br>(57.1)     | 37<br>(47.4)   | 0<br>(0)             |
| Di dalam melaksanakan hak-hak Allah                            | 5<br>(29.4)     | 31<br>(30.1)             | 15<br>(21.4)     | 22<br>(28.2)   | 3<br>(75.0)          |

|  |                     |                      |                     |                     |                    |
|--|---------------------|----------------------|---------------------|---------------------|--------------------|
| terdapat di sana hak masyarakat                      |                     |                      |                     |                     |                    |
| Ianya sebagai salah satu cabang jihad di jalan Allah | 1<br>(5.9)          | 31<br>(30.1)         | 15<br>(21.4)        | 19<br>(24.4)        | 1<br>(25)          |
| <b>Jumlah</b>  | <b>17<br/>(100)</b> | <b>103<br/>(100)</b> | <b>70<br/>(100)</b> | <b>78<br/>(100)</b> | <b>4<br/>(100)</b> |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Jadual 2.0.12 di atas merupakan analisa hubungan taraf pendidikan dengan sebab-sebab responden bersetuju dengan pandangan seperti di dalam jadual 11. Dapatan menunjukkan bahawa responden yang beralasan terdapat banyak ayat - ayat al-Qur'ān dan al-Hadith yang menganjurkannya terdiri daripada 64.7% dari taraf pendidikan Sekolah Rendah, 39.8% dari taraf Sekolah Menengah / Vokasional, 57.1% dari taraf Kolej / Maktab, 47.4% dari taraf Universiti dan tiada jawapan dari responden yang tidak bersekolah. Manakala responden yang beralasan di dalam melaksanakan hak-hak Allah terdapat di sana hak-hak masyarakat adalah terdiri daripada 29.4% dari taraf pendidikan Sekolah Rendah, 30.1% dari taraf Sekolah Menengah / Vokasional, 21.4% dari taraf Kolej / Maktab, 28.2% dari taraf Universiti dan 75% dari responden yang tidak bersekolah.

Sementara dengan alasan lainnya iaitu ianya sebagai salah satu cabang jihad di jalan Allah, juga menjadi pilihan bagi sebahagian responden dari semua taraf pendidikan. Dapatan menunjukkan bahawa responden bertaraf pendidikan Sekolah Rendah 5.9%. Manakala lain-lainnya iaitu 30.1% dari taraf Sekolah Menengah / Vokasional, 21.4% dari taraf Kolej / Maktab, 24.4% dari taraf Universiti dan 25% dari responden yang tidak bersekolah.

Hasil daripada faktor-faktor yang ditunjukkan oleh jadual mendapatkan bahawa faktor pertama iaitu terdapat banyak ayat-ayat al-Qur'an dan al-Hadith yang menganjurkannya menjadi pilihan tertinggi responden tanpa mengira taraf pendidikan kecuali responden yang tidak bersekolah sahaja serta menunjukkan kesederhanaan kefahaman responden di dalam permasalahan berkaitan jika dibandingkan dengan faktor yang kedua adalah lebih tepat. Jadual juga turut menunjukkan bahawa taraf pendidikan tidak mempengaruhi terhadap faktor-faktor tersebut.

**Jadual 2.0.13: Hubungan taraf pendidikan dengan perkara yang menjadi keutamaan bagi memenuhi tujuan sedekah.**

|   | Sek.<br>Rendah<br>(%) | Sek<br>.Menengah/<br>Vokasional<br>(%) | Kolej/<br>Maktab<br>(%) | Universiti<br>(%)   | Tidak<br>Bersekolah<br>(%) |
|---|-----------------------|--|-------------------------|---------------------|----------------------------|
| Memenuhi tuntutan agama                           | 10<br>(62.4)          | 76<br>(83.5)                           | 52<br>(71.2)            | 58<br>(83.3)        | 1<br>(25)                  |
| Tuntutan hidup bermasyarakat                      | 1<br>(6.3)            | 6<br>(6.6)                             | 15<br>(20.5)            | 7<br>(10.3)         | 0<br>(0)                   |
| Meningkatkan taraf pendidikan sesebuah masyarakat | 4<br>(25)             | 6<br>(6.6)                             | 5<br>(6.8)              | 3<br>(4.4)          | 0<br>(0)                   |
| Untuk meningkatkan ekonomi                        | 1<br>(6.3)            | 3<br>(3.3)                             | 1<br>(1.4)              | 0<br>(0)            | 3<br>(75)                  |
| <b>Jumlah</b>                                     | <b>16<br/>(100)</b>   | <b>91<br/>(100)</b>                    | <b>73<br/>(100)</b>     | <b>68<br/>(100)</b> | <b>4<br/>(100)</b>         |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Jadual 2.0.13 di atas menjelaskan perkara yang menjadi keutamaan bagi responden bagi memenuhi tujuan sedekah dan kaitannya dengan taraf pendidikan.

Dapatan menunjukkan bahawa responden yang memilih memenuhi tuntutan agama (merangkumi semua aspek kehidupan) sebagai perkara yang utama bagi tujuan sedekah adalah terdiri daripada 62.4% dari taraf pendidikan Sekolah Rendah, 83.5% dari taraf Sekolah Menengah / Vokasional, 71.2% dari taraf Kolej / Maktab , 83.3% dari taraf Universiti dan 25% dari responden yang tidak bersekolah.

Manakala alasan sebagai tuntutan hidup bermasyarakat menjadi keutamaan bagi memenuhi tujuan sedekah pula, dapatan menunjukkan jumlah yang terbanyak iaitu 20.5% adalah terdiri daripada responden dari taraf Pendidikan Kolej / Maktab berbanding dengan lainnya iaitu 6.3% dari taraf Sekolah Rendah, 6.6% dari taraf Sekolah Menengah / Vokasional dan 10.3% dari taraf Universiti . Tiada jawapan dari responden yang tidak bersekolah.

Sementara yang memilih meningkatkan taraf pendidikan sebuah masyarakat sebagai faktor utama bagi memenuhi tujuan sedekah, responden dari taraf pendidikan Sekolah Rendah adalah yang terbanyak iaitu 25% jika dibandingkan dengan selebihnya yang terdiri daripada 6.6% dari taraf Sekolah Menengah / Vokasional, 6.8% bertaraf Kolej / Maktab, 4.4% taraf Universiti dan tiada jawapan dari responden yang tidak bersekolah.

Adapun dengan tujuan untuk meningkatkan ekonomi sebagai perkara utama bagi memenuhi tujuan sedekah jumlah terbanyak 75% terdiri dari taraf responden yang tidak bersekolah. Sementara selainnya iaitu dari taraf Sekolah Rendah 6.3%, dari taraf Sekolah Menengah / Vokasional iaitu 3.3% dan dari taraf pendidikan Kolej / Maktab 1.4%. Manakala responden dari taraf pendidikan universiti tiada apa-apa jawapan.

Hasil kajian tersebut jelaslah menunjukkan bahawa kebanyakan responden dari semua taraf pendidikan kecuali responden yang tidak bersekolah mempunyai kefahaman yang tinggi dalam ibadah sedekah dan membuat pemilihan yang tepat dengan memilih faktor memenuhi tuntutan agama sebagai perkara utama dalam memenuhi tujuan tersebut. Sementara sejumlah 75% responden yang tidak bersekolah telah menjadikan sebab utama mereka bagi tujuan sedekah ialah untuk meningkatkan ekonomi. Maka dengan ini taraf pendidikan didapati mempengaruhi tahap kefahaman responden.

## **2.1– Aliran Pendidikan**

**Jadual 2.1.1: Hubungan aliran pendidikan dengan pandangan responden terhadap pemilik harta sebenar.**

|  | <b>Sek Biasa<br/>(%)</b> | <b>Sek Agama<br/>(%)</b> | <b>Pondok<br/>(%)</b> |
|--|--------------------------|--------------------------|-----------------------|
| Allah  | 67<br>(26.9)             | 15<br>(35.7)             | 2<br>(33.3)           |
| Manusia  | 2<br>(0.8)               | 0<br>(0)                 | 1<br>(16.7)           |
| Allah pemilik hakiki dan manusia pemilik sementara | 180<br>(72.3)            | 27<br>(64.3)             | 3<br>(50)             |
| <b>Jumlah</b>                                      | <b>249<br/>(100)</b>     | <b>42<br/>(100)</b>      | <b>6<br/>(100)</b>    |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Jadual 2.1.1 di atas merupakan analisa pandangan responden terhadap pemilik sebenar harta dengan aliran pendidikan. Dapatan menunjukkan bahawa 26.9% responden dari aliran sekolah biasa berpandangan bahawa Allah adalah pemilik sebenar harta dan selebihnya 0.8% mengatakan Allah adalah Pemilik sebenar dan 72.3% berpandangan Allah pemilik hakiki dan manusia pemilik sementara (*majāzī*).

Manakala dari aliran Sekolah Agama pula, 35.7% mengatakan Allah pemilik harta sebenar dan 64.3% lagi mengatakan Allah pemilik hakiki dan manusia pemilik sementara dan tiada responden dalam aliran ini berpandangan manusia pemilik sebenar harta. Adapun dari aliran pondok pula, 50% berpendapat bahawa Allah pemilik hakiki dan manusia pemilik sementara. Manakala selebihnya 33.3% berpandangan Allah pemilik sebenar dan 16.7% mengatakan Allah pemilik sebenar harta.

Ini menunjukkan bahawa tahap kefahaman responden dari aliran Sekolah biasa lebih tinggi jika dibandingkan dengan aliran Sekolah Agama dan Pondok. Ini terbukti dengan pemilihan jawapan yang tepat dan lengkap bahawa Allah pemilik hakiki dan manusia pemilik sementara (*majāzī*). Dengan itu aliran pendidikan diterima sebagai faktor yang mempengaruhi tahap kefahaman responden dalam memahami status pemilikan harta yang sebenar untuk tujuan sedekah atau infak.

**Jadual 2.1.2: Hubungan aliran pendidikan dengan pandangan bahawa di dalam harta milik peribadi terdapat hak orang ramai.**

|                 | Sek. Biasa (%)             | Sek. Agama (%)            | Pondok (%)               |
|-----------------|----------------------------|---------------------------|--------------------------|
| Setuju          | 189<br>(75.9)              | 36<br>(85.7)              | 6<br>(100)               |
| Tidak bersetuju | 20<br>(8)                  | 3<br>(7.1)                | 0<br>(0)                 |
| Kurang pasti    | 40<br>(16.1)               | 3<br>(7.1)                | 0<br>(0)                 |
| <b>Jumlah</b>   | <b>249</b><br><b>(100)</b> | <b>42</b><br><b>(100)</b> | <b>6</b><br><b>(100)</b> |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Jadual 2.1.2 di atas kajian pandangan atau pendapat responden mengenai bahawa di dalam harta milik peribadi terdapat hak orang ramai dan kaitannya dengan aliran pendidikan. Dapatan menunjukkan bahawa 75.9% dari aliran Sekolah Biasa bersetuju dengan pandangan tersebut. Sementara bakinya 8% tidak bersetuju dan 16.1% kurang pasti. Manakala dari aliran Sekolah Agama pula, sebanyak 85.8% bersetuju dengan pandangan tersebut, dan dari selebihnya dari aliran Sekolah Agama dan Pondok masing –masing 7.1%. Sementara dari aliran Pondok 100% bersetuju dengan pandangan tersebut.

Hasil kajian menunjukkan bahawa aliran pendidikan turut mempengaruhi pandangan atau pendapat responden kerana didapati responden dari aliran Pondok keseluruhannya bersetuju dengan pandangan tersebut dan menunjukkan kefahaman mereka yang tinggi jika dibandingkan dari aliran lain yang masih ramai responden yang tidak bersetuju dan kurang pasti dengan pandangan yang dikemukakan ini. Namun secara keseluruhannya didapati sebahagian besar dari jumlah responden bersetuju dengan pandangan tersebut.

**Jadual 2.1.3: Hubungan aliran pendidikan dengan pandangan responden bahawa masyarakat Islam di daerah kajian terdiri daripada pelbagai taraf kehidupan**

|                 | Sek. Biasa<br>(%)          | Sek. Agama<br>(%)         | Pondok<br>(%)            |
|-----------------|----------------------------|---------------------------|--------------------------|
| Setuju          | 242<br>(97.2)              | 38<br>(92.7)              | 6<br>(100)               |
| Tidak bersetuju | 7<br>(2.8)                 | 3<br>(7.3)                | 0<br>(0)                 |
| <b>Jumlah</b>   | <b>249</b><br><b>(100)</b> | <b>41</b><br><b>(100)</b> | <b>6</b><br><b>(100)</b> |

**Sumber:** Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).

Jadual 2.1.3 di atas menjelaskan pendapat atau persetujuan responden mengenai kepelbagaiannya taraf kehidupan masyarakat Islam di daerah kajian serta kaitannya dengan aliran pendidikan. Dapatan menunjukkan bahawa 97.2% responden dari aliran pendidikan sekolah biasa bersetuju dengan pendapat atau pandangan tersebut dan bakinya 2.8% tidak bersetuju. Manakala dari aliran pendidikan Sekolah Agama pula 92.7% bersetuju dan 7.3% tidak bersetuju. Sementara dari aliran Pondok keseluruhannya 100% bersetuju dengan pandangan tersebut.

Maka dengan ini jelas menunjukkan bahawa aliran pendidikan tidak menjadi faktor yang mempengaruhi pandangan responden kerana hampir keseluruhan responden bersetuju dengan pandangan yang dikemukakan tersebut dan bertepatan dengan reliti didaerah kajian.

**Jadual 2.1.4: Hubungan aliran pendidikan dengan pandangan bahawa selain kerajaan, orang kaya juga bertanggungjawab untuk mengatasi masalah kemiskinan.**

|                 | Sek Biasa<br>(%)           | Sek Agama<br>(%)          | Pondok<br>(%)            |
|-----------------|----------------------------|---------------------------|--------------------------|
| Setuju          | 248<br>(99.6)              | 42<br>(100)               | 6<br>(100)               |
| Tidak bersetuju | 1<br>(0.4)                 | 0<br>(0)                  | 0<br>(0)                 |
| <b>Jumlah</b>   | <b>249</b><br><b>(100)</b> | <b>42</b><br><b>(100)</b> | <b>6</b><br><b>(100)</b> |

**Sumber:** Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).

Jadual 2.1.4 di atas merupakan kajian mendapatkan pandangan atau pendapat responden mengenai bahawa selain kerajaan, orang kaya juga bertanggungjawab untuk mengatasi masalah kemiskinan dan kaitannya dengan aliran pendidikan. Dapatan menunjukkan bahawa 99.6% responden dari aliran pendidikan sekolah biasa bersetuju

dengan pandangan tersebut dan selebihnya 0.4% lagi tidak bersetuju. Manakala dari aliran Sekolah Agama dan pondok keseluruhannya masing-masing 100% bersetuju dengan pandangan tersebut.

Kesimpulannya menunjukkan bahawa dengan majoriti hampir keseluruhan responden bersetuju dengan pandangan tersebut dan membuktikan bahawa mereka mempunyai kefahaman yang tinggi jika dibandingkan dengan jumlah yang sedikit 0.4% yang tidak bersetuju serta jadual menunjukkan bahawa aliran pendidikan tidak menjadi faktor yang mempengaruhi dan membezakan pandangan responden dalam masalah tersebut.

**Jadual 2.1.5: Hubungan aliran pendidikan dengan kedudukan sedekah yang disalurkan.**

|                         | <b>Sek. Biasa<br/>(%)</b> | <b>Sek. Agama<br/>(%)</b> | <b>Pondok<br/>(%)</b> |
|-------------------------|---------------------------|---------------------------|-----------------------|
| Secara ehsan            | 116<br>(47.7)             | 21<br>(51.2)              | 4<br>(66.7)           |
| Sebagai suatu kewajipan | 127<br>(52.3)             | 20<br>(48.8)              | 2<br>(33.3)           |
| <b>Jumlah</b>           | <b>243<br/>(100)</b>      | <b>41<br/>(100)</b>       | <b>6<br/>(100)</b>    |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Jadual 2.1.5 di atas merupakan analisa bentuk sedekah yang akan disalurkan bagi responden yang bersetuju dengan pandangan yang terdapat di dalam jadual 4 dan kaitannya dengan aliran pendidikan. Dapatkan menunjukkan bahawa 47.7% responden dari sekolah biasa menyalurkan sedekah dengan cara ehsan dan selebihnya 52.3% adalah sebagai suatu kewajipan . Manakala dari aliran Sekolah Agama pula, 51.2% adalah secara ehsan dan 48.8% adalah sebagai suatu kewajipan . Sementara dari aliran

Pondok pula, dapatan menunjukkan 66.7% adalah secara ehsan dan 33.3% adalah sebagai suatu kewajipan.

Maka hasil kajian menunjukkan aliran pendidikan tidak menjadi faktor yang mempengaruhi responden di dalam bentuk kedudukan sedekah yang disalurkan kerana hampir terdapat keseimbangan diantara dua kedudukan tersebut samaada secara ehsan atau sebagai suatu kewajipan dari semua aliran pendidikan responden.

**Jadual 2.1.6: Hubungan aliran pendidikan dengan peratusan pendapatan bulanan yang dibelanjakan untuk tujuan sedekah.**

|                          | <b>Sek Biasa<br/>(%)</b> | <b>Sek Agama<br/>(%)</b> | <b>Pondok<br/>(%)</b> |
|--------------------------|--------------------------|--------------------------|-----------------------|
| 1% hingga 20%            | 194<br>(78.2)            | 31<br>(73.8)             | 4<br>(66.7)           |
| 21% hingga 40%           | 17<br>(6.9)              | 6<br>(14.3)              | 1<br>(16.7)           |
| 41% hingga 60%           | 4<br>(1.6)               | 0<br>(0)                 | 1<br>(16.7)           |
| 61% ke atas              | 1<br>(0.4)               | 0<br>(0)                 | 0<br>(0)              |
| Tiada peruntukan sedekah | 32<br>(12.9)             | 5<br>(11.9)              | 0<br>(0)              |
| <b>Jumlah</b>            | <b>248<br/>(100)</b>     | <b>42<br/>(100)</b>      | <b>6<br/>(100)</b>    |

**Sumber: Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Jadual 2.1.6 di atas merupakan analisa peratusan pendapatan yang diperuntukan oleh responden dengan kaitannya dengan aliran pendidikan. Dapatan menunjukkan bahawa responden dari aliran sekolah biasa kebanyakannya menyumbang sekitar 1 hingga 20% iaitu sebanyak 78.2%. Sementara lainnya 6.9% menyumbang antara 21 hingga 40% dari pendapatan bulanan. 1.6% responden menyumbang antara 41 hingga

60% dan 0.4% menyumbang 60% ke atas. Terdapat 12.9% responden dari aliran ini tiada apa-apa peruntukan untuk tujuan sedekah.

Manakala dari aliran Sekolah Agama pula, kebanyakannya menyumbang antara 1 hingga 20% iaitu sebanyak 73.8% dari jumlah responden dan 14.3% lagi sejumlah antara 21 hingga 40% dari pendapatan bulanan. Sementara peruntukan antara 41 hingga 60% dan ke atas tiada peruntukan dari aliran ini. Masih terdapat 11.9% dari jumlah responden dari aliran ini yang tiada peruntukan bagi tujuan sedekah. Dari aliran pondok pula, kebanyakannya menyumbang 1 hingga 20% iaitu sejumlah 66.7% dan selebihnya 21 hingga 40% dengan 41 hingga 60% masing-masing 16.7%. Sementara lainnya tiada jawapan dari aliran ini.

Kajian ini menunjukkan bahawa aliran pendidikan menjadi faktor kepada kefahaman responden terhadap ibadah sedekah kerana masih terdapat responden dari aliran sekolah biasa dan sekolah agama yang tiada langsung peruntukan untuk tujuan sedekah. Penjelasan perlu ditingkatkan agar mereka memahami tuntutan dan tanggungjawab bersama di dalam mengendalikan harta atau pendapatan yang diperolehi.

Jadual juga menunjukkan bahawa responden dari aliran Pondok mempunyai kefahaman yang tinggi dalam masalah ini dan kerseluruhannya menyediakan peruntukan untuk tujuan sedekah daripada pendapatan bulanan jika dibandingkan dengan lain-lain aliran pendidikan. Namun begitu kebanyakkan responden dari setiap aliran masing-masing memperuntukkan 1 hingga 20% dari pendapatan bulanan untuk tujuan sedekah.

**Jadual 2.1.7: Hubungan aliran pendidikan dengan pandangan terhadap bentuk perlaksanaan sedekah.**

| Bentuk Perlaksanaan | Sek Biasa (%)              | Sek Agama (%)             | Pondok (%)               |
|---------------------|----------------------------|---------------------------|--------------------------|
| Tetap               | 47<br>(19)                 | 14<br>(34.1)              | 0<br>(0)                 |
| Sementara           | 200<br>(81)                | 27<br>(65.9)              | 6<br>(100)               |
| <b>Jumlah</b>       | <b>247</b><br><b>(100)</b> | <b>42</b><br><b>(100)</b> | <b>6</b><br><b>(100)</b> |

**Sumber : Borang soal selidik (kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu).**

Jadual 2.1.7 di atas menunjukkan kajian mengenai bentuk perlaksanaan sedekah yang dilakukan oleh responden dan kaitannya dengan aliran pendidikan. Dapatkan menunjukkan bahawa 19% responden dari aliran pendidikan Sekolah Biasa melakukan sedekah secara tetap dan 81% lagi secara sementara (sekali-sekala). Manakala dari aliran Sekolah Agama pula 34.1% melakukannya secara tetap dan bakinya 65.9% secara sementara (sekala-sekala). Sementara dari aliran pondok pula, kesemuanya 100% melakukannya secara sementara (sekali-sekala).

Dengan keterangan tersebut jelaslah bahawa aliran pendidikan tidak menjadi faktor kepada bentuk perlaksanaan sedekah kerana hampir terdapat persamaan di antara responden yang melaksanakannya secara tetap dan secara sementara jika dibandingkan bagi setiap aliran.

**Jadual 2.1.8: Hubungan aliran pendidikan dengan pandangan bahawa wang yang di sedekahkan sama pahalanya dengan ibadah umrah.**

| Pandangan | Sek Biasa (%) | Sek Agama (%) | Pondok (%) |
|-----------|---------------|---------------|------------|
| Setuju    | 160           | 28            | 3          |

|                 |                      |                     |                    |
|-----------------|----------------------|---------------------|--------------------|
|                 | (66.7)               | (66.7)              | (50)               |
| Tidak bersetuju | 80<br>(33.3)         | 14<br>(33.3)        | 3<br>(50)          |
| <b>Jumlah</b>   | <b>240<br/>(100)</b> | <b>42<br/>(100)</b> | <b>6<br/>(100)</b> |

**Sumber: Borang soal selidik ( kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu ).**

Jadual 2.1.8 di atas menunjukkan analisa pendapat responden mengenai pandangan mengatakan wang yang di sedekahkan sama pahalanya dengan ibadah umrah. Dapatan menunjukkan bahawa lebih daripada separuh rersponden dari dari aliran sekolah biasa dan Sekolah Agama iaitu masing–masing 66.7% bersetuju dengan pandangan tersebut dan selebihnya masing–masing 33.3% tidak bersetuju. Manakala responden aliran pondok pula, yang bersetuju dan yang tidak dengan cadangan tersebut sama banyak iaitu 50%.

Dengan ini jelas menunjukkan bahawa latarbelakang aliran pendidikan responden tidak banyak memberi kesan kepada pendapat yang dikemukakan. Kebanyakan responden dari semua aliran bersetuju dengan pandangan tersebut.

#### **Jadual 2.1.9: Hubungan aliran pendidikan dengan erti *sabūl Allāh*.**

| <b>Erti <i>Sabil Allāh</i></b>                                | <b>Sek Biasa (%)</b> | <b>Sek Agama (%)</b> | <b>Pondok (%)</b>  |
|---|----------------------|----------------------|--------------------|
| Perang menegakkan agama                                       | 80<br>(32.7)         | 9<br>(21.4)          | 4<br>(66.7)        |
| Meliputi semua kerja kebajikan dengan niat mendapat keredhaan | 165<br>(67.3)        | 33<br>(78.6)         | 2<br>(33.3)        |
| <b>Jumlah</b>   | <b>245<br/>(100)</b> | <b>42<br/>(100)</b>  | <b>6<br/>(100)</b> |

**Sumber : Borang soal selidik ( kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu ).**

Jadual 2.1.9 di atas merupakan analisa kefahaman responden terhadap erti *sabīl Allāh* dan kaitannya dengan aliran pendidikan. Dapatkan menunjukkan bahawa 32.7% responden dari aliran sekolah biasa mengertikan *sabīl Allāh* dengan makna perang menegakkan agama Allah dan bakinya lagi 67.3% mengertikan dengan maksud meliputi semua kerja–kerja kebajikan dengan niat semata-mata mendapat keredaan Allah.

Manakala responden dari aliran Sekolah Agama 21.4% darinya mengertikan *sabīl Allāh* dengan makna perang pada jalan Allah dan bakinya 78.6% mengertikan dengan maksud meliputi semua kerja–kerja kebajikan dengan niat semata-mata mendapat keredaan Allah. Sementara dari aliran Pondok pula, 66.7% mentakrifkan *sabīl Allāh* dengan makna perang pada jalan Allah dan 33.3% lagi mengertikan dengan maksud meliputi semua kerja-kerja kebajikan dengan niat semata-mata mendapat keredaan Allah.

Hasil kajian menunjukkan bahawa aliran pendidikan menjadi faktor kepada kefahaman responden terhadap erti *sabīl Allāh* kerana didapati majoriti responden dari aliran sekolah biasa dan aliran Sekolah Agama lebih tinggi daripada aliran Pondok dengan mengertikan *sabīl Allāh* meliputi semua kerja–kerja kebajikan dengan niat semata–mata mendapat keredaan Allah yang suatu pemilihan yang lebih tepat dan lebih luas ertinya serta merangkumi konsep ibadah sedekah jika dibandingkan dengan erti perang pada jalan Allah taala sahaja.

**Jadual 2.1.10: Hubungan aliran pendidikan dengan pandangan bahawa sumber pendapatan uantuk tabung kebajian di perolehi melalui zakat, sedekah jariah, nazar dan sumbangansumbangan lain.**

| Pandangan       | Sek Biasa (%)              | Sek Agama (%)             | Pondok (%)               |
|-----------------|----------------------------|---------------------------|--------------------------|
| Setuju          | 234<br>(95.1)              | 39<br>(92.9)              | 5<br>(83.3)              |
| Tidak bersetuju | 12<br>(4.9)                | 3<br>(7.1)                | 1<br>(16.7)              |
| <b>Jumlah</b>   | <b>246</b><br><b>(100)</b> | <b>42</b><br><b>(100)</b> | <b>6</b><br><b>(100)</b> |

**Sumber: Borang soal selidik ( kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu ).**

Jadual 2.1.10 di atas dapatan menunjukkan bahawa responden dari aliran sekolah biasa yang bersetuju dengan pandangan mengatakan bahawa sumber pendapatan tabung kebajikan diperolehi melalui zakat, sedekah jariah, nazar dan sumbangansumbangan lain ialah 95.1% dan 4.9% lagi tidak bersetuju. Manakala dari aliran Sekolah Agama yang bersetuju dengan pandangan tersebut 92.9% dan yang tidak bersetuju 7.1%. Sementara dari aliran Pondok pula, 83.3% bersetuju dan 16.7% tidak bersetuju.

Dengan ini dapat dirumuskan bahawa hampir keseluruhan responden dari setiap aliran pendidikan bersetuju dengan pandangan tersebut dan juga menunjukkan aliran pendidikan tidak mempengaruhi responden didalam mengemukakan pendapat berkaitan pandangan di atas. Disamping itu juga membuktikan kefahaman konsep infak yang tinggi serta kematangan pemikiran responden yang meluas berkaitan dengan sumber tabung kebajikan yang tidak memfokuskan kepada sedekah jariah sahaja.

**Jadual 2.1.11: Hubungan aliran pendidikan dengan pandangan responden bahawa selain daripada mengerjakan ibadat umrah berulang kali terdapat kewajipan-kewajipan utama yang lain terhadap masyarakat.**

| Pandangan       | Sek Biasa (%)              | Sek Agama (%)             | Pondok (%)               |
|-----------------|----------------------------|---------------------------|--------------------------|
| Setuju          | 237<br>(95.7)              | 41<br>(97.6)              | 5<br>(83.3)              |
| Tidak bersetuju | 12<br>(4.8)                | 1<br>(2.4)                | 1<br>(16.7)              |
| <b>Jumlah</b>   | <b>249</b><br><b>(100)</b> | <b>42</b><br><b>(100)</b> | <b>6</b><br><b>(100)</b> |

**Sumber: Borang soal selidik ( kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu ).**

Jadual 2.1.11 di atas merupakan kajian terhadap pandangan atau pendapat responden terhadap pandangan bahawa selain daripada mengerjakan umrah berulang kali terdapat kewajipan-kewajipan utama yang lain terhadap masyarakat dan kaitannya dengan aliran pendidikan. Dapatan menunjukkan bahawa 95.2% daripada responden dari aliran Sekolah Biasa bersetuju dengan pandangan tersebut dan 4.85 lagi tidak bersetuju . Manakala dari aliran Sekolah Agama 97.6% bersetuju dengan pandangan di atas dan selebihnya 2.4% tidak bersetuju. Sementara dari aliran Pondok 83.3% bersertuju dengan pandangan tersebut dan bakinya 16.7% tidak bersetuju.

Hasil kajian di atas menunjukkan bahawa peratusan responden dari semua aliran pendidikan yang bersetuju dengan pandangan yang dikemukakan tersebut amat memberangsangkan jika dibandingkan dengan yang tidak bersetuju. Kepelbagaiannya kewajipan di dalam Islam suatu perkara yang tidak dapat dinafikan bagi setiap muslim. Sementara dari sudut keutamaan perlaksanaan kewajipan-kewajipan tersebut terdapat perbezaan pendapat. Oleh demikian, didapati bahawa latarbelakang aliran pendidikan responden tidak mempengaruhi mereka bagi mengemukakan pandangan atau pendapat

tersebut. Namun secara umumnya menunjukkan juga bahawa rata-rata responden mempunyai kefahaman yang tinggi di dalam konteks ibadah sedekah.

**Jadual 2.1.12: Hubungan aliran pendidikan dengan sebab – sebab responden bersetuju dengan pandangan bahawa selain daripada mengerjakan ibadah umrah berulangkali terdapat kewajipan-kewajipan utama yang lain terhadap masyarakat.**

| Sebab Persetujuan   | Sek. Biasa (%)       | Sek. Agama (%)      | Pondok (%)         |
|---|----------------------|---------------------|--------------------|
| Terdapat banyak ayat al-Qur'ān dan hadith yang menganjurkannya      | 107<br>(48)          | 18<br>(45)          | 4<br>(66.7)        |
| Di dalam melaksanakan hak-hak Allah terdapat di sana hak masyarakat | 59<br>(26.5)         | 12<br>(30)          | 2<br>(33.3)        |
| Ianya sebagai salah satu cabang jihad di jalan Allah                | 57<br>(25.6)         | 10<br>(25)          | 0<br>(0)           |
| <b>Jumlah</b>   | <b>223<br/>(100)</b> | <b>40<br/>(100)</b> | <b>6<br/>(100)</b> |

**Sumber: Borang soal selidik ( kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu ).**

Jadual 2.1.12 di atas merupakan analisa mengenai sebab-sebab responden bersetuju dengan pandangan pada jadual 11 dan kaitannya dengan aliran pendidikan. Dapatkan menunjukkan bahawa kebanyakkan responden dari aliran pendidikan sekolah biasa iaitu 48% bersetuju dengan pandangan tersebut kerana terdapat banyak ayat- ayat al-Qur'an dan al-Hadith yang menganjurkannya. Sementara yang lainnya 26.5% beralasan bahawa di dalam melaksanakan hak-hak Allah terdapat disana hak-hak

masyarakat dan 25.6% lagi disebabkan kerana ianya sebagai salah satu cabang jihad di jalan Allah.

Manakala dari aliran Sekolah Agama 45% bersetuju di sebabkan terdapat banyak ayat-ayat al-Qur'an dan al-Hadith yang menganjurkannya. Sementara yang beralasan bahawa di dalam melaksanakan hak-hak Allah terdapat di sana hak-hak masyarakat sebanyak 30% dan bakinya 25% disebabkan ianya sebagai salah satu cabang jihad di jalan Allah. Bagi responden dari aliran Pondok pula hanya dua sebab sahaja yang menjadi faktor persetujuan mereka iaitu 66.7% kerana terdapat banyak ayat-ayat al-Qur'an dan al-Hadith yang manganjurkannya dan 33.3% lagi beralasan didalam melaksanakan hak-hak Allah terdapat disana hak-hak masyarakat.

Secara kesimpulannya terhadap kajian diatas jelas menunjukkan bahawa aliran pendidikan tidak menjadi faktor yang mempengaruhi responden bagi setiap aliran pendidikan didalam menunjukkan sebab-sebab persetujuan mereka. ini kerana dapatan telah membuktikan bahawa hampir terdapat kesamaan peratusan dari setiap aliran pendidikan bagi ketiga-tiga faktor yang dikemukakan.

Jadual juga menunjukkan kesederhanaan kefahaman responden dalam hal ini kerana kebanyakan responden mengutamakan dari sudut fadhilat atau kelebihan ibadah seperti yang dianjurkan di dalam nas al-Qur'ān dan al-Hadith daripada memandang sudut keutamaan atau *awlawiyyāt* yang lebih penting .

**Jadual 2.1.13: Hubungan aliran pendidikan dengan perkara yang menjadi keutamaan bagi memenuhi tujuan sedekah.**

| Tujuan Sedekah                      | Sek. Biasa (%)       | Sek. Agama (%)      | Pondok (%)         |
|-------------------------------------|----------------------|---------------------|--------------------|
| Memenuhi tuntutan agama             | 164<br>(77)          | 31<br>(88.6)        | 4<br>(80)          |
| Tuntutan hidup masyarakat           | 27<br>(12.9)         | 2<br>(5.7)          | 0<br>(0)           |
| Meningkatkan taraf hidup masyarakat | 16<br>(7.7)          | 1<br>(2.9)          | 1<br>(20)          |
| Untuk meningkatkan ekonomi          | 5<br>(2.4)           | 1<br>(2.9)          | 0<br>(0)           |
| <b>Jumlah</b>                       | <b>209<br/>(100)</b> | <b>35<br/>(100)</b> | <b>5<br/>(100)</b> |

**Sumber: Borang soal selidik ( kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu ).**

Jadual 2.1.13 di atas adalah analisa terhadap faktor-faktor yang menjadi keutamaan responden bagi memenuhi tujuan sedekah dan kaitannya dengan aliran pendidikan. Hasil dapatan menunjukkan bahawa faktor utama kebanyakkhan responden dari aliran pendidikan sekolah biasa bagi memenuhi tujuan sedekah adalah untuk memenuhi tuntuan agama (merangkumi semua aspek kehidupan) iaitu sebanyak 77% . Manakala 12.9% sebagai tututan hidup bermasyarakat menjadi faktor utama tujuan sedekah. Sementara bakinya 7.2% yang menjadi factor utama ialah meningkatkan taraf pendidikan sebuah masyarakat dan 2.4% lagi untuk meningkatkan taraf ekonomi menjadi faktor utama.

Bagi responden dari aliran pendidiak Sekolah Agama pulag, 88.5% menjadi faktor utama mereka bagi tujuan sedekah ialah memenuhi tututan agama. Berbanding dengan 5.7% lagi yang menjadikan tututan hidup bermasyarakat sebagai faktor utama. Manakala selebihnya faktor meningkatkan taraf kehidupan sebuah masyarakat dan

faktor untuk meningkatkan ekonomi sebagai faktor utama mereka adalah masing-masing 2.9%.

Sementara dari aliran Pondok dua faktor sahaja menjadi pilihan utama tujuan sedekah mereka iaitu faktor memenuhi tuntutan agama (merangkumi semua aspek kehidupan) yang diwakili oleh 80% responden dan bakinya diwakili oleh 20%. Manakala lain-lain faktor tiada jawapan dari responden.

Maka kesimpulan dari kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden dari setiap aliran pendidikan memilih faktor keutamaan yang paling tepat iaitu memenuhi tututan agama (merangkumi semua aspek kehidupan) bagi memenuhi tujuan sedekah. Disamping itu tidak menunjukkan apa-apa kesan daripada latar belakang aliran pendidikan yang belainan.

**Bahagian iii: Hubungkait Kefahaman Responden Terhadap Keutamaan Melaksanakan Umrah berulang kali Berbanding Amalan Bersedekah Dengan Taraf Pendidikan Dan Aliran Pendidikan.**

### **3.0 - Taraf pendidikan**

**Jadual 3.0.1: Hubungan taraf pendidikan dengan keutamaan melaksanakan umrah berulang kali atau bersedekah.**

| <b>Taraf pendidikan</b>       | <b>Umrah berulangkali (%)</b> | <b>Bersedekah (%)</b> | <b>Jumlah (%)</b>    |
|-------------------------------|-------------------------------|-----------------------|----------------------|
| Sekolah rendah                | 5<br>(27.8)                   | 13<br>(72.2)          | <b>18<br/>(100)</b>  |
| Sekolah menengah / vokasional | 18<br>(16.4)                  | 92<br>(83.6)          | <b>110<br/>(100)</b> |
| Kolej / Maktab                | 11<br>(13.9)                  | 68<br>(86.1)          | <b>79<br/>(100)</b>  |
| Universiti                    | 7<br>(8.2)                    | 78<br>(91.8)          | <b>85<br/>(100)</b>  |
| Tidak bersekolah              | 2<br>(50)                     | 2<br>(50)             | <b>4<br/>(100)</b>   |

**Sumber: Borang soal selidik ( kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu ).**

Jadual di atas menunjukkan analisa ke atas responden bagi mendapatkan pandangan terhadap keutamaan diantara mengerjakan umrah berulang kali atau bersedekah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 27.8% responden dari taraf pendidikan Sekolah Rendah berpandangan umrah berulangkali lebih utama daripada bersedekah dan sebahagian besar responden dari taraf ini iaitu 72.2% berpandangan bersedekah lebih utama dari mengerjakan umrah berulang kali. Manakala dari taraf Sekolah Menengah / Vokasional pula, 16.4% dari mereka berpendapat mengerjakan

umrah berulang kali itu lebih utama berbanding dengan selebihnya 83.6% berpandangan sebaliknya. Sementara responden dari taraf pendidikan Kolej / Maktab kebanyakannya iaitu 86.1% berpandangan bahawa bersedekah itu adalah lebih utama daripada mengerjakan umrah berulang kali berbanding dengan sebilang kecilnya 13.9% berpandangan sebaliknya. Bagi responden yang bertaraf pendidikan Universiti pula, 8.2% mengutamakan umrah berulangkali daripada bersedekah dan 91.8% lagi mengutamakan sedekah daripada umrah berulangkali. Sementara bagi responden yang tidak bersekolah masing-masing 50% samaada yang berpendapat mengerjakan umrah berulang kali lebih utama daripada bersedekah atau yang berpendapat bersedekah lebih utama daripada mengerjakan umrah berulang kali.

Kesimpulan daripada kajian tersebut jelaslah bahawa taraf pendidikan telah mempengaruhi kefahaman responden dengan permasalahan keutamaan di antara umrah berulang kali atau bersedekah. Ini kerana dapatan telah membuktikan bahawa jumlah peratusan responden dari taraf pendidikan Universiti lebih tinggi, kemudian disusuli wakil daripada taraf pendidikan Kolej / Maktab, Sekolah Menengah, sekolah Rendah dan responden yang tidak bersekolah. Namun secara umumnya kebanyakkannya responden lebih mengutamakan bersedekah daripada mengerjakan umrah berulang kali.

### **3.1 - Aliran pendidikan**

**Jadual 3.1.1: Hubungan aliran pendidikan dengan keutamaan melaksanakan umrah berulang kali atau bersedekah.**

| <b>Aliran Pendidikan</b> | <b>Umrah Berulangkali (%)</b> | <b>Bersedekah (%)</b> | <b>Jumlah (%)</b>    |
|--------------------------|-------------------------------|-----------------------|----------------------|
| Sekolah Biasa            | 35<br>(14.3)                  | 210<br>(85.7)         | <b>245<br/>(100)</b> |

|               |             |              |                     |
|---------------|-------------|--------------|---------------------|
| Sekolah Agama | 4<br>(9.5)  | 38<br>(90.5) | <b>42<br/>(100)</b> |
| Pondok        | 2<br>(33.3) | 4<br>(66.7)  | <b>6<br/>(100)</b>  |

**Sumber: Borang soal selidik ( kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah di daerah Kubang Pasu ).**

Jadual di atas adalah analisa terhadap pandang responden dari sudut keutamaan di antara melaksanakan umrah berulang kali atau bersedekah dan kaitannya dengan aliran pendidikan. Dapatkan menunjukkan bahawa 14.3% responden dari aliran sekoah biasa berpandangan mengerjakan umrah berulang kali lebih utama daripada bersedekah berbanding dengan 85.7% lagi mengutamakan bersedekah daripada mengerjakan umrah berulang kali. Manakala dari aliran sekolah agama pula, 9.5% mengutamakan umrah berulang kali daripada bersedekah. Berlainan dengan 90.5% lagi lebih mengutamakan bersedekah daripada mengerjakan umrah berulangkali. Sementara dari aliran Pondok pula, 33.3% berpendapat mengerjakan umrah berulang kali lebih utama jika dibandingkan dengan bersedekah. Manakala bakinya 66.7% lagi berpandangan bahawa bersedekah itu lebih utama daripada mengerjakan umrah berulangkali.

Melihat kepada keputusan pandangan yang diberikan, ternyata bahawa aliran pendidikan juga mempengaruhi responden berkaitan dengan permasalahan. Ini jelas kerana aliran sekolah agama lebih tinggi peratusan jika dibandingkan dengan yang lain dan begitu juga peratusan aliran Sekolah Biasa lebih tinggi daripada aliran Pondok. Secara tidak langsung juga menunjukkan bahawa aliran sekolah agama dan sekolah biasa lebih memahami dari sudut *fiqh al-awlawiyyāt* dan tututan semasa jika dibandingkan daripada aliran Pondok kerana masih ramai yang mengutamakan mengulangi ibadah umrah daripada bersedekah. Ini berkemungkinan kecenderungan

mereka dari sudut fadhilat lebih utama dari perkara lain seperti yang ditunjukkan di dalam jadual 12 dan sistem pengajian yang kurang keterbukaan kalau dibandingkan dengan aliran-aliran lain. Secara keseluruhan juga majoriti dari semua aliran menunjukkan mereka lebih mengutamakan bersedekah daripada mengulangi ibadah umrah.

# **BAB KELIMA**

## **PENUTUP**

### **KESIMPULAN DAN SARANAN**

#### **5.1 - Kesimpulan**

Hasil kajian yang dijalankan berkaitan kefahaman masyarakat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan bersedekah dapat disimpulkan kepada tiga perkara utama iaitu:

1 – Terdapat beberapa dalil dan hujah yang telah dikenalpasti dari al-Qur'ān dan al-Hadith yang menerangkan berkaitan ibadah umrah, kelebihan mengulanginya dan kelebihan bersedekah. Hal demikian juga turut membuktikan bahawa umrah dan sedekah merupakan dua bentuk ibadah yang telah disyariatkan di dalam Islam kepada umat nabi Muhammad S.A.W. serta mendapat jaminan pahala dan ganjaran yang besar disisi Allah S.W.T..

2 – Hasil kajian juga mendapati bahawa tajuk kajian yang dijalankan turut menjadi topik perbincangan di kalangan para ilmuan Islam terutamanya di kalangan para ulama' kontemporari yang banyak berhadapan dengan situasi dan permasalahan kajian tersebut. Maka rumusan daripada kajian tersebut mendapati jumhur ulama' berpendapat bahawa sedekah itu lebih utama daripada mengerjakan umrah berulang kali. Pandangan ini merujuk kepada beberapa nas dari al-Qur'ān dan al-Hadith serta beberapa kaedah fiqh yang dijadikan sebagai sandaran utama dalam menentukan hukum yang wajar terhadap permasalahan kajian. Manakala sebahagian ulama' yang lain mengambil pendekatan yang sederhana iaitu dengan mengatakan bahawa tidak menjadi kesalahan

bagi seseorang yang berkemampuan untuk mengulangi umrah selagi tidak mengabaikan perkara ibadah dan bentuk-bentuk ketaatan yang lain seperti sedekah dan seumpamanya.

3 – Majoriti masyarakat Islam mempunyai tahap kefahaman yang tinggi dan tepat dengan kehendak Islam dalam menilai keutamaan di antara melaksanakan umrah berulang kali dengan bersedekah iaitu mereka mengutamakan ibadah sedekah daripada mengerjakan ibadah umrah berulang kali.

Berdasarkan kajian dan penelitian yang telah dibuat di daerah Kubang Pasu berkaitan kefahaman responden mengenai ibadah umrah dan sedekah serta pandangan responden berkaitan keutamaan di antara melaksanakan umrah berulangkali dengan bersedekah dapat di simpulkan seperti berikut:

#### A – Kefahaman tentang ibadah umrah

Penulis mendapati bahawa sebahagian besar daripada anggota masyarakat di daerah Kubang Pasu mempunyai tahap kefahaman yang tinggi mengenai ibadah umrah . Perkara ini dapat dilihat melalui 3 item yang boleh dijadikan pengukur utama bagi menunjukkan kepada fakta yang lebih jelas membuktikan kefahaman mereka berkaitan ibadah umrah. 1 item iaitu berkaitan pandangan mengulangi umrah merangkumi responden yang pernah atau belum mengerjakan umrah. Sementara 2 item lagi berkaitan kekerapan mengerjakan umrah dan sebab mengulanginya hanya ditujukan bagi mereka yang pernah mengerjakan umrah sahaja. Adapun persoalan selainnya sebagai sampingan bagi mengenalpasti kefahaman tersebut.

Dapatan tersebut dibuat berdasarkan jawapan yang amat memuaskan yang ditunjukkan oleh kebanyakan responden tanpa mengira tahap dan aliran pendidikan sama ada yang pernah mengerjakan umrah atau tidak, dapat menyatakan hukum yang tepat bahawa umrah ulangan itu hukumnya adalah sunat sahaja.

Perkara ini juga membuktikan bahawa penguasaan maklumat mengenai ibadah umrah dan hukum-hukum yang berkaitan dengannya telah sampai kepada keseluruhan masyarakat Islam yang boleh diperolehi dan dikuasai walaupun daripada latarbelakang aliran dan taraf pendidikan yang berbeza melalui pelbagai sumber teknologi maklumat yang terkini. Maka secara tidak langsung ianya turut membantu responden dalam meningkatkan kefahaman mengenai ibadah umrah dengan lebih sempurna.

Selain pandangan berkaitan umrah ulangan, dua item lagi berkaitan kekerapan mengerjakan umrah (rajah 1.7) dan tujuannya (rajah 1.8) turut disoal kepada responden yang pernah mengerjakan umrah bagi membuktikan lagi kefahaman mereka berkaitan dengan ibadah umrah. Dapatan analisis tersebut menunjukkan bahawa keseluruhan responden yang pernah mengerjakan umrah telah mengulanginya buat kesekian kalinya.

Pada anggapan penulis bahawa dengan pengulangan umrah yang telah dilakukan oleh responden turut menunjukkan bahawa responden mempunyai kefahaman berkaitan ibadah umrah yang serta pasti berlaku peningkatan kefahaman berkaitan dengannya. Pada hemat penulis bahawa penambahan maklumat, ilmu dan pengalaman kebiasaan akan dilakukan oleh seseorang yang ingin mengulanginya samaada melalui pembacaan, pengajian dan menghadiri krusus yang diadakan. Hal demikian dilakukan kemungkinan disebabkan dengan masalah-masalah yang dihadapinya

responden diwaktu mengerjakan umrah dan hukum-hakam yang belum difahami dengan lengkap ketika mengerjakan umrah kali yang pertama.

Bagi item yang dikemukakan untuk mendapat maklumat berkaitan tujuan atau sebab mengulangi ibadah umrah pula, dapatkan analisis menunjukkan bahawa hampir 50% di kalangan mereka memberi jawapan yang betul iaitu ingin mendapatkan berbagai anjaran yang dinyatakan di dalam al-Hadith yang bertepatan dengan maksud mengulangi umrah yang dianjurkan oleh Islam.

Walaupun dengan peratus tersebut dapat dikelaskan kefahaman responden di tahap sederhana berdasarkan jadual pengkelasn tahap kefahaman seperti di jadual 4.1, namun ianya tidak mempengaruhi keputusan kefahaman keseluruhannya dan masih di anggap tinggi jika dibandingkan dengan peratusan yang memberi sebab yang tidak tepat.

#### B – Kefahaman tentang ibadah sedekah

Berkaitan dengan ibadah sedekah, hasil daripada analisis dan kajian yang dijalankan, penulis mendapati bahawa majoriti responden mempunyai tahap kefahaman yang tinggi mengenai ibadah sedekah. Perkara ini boleh dilihat dengan lebih jelas melalui 5 item utama dari 13 item yang dikemukakan kepada responden. Pada pandangan penulis ianya merupakan perkara-perkara asas utama yang perlu diketahui oleh setiap individu muslim serta sesuai bagi menilai kefahaman dan cukup membuktikan kaitan kefahaman responden. Item-item tersebut ialah pandangan pemilik sebenar harta, kesamaan pahala wang yang di sedekahkan dengan ibadah umrah, persetujuan terdapat kewajipan utama lain daripada mengerjakan umrah berulangkali

serta sebab persetujuan dan tujuan utama bersedekah. Maka majoriti responden didapati memberi jawapan yang tepat di atas keseluruhan item-item tersebut.

Dengan kenyataan mereka bahawa Allah adalah pemilik sebenar harta menjadi faktor utama yang memberi kesedaran dan kefahaman bahawa harta yang dimiliki sebagai pinjaman sementara, yang perlu dikongsi bersama serta wajib diurus dan diinfakkan kepada jalan yang tepat seperti yang dituntut oleh agama.

#### C – Pandangan keutamaan di antara mengerjakan umrah berulang kali atau bersedekah

Hasil daripada pemahaman yang tinggi berkaitan dengan ibadah umrah dan sedekah turut memberi kesan kepada pandangan yang diminta berkaitan tajuk kajian iaitu keutamaan di antara melaksanakan umrah berulang kali berbanding amalan sedekah. Majoriti responden dari pelbagai aliran dan taraf pendidikan mempunyai kefahaman yang tinggi di dalam menilai keutamaan di antara dua ibadah tersebut yang masing-masing menunjukkan lebih daripada 70% mengutamakan bersedekah daripada mengerjakan umrah berulang kali.

Pandangan sedemikian bertepatan dengan tututan syara' seperti yang digariskan di dalam *fiqh al-awlawiyyāt* dan tututan semasa pada hari ini. Perkara ini dapat di lihat dengan lebih jelas lagi pada jadual 3.0.1 yang menunjukkan dengan peningkatan taraf pendidikan responden membawa kepada peningkatan peratusan kefahaman responden kepada yang lebih tinggi.

## Rumusan keseluruhan

Hasil rumusan terhadap keseluruhan tiga kesimpulan di atas menunjukkan bahawa majoriti masyarakat Kubang Pasu dapat memahami konsep ibadah umrah dan sedekah yang telah disyariatkan oleh Allah S.W.T.. Disamping itu juga memberi jawapan kepada pengkaji dalam menyelidik dan menilai kefahaman masyarakat Kubang Pasu bahawa masyarakat di daerah ini mempunyai kefahaman yang tinggi dalam menentukan keutamaan dalam urusan ibadah iaitu dengan mengutamakan bersedekah daripada mengerjakan umrah berulang kali.

Pandangan ini dikuatkan lagi dengan sebahagian besar dari responden iaitu yang mewakili masyarakat di daerah Kubang Pasu iaitu 78.4% belum pernah mengerjakan umrah. Sekalipun belum pernah mengerjakan umrah, perkara tersebut tidak mempengaruhi dan menjelaskan kefahaman mereka dalam menimbang keutamaan yang perlu di dahului di dalam pelaksanaan ibadah. Amalan bersedekah diteruskan bagi memenuhi tuntutan harta yang dimiliki bersesuaian dengan tuntutan syara'. Sementara niat dan keazaman yang tinggi untuk mengerjakannya pada masa yang akan datang tidak luntur di hati mereka.

Walaupun dengan pencapaian peratusan yang memuaskan melalui pandangan yang diberikan, masih terdapat beberapa perkara sampingan yang perlu diperbaiki dan ditingkatkan pengetahuan dari semasa ke semasa agar masyarakat Islam di daerah Kubang Pasu dapat memahami dengan lebih sempurna mengenai konsep umrah dan sedekah seperti yang disyariatkan. Sebagai contoh jika dilihat dari sudut ibadah umrah masih terdapat juga responden yang belum mengerjakan umrah iaitu 4.2% ternyata tidak

mempunyai niat langsung untuk mengerjakannya pada suatu masa nanti seperti yang dijelaskan di dalam rajah 1.5.

Hal tersebut tidak sewajarnya berlaku bagi seorang individu muslim, walaupun dengan alasan tiada wang yang secukupnya yang merupakan faktor utama dan jumlah peratusan paling tinggi bagi responden yang belum pernah mengerjakan umrah seperti yang di tunjukkan di dalam rajah 1.4. Ini kerana faktor wang ringgit dan lain-lainnya bukan merupakan alasan atau sebab yang relevan sehingga menafikan niat murni tersebut . Niat dan keazaman untuk mengerjakannya perlu dipupuk dan disemai di dalam jiwa setiap muslim sebagai tanda ketaqwaan dan keinginan untuk mengerjakan ibadah yang disyariatkan walaupun tidak kesampaian.

Begitu juga mengenai pandangan mengenai mengulangi ibadah umrah. Masih terdapat responden yang berpandangan ianya suatu kewajipan iaitu 1.6% bagi yang pernah mengerjakan umrah seperti yang dinyatakan di dalam rajah 1.9 dan 5.5% yang belum pernah mengerjakannya seperti di dalam rajah 1.6. Maka dengan ini membuktikan bahawa tahap kefahaman bagi kelopok ini masih ditahap yang kurang memuaskan dan tidak menepati dengan pandangan syara'.

Sementara berkaitan ibadah sedekah pula, analisis mendapati masih ada individu yang tidak memperuntukkan langsung pendapatan bulanannya untuk tujuan sedekah dan beranggapan bahawa tiada kewajipan lain selain daripada ibadah sahaja. Maka ini di antara perkara-perkara atau pandangan yang perlu diperbaiki dan diberi perhatian sewajarnya semoga seiringan dengan tuntutan agama.

## SARANAN DAN CADANGAN

Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan, penulis ingin mengemukakan beberapa cadangan dan saranan agar maksud dan hasrat objektif kajian dapat dilaksanakan dengan lebih sempurna didalam kehidupan disamping menepati dengan tuntutan syara'. Seterusnya dapat mendidik umat Islam agar dapat membuat suatu pilihan bijak di dalam menguruskan wang yang merupakan sebagai perantaraan bagi seseorang untuk mendapatkan segala keperluan serta dapat menangani masalah kemiskinan. Di antara saranan dan cadangan adalah seperti berikut:

1. Pihak-pihak yang berkenaan seperti Lembaga Tabung Haji , Pejabat Agama Negeri Dan Daerah serta Jabatan Zakat Negeri perlu berkerjasama mengambil beberapa inisiatif dan kaedah-kaedah yang berkesan di dalam memberi dan meningkatkan kefahaman masyarakat tentang *fiqh awlawiyyāt* serta fiqh semasa yang perlu difahami terutamanya dalam konteks ibadat berkaitan dengan tajuk kajian. Antara langkah perlu seperti:
  - i ) Memperbanyakkan kelas-kelas pengajian fardu ain di segenap peringkat lapisan masyarakat sama ada di surau, masjid, dan pejabat-pejabat pentadbiran kerajaan dengan bimbingan dari tenaga pengajar yang membidangi dan berkebolehan dalam menjelaskan perkara tersebut.
  - ii ) Menyediakan bahan maklumat mengenai *fiqh al-awlawiyyāt* dan fiqh semasa dalam bentuk bacaan yang mudah dirujuk samaada buku, majalah, kertas kerja, internet dan sebagainya.

- iii ) Menganjurkan program-program seperti ceramah, motivasi, forum yang memberi kesedaran kepada umat Islam berkaitan cara pengurusan harta dan hak-hak kewajipan yang ada pada harta.
- iv ) Turun kelapangan bagi mendapatkan maklumat dan mengkaji permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat supaya dapat membantu , membimbing mereka di dalam kehidupan bersesuaian dengan tuntutan agama.
2. Pihak kerajaan perlu mewujudkan satu tabung kebajikan yang diuruskan oleh badan khas secara amanah di setiap daerah bagi mengumpul wang sumbangan dari orang ramai untuk tujuan kebajikan masyarakat. Kaunter-kaunter tabung kebajikan tersebut perlu diperbanyakkan pada setiap kawasan bagi memudahkan orang ramai untuk menghulurkan wang mereka untuk tujuan tersebut.
3. pihak kerajaan boleh membuat potongan 5 % dari gaji bulanan bagi pegawai-pegawai kerajaan yang berpendapatan bulanan yang tinggi dengan tujuan ingin melibatkan mereka secara tidak langsung dalam ibadah sedekah.
4. Pihak media masa samaada media cetak atau elektronik perlu memainkan peranan dalam membantu menyebarkan maklumat serta memberi penjelasan kepada masyarakat mengenai perkara-perkara yang menjadi keutamaan semasa yang wajib diberi perhatian oleh umat Islam dan menyedarkan mereka tentang tanggungjawab membantu orang fakir miskin, penerapan ilmu dan nilai – nilai Islam, menyediakan kemudahan-kemudahan awam keperluan orang ramai,

meningkatkan ekonomi umat Islam, persiapan menghadapi serangan pihak musuh dan sebagainya yang memerlukan kos perbelanjaan yang tinggi adalah merupakan fardhu ain bagi setiap ummat Islam dan menjadi tanggungjawab bersama.

5. Kesedaran dan sensitiviti yang tinggi terhadap tuntutan agama perlu ditingkatkan di kalangan ummat Islam agar segala keperluan dan permasalahan semasa yang timbul dapat ditangani dengan tepat dan penuh kebijaksanaan.

## **PENUTUP**

Secara umumnya dapat di ringkaskan bahawa kajian ini dapat memberi gambaran mengenai kefahaman masyarakat ummat Islam terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulang kali dengan memberi sedekah. Di samping itu juga dapat menilai sejauh manakah penghayatan ummat Islam terhadap kefahaman *fiqh al-awlawiyyāt* yang merupakan perkara yang penting dalam ibadah.

Penguasaan ilmu *fiqh al-awlawiyyāt* serta permasalahan semasa menjadi suatu tuntutan yang perlu diberi perhatian yang sewajarnya kerana ianya merupakan penyumbang utama neraca pertimbangan dalam permasalahan tajuk kajian. Natijah dari pertimbangan yang tepat ini akan menghasilkan keuntungan yang besar bagi ummat Islam dan membuktikan bahawa Islam merupakan agama yang senantiasa membela nasib umatnya dan menjamin kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.

Akhirnya, penulis mengharapkan dengan kajian yang di laksanakan ini menjadi suatu bahan fakta serta dapat memberi suatu sumbangan maklumat kepada pihak-pihak berkenaan demi kejayaan bersama.

# **BIBLIOGRAFI**

## BIBLIOGRAFI

*Al-Qur'an al-Karīm*

Abādī, Muhammad Sham al-Dīn al-Haq al-'Azīm ( 1410H-1990M ), 'Aun al-Ma'būd, Kitab al-Manasik, Bāb al-'Umrah, j.3, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Aḥmad 'Umar Hāshim ( Dr. ) *Kitāb Min Hudā al-Sunnah al-Nabawiyyah* (1418H-1998), Dār al-Shurūq.

Aḥmad 'Alī Tāhā Rayyān ( Prof. Dr. ) (1427H-2006M), *Fatāwa wa Ahkām Barīd al-Islām*, Kaherah: Dār Ibn al-Haitham.

'Asqalānī, Aḥmad b. 'Alī b. Ḥajar al- ( 1407H – 1987M ), *Fath al-Bārī bī syarh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* ( 1407H – 1987M ), j : 5, Kaherah : Dār al-Rayyān lī al-turāth.

Aṣfahānī, Abī al-Qāsim al- Ḥusain b. Muḥammad b. al-Mufaḍḍal al-Rāghib al- ( 1428H – 2007H ) *Kitāb al-Dharī'ah ilā Makārim al-Syarī'ah*, Kaherah : Dār al-Salām.

Azdi, Abū Dawwūd Sulaimān b. al-Ash'as al-Sijistānī al – ( 1408H – 1988M ), *Sunan Abī Dawwūd*, Kitāb al-manāsik, Bāb al-Rajul yahujj 'an Ghairih, j : 2, Dār al-Rayyān li al-Turāth.

Azharī, Manzur Aḥmad al-( 1422H-2002M ), *Tarshyīd al-Istihlakī al-Fardī*, Kaherah: Dār al-Salām.

Badawī Abd al-Ṣamad ( 1420H-1999M ), *al - Ithāf Bitakhrīj Ahādīth al - Ishrāf* , jzk. 3. Dubai : Dār al-Buhūth li al-dirāsāt al-Islamiyyah.

Buṭī, Abī Hātim Muḥammad b. Ḥibbān al- ( 1414H – 1993M ), *Saḥīḥ Ibn Ḥibbān*, *Kitāb al-Hajj*, j. 9 , Beirut : Muassasah al-Risālah.

Dāruquṭnī, 'Alī b. 'Umar al- ( 1313H-1994M ), *Sunan al - Dāruquṭnī*, Kitāb al-hajj, Bāb al-Mawāqīt, j. 1, Beirut: Dār al-Fikr.

Ghazālī, Abū Hāmid Muḥammad b. Muḥammad al-Ghāzalī ,(t.t) *Asrār al-Hajj*, Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah.

Haithamī, Nur al-Din 'Alī b. Abū Bakr al- ( 1414H-1994M ), *Majma' al-Zawāid*, Kitāb al-Zakāt, j. 3, Dār al-Fikr.

Hāyik, Shaykh 'Izz al-Dīn al- ( 1998M ), *Manāsik al-Hajj wa al-'Umrah*, Damsyīk : Dār al-Fikr.

Ibn kathīr, Abū al-Fida' Ismaīl b. Kathir, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, ( 1421H-2000M ), j. 2, Mesir: Maktabah Aulād al - Shaykh lī al-Turāth.

\_\_\_\_\_ ( 1413H – 1993M ) , *Al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, Kaherah , j. 10, Dār al-Hadith.

Ibn Taymiyyah, Taqī al-Dīn Aḥmad b.Taymiyyah al-Harranī(1421-2001), *Majmu'ah al-fatāwa ibn Taymiyyah*, Al-Manṣūrah: Dār-al-Wafā'.

'Izz al-Dīn b. Jamā'ah ( 1414H-1994M ), *Hidāyah al-Sālik* , jzk. 1. Beirut : Dār al-Bashāir.

Jum'ah, 'Alī b. Muḥammad (Prof. Dr.) al- ( 1421H – 2000M ), *Mu'jam al – Muṣṭalaḥāt al- Iqtisadiyyah wa al-Islamiyyah* , Riyāḍ, Maktabah al-'Abīkān.

Kāsānī, 'Alā' al-Din Abī Bakr Mas'ūd al- (t.t ), *Badā'i' al-Ṣanā'i'*, j. 2, Beirut : Dār al – Kutub al-‘Ilmiyyah.

Kifrāwī, 'Auf Maḥmūd al- ( t.t ), *Siyāsaḥ al-Infāq' al-Ām fī al-Islām*, Iskandariyyah: Muassasah Shabāb al – Jāmi'ah.

Manāwī, Muḥammad abd al-Raūf al- ( 1415H - 1994M ), *Faid al-Qadīr*, jld. 4, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Nasāī, Abū Abd al- Rahmān Aḥmad b. Shu'ib b. 'Alī b.Baḥr b. Sinān b. Dinār al – ( 1409H- 1988M ), *Sunan Nasāī*, j. 5, Beirut : Dār al – Bashāir al – Islamiyyah.

Naisabūrī, Imām Abī 'Abd Allāh Muḥammad b. Abd Allāh al-Hākim al- ( 1411H- 1990M ), *Kitāb al-Mustadrak 'ala al-Saḥihain*, Kitāb al-Mānasik , j : 1, Beirut : Dār al – Kutub al – ‘Ilmiyyah.

Naisabūrī , Muslim b. al-Hajjaj al-Qushairī al – ( 1414H – 1994M ), *Saḥīḥ Muslim bi Syarh al – Imām al – Nawawī*, j. 3 , Beirut : Dār al – Khair.

Nawawī, Muhy al – Dīn Abī Zakariyyā Yahyā b. Syaraf al – (t.t), *al-Majmū' Syarh al-Muhadhdhab lī al-Syīrāzī*, jld. 7 , Jeddah : Maktabah al-Irsyād.

\_\_\_\_\_ (1414H-1994M), *Sahih Muslim bi Syarh al-Imām al-Nawawī , Bāb Fadhl al-Hajj wa al-‘Umrah* , j. 9, Beirut : Dār al-Khair.

Nur al-Dīn 'Aṭār ( t.t ), *Al-Hajj wa al-‘Umrah fī Fiqh al-Islāmī*, Damsyīk : al-Maktabah al-‘Arabiyyah.

Rahīlī, Ruwai’ī bin Rājih (Dr.) al- (t.t), *Hukm al-Hajj wa al-‘Umrah fī Fiqh ‘Umar bin Al-Khaṭṭāb*, Makkah: Nādī Makkah al- Thaqāfī al-Adabī.

Tarmizī, Abī ‘Isā Muḥammad b. ‘Isā b. Saurah al - ( 297H – 209M ), *Al – Jāmi‘ al – Sahīh ( Sunan al-Tarmizī )*, *Bāb Ma Jāa fī Thawāb al-Hajj wa al – ‘Umrah*, j. 3, Mesir : Muṣṭafā al-Bāb al-Ḥalabī .

Tabarī, Abū Ja'far Muḥammad b. Jarīr b. Zaid b. Kathīr al – ( 1415H-1994M ), *Tafsīr al-Tabarī*, j. 2, Beirūt: Muassasah al-Risālah.

Tabarī, Abī al – ‘Abbās Aḥmad b. Abd Allah b. Muḥammad b. Abū Bakr Muhibb al-Dīn al – ( 1390H-1970 ), *Al-Qirā Limaqāṣid Umm al-Qurā*, Kāherah : Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.

Tabarānī, Abī al – Qāsim Sulaimān b. Aḥmad al - ( 1400H – 1980M ), *al-Mu'jam al-Kabīr*, j: 11,Bagdād : al-Maktabah al- Wataniyyah.

Qārī , 'Alī b. Sulṭān Muḥammad al – ( t.t ) , *Mirqāt al-Mafātīh Syarh Miyshkāt al-Maṣābiḥ* , j : 9, Kaherah , Dār al-Kitāb al-Islāmī .

Qurtubī, Abī Abd Allah Muḥammad b. Aḥmad al – Anṣārī al – ( 1414H – 1994M ), *al – Jāmi‘ lī ahkām al-Qur'ān* , j. 1, Juz. 2, Kaherah : Dār al - Hadīth.

Qānūjī, Abī al-Ṭayyib Ṣiddīq Bin Ḥassan al – ( 1412H-1992M ), *Fath al-Bayān fī Maqāṣid al-Qur'ān*, j. 1, Beirut: Maktabah al-‘Asriyyah.

Qazwīnī, Abū 'Abd Allah Muḥammad b. Yazīd al – ( 1421H-2000M ), *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Manāsik. Bāb al-Hajj Jihād al-Nisa', j. 2, Beirūt : Dār Ihya' al-turāth al-‘Arabī.

Qaraḍāwī, Yūsuf (Prof. Dr.) al – ( 1425H-2004M ), *Fī Fiqh al-Awlāiyyāt*, Kaherah: Maktabah Wahbah.

\_\_\_\_\_ ( 1425H-2004M ), *Mīah Suāl ‘An al-Hajj wa al-‘Umrah*, Kaherah: Maktabah Wahbah.

Qustullānī, Shihāb al-Dīn Abī al-‘Abbās Aḥmad b. Muḥammad al-Shāfi’ī al – ( 1416H-1996M ), *Irsyād al-Sārī*, j. 4, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah.

Shawkānī, Muḥammad b.’Alī al – (1416H - 1996M ), *Nail al-Awṭar* , j : 2, Beirūt : Dār al-Khair.

Shaykh ‘Atīyyah Ṣaqar ( t.t ), *Aḥsan al-Kalām fī Fatāwā wa al-Aḥkām*, Kaherah : Dār al-Ghad al-‘Arabī.

Zamakhsharī, Abū al-Qāsim jār Allah Maḥmūd b. ‘Umar al-Zamakhsharī al - ( t.t ), *Tafsīr al-Kashshāf*, j. 4, Beirūt : Dār al-Fikr.

Zuḥaylī, Wahbah Muṣṭafā (Prof. Dr.) al – ( 1989M ), *al-Fiqh al-Islāī wa Adillatuh*, jzk. 3. Damsyīk : Dār al-Fikr.

\_\_\_\_\_ , ( 1424H-2003M ) *Fatāwa Muāṣirah*, Damsyīk: Dār al-Fikr.

Majalah *al-Iqtisād al-Islāmī* , Bil. 284 , Disember–Januari 2005, Dubai.

Profail Pejabat Daerah Kubang Pasu 2004.

Buku PELAN STRATEGIK Pejabat Daerah Kubang Pasu Kedah Darul Aman 2009 hingga 2012.

# **LAMPIRAN**

# **Soalan Kaji Selidik Kefahaman Masyarakat Terhadap Keutamaan Mengerjakan Umrah Berulangkali Dengan Bersedekah Di Daerah Kubang Pasu.**

## **PERHATIAN :**

Soalan – Soalan dibawah ini perlu dijawab oleh setiap responden. Pilih **SATU** jawapan sahaja dan tinggalkan jawapan – jawapan yang tidak berkenaan. Tandakan ( X ) pada jawapan yang dipilih. Jika jawapan pilihan anda tidak terdapat dalam jawapan yang disediakan , sila tuliskan jawapan anda di ruang kosong yang di sediakan.

## **BAHAGIAN PERTAMA**

### **Pengenalan Diri Responden.**

1) Jantina

- a) Lelaki (      )
- b) Perempuan (      )

2 ) Umur

- a) 20 hingga 40 tahun (      )
- b) 41 hingga 56 tahun (      )
- c) 56 tahun ke atas (      )

3 ) Status perkahwinan

- a) Bujang (      )
- b) Sudah berkahwin (      )

4 ) Jumlah tanggungan

- a) Seorang (      )
- b) 3 orang (      )
- c) 5 orang (      )
- d) 6 orang ke atas (      )
- e) Lain – lain ( nyatakan).....

5 ) Pekerjaan

- a) Kerajaan (      )
- b) Swasta (      )
- c) Berniaga sendiri (      )
- d) Petani (      )
- d) Lain – lain ( sila nyatakan).....

6 ) Pendapatan bulanan

- a) Bawah RM 500 (      )
- b) RM 501 hingga RM 1000 (      )
- c) RM 1001 hingga RM 1500(      )
- d) RM 1501 hingga RM 2000 (      )
- e) RM 2001 keatas (      )

7) Taraf pendidikan

- a) Sekolah Rendah ( )
- b) Sekolah Menengah / Vokasional ( )
- c) Kolej / Maktab ( )
- d) Universiti ( )
- e) Tidak bersekolah ( )

8 ) Aliran pendidikan

- a) Sekolah biasa ( )
- b) Sekolah agama ( )
- c) Pondok ( )

## BAHAGIAN KE DUA

Soalan – soalan di bahagian kedua ini akan dibahagikan kepada **TIGA** kategori iaitu :

- i – Kefahaman responden terhadap ibadah umrah
- ii – Kefahaman responden terhadap ibadah sedekah
- iii – Mengenalpasti pandangan responden terhadap keutamaan melaksanakan umrah berulangkali atau bersedekah .

Kepada setiap responden diharap dapat menjawab soalan – soalan tersebut dan memenuhi kehendak arahan – arahan yang di berikan

### **A - Kefahaman Responden Terhadap Ibadah Umrah**

1 ) Tahukah anda apa itu umrah ?

- a) Tahu sedikit sahaja (      )
- b) Tahu betul (      )
- c) Tidak mengetahui langsung (      )

2 ) Dari manakah yang paling banyak anda belajar tentang umrah? ( pilih **satu** sahaja dari jawapan dibawah )

- a) Belajar di sekolah (      )
- b) Belajar dimasjid / surau (      )
- c) Membaca kitab – kitab secara sendiri (      )
- d) Maklumat dari kawan atau saudara (      )
- e) Lain – lain( sila nyatakan ).....

3 ) Adakah Anda pernah mengerjakan ibadah umrah ?

- a) Ya (      )
- b) Tidak (      )

**\* Jika jawapan anda [ Ya ] , sila terus menjawab soalan 6 , 7 dan 8**

**\* Jika jawapan anda [Tidak ] , sila terus menjawab soalan 4 , 5 dan 8**

4 ) Jika tidak , apakah sebab anda tidak mengerjakan umrah ?

- a) Tiada wang yang cukup (      )
- b) Terlalu sibuk dengan kerja (      )
- c) Belum belajar tentang umrah (      )
- d) Tiada apa – apa alasan (      )
- e) Lain – lain ( sila nyatakan ).....

5 ) Jika tidak , adakah anda mempunyai niat untuk mengerjakan umrah pada suatu masa nanti ?

- a) Ya (      )
- b) Tidak (      )

6 ) Jika ya , berapa kalikah anda pernah mengerjakan ibadah umrah ?

- a) Sekali ( )
- b) Dua kali ( )
- c) Tiga kali ke atas( )
- d) Belum pernah ( )

7 ) Jika anda pernah mengulangi umrah , apakah sebab anda berbuat demikian ?

- a) Ingin mendapatkan berbagai ganjaran yang di nyatakan didalam hadith ( )
- b) Beribadah disamping menambahkan rezeki ( )
- c) Beribadah sambil melancong secara berjamaah ( )
- d) Ingin menggunakan wang ringgit untuk tujuan beribadah ( )

8 ) Apakah pandangan anda tentang mengulangi ibadah umrah ?

- a) Kewajipan ( )
- b) Sunat ( )
- c) Harus ( )
- e) Makruh ( )
- f) Lain – lain ( sila nyatakan ).....

## B – Kefahaman Responden Terhadap Ibadah Sedekah

1 ) Siapakah pemilik sebenar harta ?

- a) Allah ( )
- b) Manusia ( )
- c) Allah pemilik hakiki dan manusia pemilik sementara ( majazi ) ( )

2 ) Setuju atau tidak bahawa di dalam harta kepunyaan peribadi itu terdapat hak orang ramai ?

- a) Setuju ( )
- b) Tidak bersetuju ( )
- c) Kurang pasti ( )

3 ) Setuju atau tidak bahawa masyarakat Islam di daerah ini terdiri daripada pelbagai taraf kehidupan yang terdiri daripada kaya , miskin dan sederhana ?

- a) Setuju ( )
- b) Tidak bersetuju ( )

4 ) Setuju atau tidak bahawa selain daripada kerajaan , orang – orang kaya juga bertanggungjawab untuk mengatasi masalah kemiskinan.

- a) Setuju ( )
- b) Tidak bersetuju ( )

5 ) Jika setuju , bagaimanakah kedudukan sedekah yang akan di salurkan ?

- a) Secara ehsan ( belas kasihan / budi bicara ) ( )
- b) Sebagai suatu kewajipan ( )

- 6 ) Berapa peratus % pendapatan anda dalam sebulan yang di belanjakan untuk tujuan sedekah ?
- a) 1% hingga 20% ( )
  - b) 21% hingga 40% ( )
  - c) 41% hingga 60% ( )
  - d) 61% keatas ( )
  - e) Tiada peruntukan untuk sedekah ( )
- 7 ) Apakah sedekah tersebut dilaksanakan secara tetap atau sementara ( sekali – sekala ) ?
- a) Tetap ( )
  - b) Sementara ( sekali – sekala ) ( )
- 8) Setuju atau tidak bahawa wang yang di sedekahkan sama pahalanya dengan ibadat umrah .
- a) Setuju ( )
  - b) Tidak setuju ( )
- 9 ) Apakah erti Sabillah ?
- a) Perang menegakkan agama ( )
  - b) Atau ianya meliputi semua kerja – kerja kebajikan dengan niat semata – mata mendapat keredaan Allah. ( )
- 10 ) Setuju atau tidak bahawa sumber pendapatan untuk tabung kebajikan diperolehi melalui :
- 1) Zakat ( harta dan fitrah )
  - 2) Sedekah jariah
  - 3) Nazar dan sumbangan – sumbangan lain
- a) Setuju ( )
  - b) Tidak bersetuju ( )
- 11 ) Setuju atau tidak bahawa selain daripada mengerjakan ibadat umrah berulangkali terdapat kewajipan – kewajipan utama yang lain terhadap masyarakat ?
- a) Setuju ( )
  - b) Tidak bersetuju ( )
- \* **Jika jawapan anda tidak setuju , sila terus menjawab soalan 13.**
- 12 ) Jika setuju apakah kerana sebab – sebab berikut :
- a) Terdapat banyak ayat – ayat Al-Quran dan Hadith yang menganjurkannya ( )
  - b) Di dalam melaksanakan hak – hak Allah terdapat disana hak – hak masyarakat ( )
  - c) Ianya sebagai salah satu cabang jihad dijalankan Allah ( )

- 13 ) Manakah yang menjadi keutamaan anda bagi memenuhi tujuan sedekah ?
- a) Memenuhi tuntutan agama ( merangkumi semua aspek kehidupan) (      )
  - b) Sebagai tuntutan hidup bermasyarakat (      )
  - c) Meningkatkan taraf pendidikan sebuah masyarakat (      )
  - e) Untuk meningkatkan ekonomi (      )
  - f) Lain – lain ( sila nyatakan ).....(      )

**B – Mengenalpasti Pandangan Responden Terhadap Keutamaan Melaksanakan Umrah Berulangkali Atau Bersedekah**

- 1 ) Manakah yang lebih utama diantara melaksanakan umrah berulangkali dengan bersedekah ?
- a) Umrah berulangkali (      )
  - b) Bersedekah (      )